

**KESEPADUAN PERSONALITI DALAM KALANGAN  
PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN IPTA DI  
MALAYSIA**

**SAMSUL ARIPIN**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
PENDIDIKAN**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **SAMSUL ARIPIN**  
No. Pendaftaran/Matrik: **PHA050014**

Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Tesis:  
**KESEPADUAN PERSONALITI DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA  
MUDA PENDIDIKAN IPTA DI MALAYSIA**

Bidang Penyelidikan: **PSIKOLOGI PENDIDIKAN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:  
Jawatan:

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dimensi-dimensi yang mempengaruhi kesepaduan personaliti dalam kalangan mahasiswa sarjana muda pendidikan pada empat buah universiti di Malaysia. Kajian ini menggunakan teknik path analisis dengan membentuk dan menguji model pengukuran kesepaduan personaliti, sikap mengikut kumpulan, autonomi, penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti dan menguasai persekitaran mahasiswa di IPTA. Kemudian, satu model penuh *a priori* kesepaduan personality dibentuk bersandarkan pada teori dan sorotan literatur bagi menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah yang dipilih. Model penuh *a priori* yang dicadangkan diuji sama ada konstruk yang dipilih *fit* dengan baik dan boleh mewakili data kajian. Satu set alat ukur telah diadaptasi daripada instrumen pengukuran *Mental Health Inventory* (MHI) dan telah ditadbirkan di empat buah IPTA sekitar Lembah Klang iaitu UM, UKM, UPM dan UiTM. Seramai 1715 responden telah digunakan dalam analisis ini. Analisis factor konfirmatori (CFA) dijalankan untuk menentukan konstruk terbaik bagi mewakili pemboleh ubah laten yang dikaji. Didapati dalam analisis CFA, kesemua model pengukuran didapati *fit* dengan sederhana dan boleh mewakili data kajian. Ini adalah kerana nilai *GFI*, *AGFI*, *CFI* di antara aras 0.60 hingga menghampiri 0.80 manakala *RMSEA* di atas aras 0.06 dan di bawah 0.10. Seterusnya, dalam model path analisis kesepaduan personaliti bagi keseluruhan IPTA juga *fit* dengan data empirikal pada nilai *GFI*= 0.995, *AGFI*= 0.891, *CFI*= 0.992 dan *RMSEA*= 0.123. Berdasarkan hasil kajian path analisis bagi keseluruhan IPTA mendapatkan bahawa kesan persepsi realiti (PR) dan menguasai persekitaran (MP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) dimediasi secara separa oleh sikap mengikut kumpulan (SMK) dan autonomi (AUTNI). Manakala kesan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) dimediasi secara penuh oleh sikap mengikut kumpulan (SMK) dan autonomi (AUTNI).

## **ABSTRACT**

### **INTEGRATION OF PERSONALITY AMONG UNDERGRADUATES IN THE FACULTY OF EDUCATION IN FOUR PUBLIC UNIVERSITIES IN MALAYSIA**

This study investigated the dimensions influencing the integration of personality among undergraduates in the faculty of education in four universities in Malaysia. This study used path analysis to develop and to test the integration of personality, autonomy, group oriented attitudes, perception of reality, positive self evaluation, environmental competence among undergraduates in public universities. Then, *a priori* model was developed based on the theories and literature to explain the relationship between the variables and to test whether the proposed model construct fit the empirical data collected from the undergraduates. A set of measurement was adapted from an instrument of the Mental Health Inventory (MHI) and was administered to four universities around the Klang Valley, specifically UM, UKM, UPM and UiTM. A total of 1715 respondents participated in this study. Confirmatory factor analysis (CFA) was performed in order to determine the best construct to represent the latent variables in this study. In the CFA analyses, all measurement models fitted moderately and fairly represented the data. This was because the *GFI*, *AGFI*, *CFI* value between 0.60 to 0.80 and *RMSEA* was above 0.06 and below 0.10. Next, the path analysis on the integration of personality of empirical data on the *GFI* was 0.995, *AGFI*= 0.891, *CFI*= 0.992 and *RMSEA*= 0.123. Based on the results of the path analysis, this study found that the perception of reality (PR) and environmental mastery (MP) to the integration of personality (KP) were partially mediated by group-oriented attitudes (SMK) and autonomy (AUTNI). However, the positive self-evaluation (PKP) to the integration of personality (KP) was fully mediated by the group-oriented attitudes (SMK) and autonomy (AUTNI).

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Allah SWT. Kerana dengan redha dan izin-Nya, tesis ini dapat disempurnakan. Penyiapan tesis ini saya hadiahkan terutama kepada Almarhum/h Bapak, Ibu, Nenek dan Paman yang telah membesarlu saya dengan penuh kasih sayang dan harapan. Terima kasih yang tidak berkesudahan kepada isteri dan kedua anak lelaki saya yang sabar dan sentiasa memberikan dorongan serta harapan dalam proses penyiapan tesis saya.

Melalui ruangan ini saya merakamkan terima kasih yang tidak terbilang kepada penyelia saya, Dr. Shahrir Jamaluddin yang telah sudi membimbang dengan kesabaran dan sentiasa memberikan sokongan kepada saya dalam proses penyiapan tesis ini.

Tidak ketinggalan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Prof. Madya. Dr. Mariani Md Nor (Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), Dr. Fatanah Mohamed, Prof. Madya. Dr. Zahari Ishak, Prof. Dr. Mohd Majid Konting dan Prof. Dr. Abdul Rahman bin Othman yang telah memberi nasehat dan komen penyelidikan saya. Tidak dilupakan terim kasih kepada Dr. Rafidah Aga Jaladin (Ketua Jabatan Psikologi Pendidikan & Kaunseling, Universiti Malaya) dan semua Pensyarah, Kakitangan Akademik serta teman-teman Ph.D ataupun Master di Fakulti Pendidikan yang telah bersahabat dan memberikan sokongan selama saya menyiapkan tesis.

## SENARAI KANDUNGAN

|                   |       |
|-------------------|-------|
| ABSTRAK           | iii   |
| ABSTRACT          | iv    |
| PENGHARGAAN       | v     |
| SENARAI KANDUNGAN | vi    |
| SENARAI RAJAH     | xi    |
| SENARAI JADUAL    | xiii  |
| SENARAI SINGKATAN | xviii |
| SENARAI LAMPIRAN  | xix   |

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

|                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| 1.1 Latar Belakang Masalah            | 1  |
| 1.2 Pernyataan Masalah                | 4  |
| 1.3 Objektif Kajian                   | 8  |
| 1.4 Soalan Kajian                     | 9  |
| 1.5 Definisi Istilah                  | 11 |
| 1.5.1 Kesepaduan Personaliti          | 12 |
| 1.5.2 Penilaian Kendiri Yang Positif  | 13 |
| 1.5.3 Persepsi Realiti                | 14 |
| 1.5.4 Autonomi                        | 15 |
| 1.5.5 Sikap Mengikut Kumpulan         | 16 |
| 1.5.6 Menguasai Persekutaran          | 17 |
| 1.6 Kerangka Teoritikal Kajian        | 18 |
| 1.6.1 Teori Kesihatan Mental Positif  | 18 |
| 1.6.2 Teori Keterasingan (Alienation) | 22 |
| 1.7 Model Kerangka Konsep Kajian      | 24 |
| 1.8 Limitasi Kajian                   | 26 |
| 1.9 Kepentingan Kajian                | 28 |

### **BAB 2: ULASAN KAJIAN**

|   |    |
|---|----|
| 2.1 Pengenalan  | 32 |
| 2.2 Perspektif Mengenai Personaliti   | 32 |
| 2.3 Hubungan Antara Penilaian Kendiri Yang Positif, Menguasai Persekutaran, Persepsi Realiti Melalui Autonomi Ke Kesepaduan Personaliti | 34 |

|  |    |
|--|----|
| 2.4 Hubungan Antara Penilaian Kendiri Yang Positif, Menguasai Persekutaran, Persepsi Realiti Melalui Sikap Mengikut Kumpulan Ke Kesepaduan Personaliti | 39 |
| 2.5 Hubungan Antara Autonomi Ke Kesepaduan Personaliti   | 45 |
| 2.6 Hubungan Antara Sikap Mengikut Kumpulan Ke Kesepaduan Personaliti  | 48 |
| 2.7 Hubungkait Antara Persepsi Realiti, Menguasai Persekutaran dan Penilaian Kendiri Yang Positif  | 50 |

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

|  |    |
|--|----|
| 3.1 Pengenalan                             | 53 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian                     | 53 |
| 3.3 Sampel Kajian                          | 56 |
| 3.4. Instrumen Kajian                      | 59 |
| 3.5 Variabel Kajian                        | 62 |
| 3.6 Prosedur Kajian                        | 63 |
| 3.7 Kajian Rintis                          | 63 |
| 3.8 Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen | 65 |
| 3.8.1 Kebolehpercayaan Instrumen           | 66 |
| 3.8.2 <i>Back To Back Translation</i>      | 67 |
| 3.9 Kajian Sebenar                         | 68 |
| 3.10 Analisis Data                         | 69 |
| 3.11 Path Analisis                         | 70 |
| 3.12 Analisis Faktor Konfirmatori (CFA)    | 71 |
| 3.13 Pengujian <i>Fit</i> Model            | 72 |
| 3.13.1 Penganggaran Parameter              | 73 |
| 3.13.2 Model Keseluruhan                   | 73 |

### **BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

|  |    |
|--|----|
| 4.1 Pengenalan                                       | 76 |
| 4.2 Pengumpulan Data Dan Kadar Respons               | 76 |
| 4.3 Penyaringan Data                                 | 77 |
| 4.3.1 Pengecaman Data Kehilangan Nilai               | 78 |
| 4.3.2 Pemprosesan Data                               | 78 |
| 4.3.3 Pengecaman Data Terpinggir ( <i>Outliers</i> ) | 79 |
| 4.3.4 <i>Mahalanobis Distance</i>                    | 79 |

|   |     |
|---|-----|
| 4.3.5 Skewness dan Kurtosis   | 80  |
| 4.3.6 Kaedah Bootstrapping Untuk Ketidak Normalan Data  | 82  |
| 4.4 Profil Sampel   | 83  |
| 4.6 Kesahan Konstruk  | 89  |
| 4.7 Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti   | 91  |
| 4.7.1 Collapse dan Recode: Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti  | 92  |
| 4.7.2 Himpunan Item ( <i>Parceling</i> )  | 94  |
| 4.8 Pengesahan Silang Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti   | 97  |
| 4.9 Model Path Analisis Bagi Keseluruhan IPTA   | 98  |
| 4.9.1 Pemberat Regresi Standard Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA   | 100 |
| 4.9.2 Nilai <i>Squared Multiple Correlations</i> Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA  | 104 |
| 4.9.3 Kesan Langsung, Kesan Tidak Langsung dan Jumlah Kesan Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA   | 106 |
| 4.9.4 Mediasi Penuh ( <i>Full Mediation</i> ) dan Mediasi Separa ( <i>Partial Mediation</i> ) Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA               | 109 |
| 4.10 Path Analisis Mengikut IPTA: IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4   | 112 |
| 4.10.1 Pemberat Regresi Standard ( $\beta$ ) Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4   | 113 |
| 4.10.2 Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4                                   | 117 |
| 4.10.3 Mediasi Penuh ( <i>Full Mediation</i> ) dan Mediasi Separa ( <i>Partial Mediation</i> ) Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4 | 126 |
| 4.11 Path Analisis Mengikut Jantina Keseluruhan IPTA  | 128 |
| 4.11.1 Pemberat Regresi Standard ( $\beta$ ) Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan (P) Keseluruhan IPTA                   | 129 |

|   |     |
|---|-----|
| 4.11.2 Mediasi Penuh ( <i>Full Mediation</i> ) dan Mediasi Separa ( <i>Partial Mediation</i> )<br>Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar<br>Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki dan Pelajar<br>Perempuan Keseluruhan IPTA              | 137 |
| 4.12 Path Analisis Bagi Jantina Mengikut IPTA   | 138 |
| 4.12.1 Pemberat Regresi Standard ( $\beta$ ) Path Analisis Bagi Kesepaduan Personaliti<br>Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Pelajar Lelaki (L)<br>dan Pelajar Perempuan (P) IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4  | 140 |
| 4.12.2 Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Path<br>Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar<br>Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan<br>IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4                                   | 145 |
| 4.12.3 Mediasi Penuh ( <i>Full Mediation</i> ) dan Mediasi Separa ( <i>Partial Mediation</i> )<br>Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar<br>Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan<br>IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4 | 157 |
| 4.13 Path Analisis Mengikut Jantina dan Tahap Kesihatan Mental Dalam<br>Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia   | 161 |
| 4.14 Moderator  | 162 |
| 4.14.1 Moderator: IPTA  | 162 |
| 4.14.1.1 Model <i>Trimming</i> Mengikut IPTA bagi Tujuan <i>Parsimony</i>   | 164 |
| 4.14.2 Moderator: Jantina   | 167 |
| 4.14.2.1 Model <i>Trimming</i> Mengikut IPTA dan Jantina bagi Tujuan<br><i>Parsimony</i>  | 168 |

## **BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

|  |     |
|--|-----|
| 5.1 Pengenalan   | 174 |
| 5.2 Ringkasan Kajian   | 174 |
| 5.3 Perbincangan Dapatan Kajian  | 176 |
| 5.3.1 Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung: Path Analisis Keseluruhan<br>IPTA | 180 |
| 5.3.2 Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung: Path Analisis<br>Mengikut IPTA    | 182 |
| 5.3.3 Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung: Path Analisis Mengikut<br>Jantina | 189 |

|  |            |
|--|------------|
| 5.3.4 Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung: Path Analisis Jantina Mengikut IPTA | 196        |
| 5.3.5 Moderator: IPTA  | 206        |
| 5.3.6 Model <i>Trimming</i> Mengikut IPTA bagi Tujuan <i>Parsimony</i>             | 208        |
| 5.3.7 Moderator: Jantina   | 215        |
| 5.3.8 Model <i>Trimming</i> Mengikut IPTA dan Jantina bagi Tujuan <i>Parsimony</i> | 217        |
| 5.4 Implikasi Kajian   | 226        |
| 5.5 Limitasi Dan Cadangan Untuk Kajian Lanjutan                                    | 230        |
| 5.6 Kesimpulan   | 231        |
| <b>DAFTAR PUSTAKA</b>  | <b>242</b> |
| <b>LAMPIRAN</b>  | <b>255</b> |

## **SENARAI RAJAH**

| <b>RAJAH</b> |  | <b>HALAMAN</b> |
|--------------|--|----------------|
| Rajah 1.1    | Tiga dimensi kesihatan psikologis yang merupakan definisi personaliti aspirasi manusia dalam pengertian psikologis, Ishizuka (1988).         | 20             |
| Rajah 1.2    | Model analisis pendekatan budaya baru dalam kesihatan mental oleh Kinderman dan Tai (2009).  | 21             |
| Rajah 1.3    | Model kontrol tekanan dalam kehidupan dan persekitaran yang sihat oleh Fisher (1986; 1994)   | 24             |
| Rajah 1.4    | Sokongan kajian bagi model cadangan kesihatan mental dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA.                      | 25             |
| Rajah 1.5    | Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia   | 26             |
| Rajah 3.1    | Pelbagai Proses Dalam Pentadbiran Kajian Yang Telah Dijalankan   | 64             |
| Rajah 4.1    | Normaliti Cerapan Kesihatan Mental (Q-Q plot)  | 81             |
| Rajah 4.2    | Taburan Cerapan Skala Kesihatan Mental   | 82             |
| Rajah 4.3    | Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia                                | 95             |
| Rajah 4.4    | Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia                                   | 99             |
| Rajah 4.5    | Pemberat Regresi Standard Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia         | 102            |
| Rajah 4.6    | Bollen-Stine <i>Bootstrapping</i> Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia | 103            |

|            |  |     |
|------------|--|-----|
| Rajah 4.7  | Nilai <i>Squared Multiple Correlations</i> Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA | 105 |
| Rajah 4.8  | Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4                               | 112 |
| Rajah 4.9  | Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan Keseluruhan IPTA       | 128 |
| Rajah 4.10 | Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan Mengikut IPTA          | 138 |
| Rajah 4.11 | Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Moderator IPTA  | 163 |

## SENARAI JADUAL

| <b>JADUAL</b>   | <b>HALAMAN</b> |
|---|----------------|
| Jadual 3.1 Nilai Bagi Tahap Kesihatan Mental  | 60             |
| Jadual 3.2 Item-Item Soal Selidik Dari Keenam Variabel Kesihatan Mental Kajian Ini  | 61             |
| Jadual 3.3 Nilai Pekali <i>Cronbach's Alpha</i> Bagi Instrumen Dalam Kajian Ini   | 67             |
| Jadual 4.1 Taburan Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>  | 81             |
| Jadual 4.2 Bilangan Responden Berdasarkan IPTA  | 83             |
| Jadual 4.3 Bilangan Responden Berdasarkan Jantina   | 84             |
| Jadual 4.4 Bilangan Responden Mengikut IPTA dan Jantina   | 84             |
| Jadual 4.5 Min Dan Sisihan Piawai ( <i>SD</i> ) bagi Dimensi Kesihatan Mental   | 85             |
| Jadual 4.6 Min dan Sisihan Piawai ( <i>SD</i> ) Bagi Pelajar Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan (P) IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4                                       | 86             |
| Jadual 4.7 Tahap Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia   | 87             |
| Jadual 4.8 Keputusan $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Untuk Model Pengukuran Mengikut Dimensi Kesihatan Mental  | 90             |
| Jadual 4.9 Keputusan $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Untuk Model Penuh Pengukuran Kesepadan Personaliti  | 92             |
| Jadual 4.10 Keputusan $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Untuk Model Penuh Pengukuran Kesepadan Personaliti Selepas di <i>Collapse</i> dan <i>Recode</i>      | 93             |
| Jadual 4.11 Keputusan $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Untuk Model Penuh Pengukuran Kesepadan Personaliti Selepas di <i>Parceling</i>                       | 96             |
| Jadual 4.12 Analisis $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Model Pengesahan Silang   | 98             |
| Jadual 4.13 Nilai $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Path Analisis Kesepadan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA | 100            |

|             |   |     |
|-------------|---|-----|
| Jadual 4.14 | Pemberat Regresi Standard ( $\beta$ ) Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA   | 102 |
| Jadual 4.15 | Nilai <i>Squared Multiple Correlations</i> Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA  | 105 |
| Jadual 4.16 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP) Ke Atas Kesepaduan Personaliti (KP) Melalui Sikap Mengikut Kumpulan (SMK) dan Autonomi (AUTNI) Path Analisis Bagi Keseluruhan IPTA | 106 |
| Jadual 4.17 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung Persepsi Realiti (PR) Ke Atas Kesepaduan Personaliti (KP) Melalui Sikap Mengikut Kumpulan dan Autonomi (SMK dan AUTNI) Path Analisis Bagi Keseluruhan IPTA              | 109 |
| Jadual 4.18 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung Menguasai Persekutaran (MP) Ke Atas Kesepaduan Personaliti (KP) Melalui Sikap Mengikut Kumpulan (SMK) dan Autonomi (AUTNI) Path Analisis Bagi Keseluruhan IPTA          | 110 |
| Jadual 4.19 | Jumlah kesan, kesan langsung dan kesan tidak langsung penilaian kendiri yang positif (PKP) ke atas kesepaduan personaliti (KP) melalui sikap mengikut kumpulan (SMK) dan autonomi (AUTNI) Path Analisis Bagi Keseluruhan IPTA | 111 |
| Jadual 4.20 | $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4   | 112 |
| Jadual 4.21 | Pemberat Regresi Standard ( $\beta$ ) Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4  | 113 |
| Jadual 4.22 | Nilai <i>Squared Multiple Correlations</i> Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4<br>Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung    | 115 |

|             |   |     |
|-------------|---|-----|
| Jadual 4.23 | Path Analisis Bagi IPTA1  | 117 |
| Jadual 4.24 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung<br>Path Analisis Bagi IPTA2   | 119 |
| Jadual 4.25 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung<br>Path Analisis Bagi IPTA3   | 121 |
| Jadual 4.26 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung<br>Path Analisis Bagi IPTA4   | 123 |
| Jadual 4.27 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung<br>Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan<br>Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi IPTA1, IPTA2,<br>IPTA3 dan IPTA4                         | 126 |
| Jadual 4.28 | $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Path Analisis Kesepaduan<br>Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda<br>Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan<br>Keseluruhan IPTA            | 128 |
| Jadual 4.29 | Pemberat Regresi Standard ( $\beta$ ) Path Analisis Kesepaduan<br>Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda<br>Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan<br>(P) Keseluruhan IPTA         | 129 |
| Jadual 4.30 | Nilai <i>Squared Multiple Correlations</i> Path Analisis<br>Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana<br>Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan<br>Keseluruhan IPTA            | 131 |
| Jadual 4.31 | Jumlah kesan, kesan langsung dan kesan tidak langsung Path<br>Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar<br>Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki Keseluruhan<br>IPTA                       | 132 |
| Jadual 4.32 | Jumlah kesan, kesan langsung dan kesan tidak langsung Path<br>Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar<br>Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Perempuan<br>Keseluruhan IPTA                    | 134 |
| Jadual 4.33 | Jumlah kesan, kesan langsung dan kesan tidak langsung Path<br>Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar<br>Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki dan Pelajar<br>Perempuan Keseluruhan IPTA | 137 |

|             |  |     |
|-------------|--|-----|
| Jadual 4.34 | $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Untuk Kesepadan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan (P) IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4                    | 139 |
| Jadual 4.35 | Pemberat Regresi Standard ( $\beta$ ) Path Analisis Kesepadan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan (P) IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4                 | 140 |
| Jadual 4.36 | Nilai <i>Squared Multiple Correlations</i> Path Analisis Kesepadan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan (P) IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4            | 142 |
| Jadual 4.37 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Path Analisis Bagi Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan IPTA1  | 145 |
| Jadual 4.38 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Path Analisis Bagi Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan IPTA2  | 148 |
| Jadual 4.39 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Path Analisis Bagi Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan IPTA3  | 151 |
| Jadual 4.40 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Path Analisis Bagi Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan IPTA4  | 154 |
| Jadual 4.41 | Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Path Analisis Kesepadan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Pelajar Lelaki (L) Dan Pelajar Perempuan (P) IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4 | 157 |
| Jadual 4.42 | Path Analisis Mengikut Jantina dan Tahap Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia  | 161 |
| Jadual 4.43 | $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Untuk Path Analisis Kesepadan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Moderator IPTA  | 163 |

|             |  |     |
|-------------|--|-----|
| Jadual 4.44 | Model <i>Trimming</i> Mengikut IPTA bagi Tujuan <i>Parsimony</i>   | 164 |
| Jadual 4.45 | $\chi^2$ dan Indeks <i>Goodness-of-Fit</i> Untuk Path Analisis<br>Kesepadan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana<br>Muda Pendidikan Bagi Moderator Jantina | 167 |
| Jadual 4.46 | Model <i>Trimming</i> Mengikut IPTA dan Jantina bagi Tujuan<br><i>Parsimony</i>  | 168 |

## **SENARAI SINGKATAN**

|       |  |
|-------|--|
| KP    | = Kesepaduan Personaliti   |
| PKP   | = Penilaian Kendiri Yang Positif                                       |
| MP    | = Menguasai Persekutaran   |
| AUTNI | = Autonomi   |
| PR    | = Persepsi Realiti   |
| SMK   | = Sikap Mengikut Kumpulan  |
| MHI   | = <i>Mental Health Inventory</i>                                       |
| FPK   | = Falsafah Pendidikan Kebangsaan                                       |
| IPTA  | = Institut Pengajian Tinggi Awam                                       |
| PBT   | = Pihak Berkuasa Tempatan  |
| AMOS  | = <i>Analysis of Moment Structures</i>                                 |
| CFA   | = Analisis faktor konfirmatori ( <i>Confirmatory Factor Analysis</i> ) |
| GFI   | = <i>Indeks Jorskog Sorbom Goodness-of-Fit</i>                         |
| AGFI  | = <i>Indeks Adjusted Goodness-of-Fit</i>                               |
| CFI   | = <i>Comparative Fit Index</i>   |
| RMSEA | = <i>Root Mean-Square Error Of Approximation</i>                       |

## **SENARAI LAMPIRAN**

|  |     |
|--|-----|
| LAMPIRAN A: Surat-Surat Kebenaran Menjalankan Kajian   | 255 |
| LAMPIRAN B: Instrumen Kajian   | 256 |
| LAMPIRAN C: Output SPSS  | 263 |
| LAMPIRAN D: Output Analisis Model Penuh Pengukuran Kesepaduan<br>Personaliti Autonomi, Sikap Mengikut Kumpulan,<br>Persepsi Realiti, Menguasai Persekutuan dan Penilaian<br>Kendiri Yang Positif | 272 |
| LAMPIRAN E: Output Path Analisis   | 276 |

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang Masalah**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization*) menyatakan bahawa kemurungan sebagai masalah penyumbang terbesar keempat pada tahun 1990 dan dijangkakan menjadi kedua terbesar selepas penyakit jantung iskemik (*ischaemic heart disease*) pada tahun 2020 (*World Health Organization/WHO*, 2004). Sementara, dalam kalangan remaja usia kuliah (20-24 tahun) di Amerika Syarikat, bunuh diri adalah punca utama kematian ketiga dan pembunuhan sebagai punca kedua (*Suicide Prevention Resource Center/SPRC*, 2004). Sedangkan, *National Mental Health Association* dan *The Jed Foundation* (dalam SPRC, 2004) menyatakan bahawa risiko untuk pembunuhan jauh lebih rendah dalam kalangan pelajar berbanding dengan penduduk awam di usia yang sama. Untuk saat ini, ada kajian kematian dalam kalangan pelajar yang membolehkan perbandingan antara pembunuhan dan bunuh diri sebagai punca. Dan dipercayai bahawa bunuh diri adalah kemungkinan penyebab kedua kematian, dengan melaporkan seramai 1.088 kes bunuh diri yang terjadi di kampus-kampus dianggarkan setiap tahun.

Sementara di United Kingdom (UK), bilangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang mengalami masalah kesihatan mental meningkat. Hal ini didepakkan oleh laporan Ketua Perkhidmatan Kaunseling IPTA (*Heads Of University Counselling Services/HUCS*, 1999) yang menunjukkan peningkatan bilangan pelajar yang datang kepada perkhidmatan kaunseling IPTA dengan masalah psikologi yang teruk. Di samping itu, pelajar yang bunuh diri telah meningkat daripada 2.4 pada 1983-1984 kepada 9.7 bagi setiap 100,000 pada 1993-1994 (*Mental Health Foundation*, 2001).

Di Malaysia, hasil Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (2006) menunjukkan bahawa masalah kesihatan mental yang prevalen dalam kalangan orang dewasa adalah 11.2% manakala 20.3% dalam kalangan kanak-kanak/remaja. Ini menunjukkan satu peningkatan jika dibandingkan dengan kajian yang sama dijalankan pada tahun 1996 dimana masalah kesihatan mental dikalangan orang dewasa melibatkan 10.7% dan 13% dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Malahan mengikut Malaysian Psychiatric Association (2010) dan Teng (2011) ada fakta yang menganggarkan kira-kira 20 hingga 30 orang bunuh diri setiap tahun bagi setiap 100,000 rakyat di Malaysia. Dalam pada itu Kementerian Kesihatan Malaysia (2011) mendedahkan seramai 317,766 klien didapati 2,478 (0.78%) klien berisiko masalah kesihatan mental, manakala 691 (0.22%) berisiko masalah kemurungan. Sedangkan, masalah kesihatan mental mengikut tahap umur didapati 43,780 (3.7%) bagi remaja, 31,643 (1.0%) lelaki dewasa, 32,527 (1.2%) perempuan dewasa dan 33,029 (0.5%) warga emas. Sehubungan dengan itu laporan masalah kesihatan mental dengan menggunakan *The Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) daripada 35,279 klien didapati seramai 25,070 (71.0%) adalah normal, manakala 10,209 (29.0%). Daripada 10,209 klien didapati 6,222 (61.0%) klien berisiko stres, 8,184 (80.0%) klien berisiko kerisauan manakala 5,339 (52%) klien berisiko kemurungan.

Pelajar adalah termasuk dalam kalangan remaja yang tidak terlepas dari masalah kesihatan mental (SPRC, 2004; HUCS, 1999; Newman & Newman, 2009; Royal College of Psychiatrists, 2011). Sedangkan menurut Archer dan Cooper (1998) bahawa keadaan pelajar pada saat ini berbeza dengan pelajar masa lalu. Begitu juga keperluan mereka, termasuk keperluan kesihatan mental yang berkaitan dengan isu-isu kepelbagai pelajar, pelbagai budaya, gender, kerjaya dan keperluan pembangunan, peralihan kehidupan, tekanan, keganasan dan masalah-masalah serius psikologi.

Keperluan terhadap kesihatan mental disebabkan terjadinya masalah pada mentaliti, kerana dari sudut kemanusiaan menurut Ab.Alim (1994) mental yang bermasalah disebabkan oleh pertumbuhan individu yang tersekat. Perkara ini berlaku atas beberapa sebab, diantaranya penggunaan mekanisme bela diri yang menyebabkan individu terkeluar daripada realiti, keadaan sosial yang negatif hasil daripada pembelajaran yang salah dan ketegangan yang berlebihan.

Sedangkan Azizi Yahaya dan Tan Soo Yin (2007) menyatakan bahawa mental yang bermasalah disebabkan gangguan yang melibatkan perubahan pemikiran, emosi, dan tingkah laku yang menjadikan kehidupan harian seseorang itu menjadisukar. Hal demikian adalah bentuk kecelaruan mental yang ditandai adanya kehancuran personaliti (*disintegration of personality*) dan terputusnya hubungan dirinya dengan realitas. WHO (2004) menyatakan bahawa kesihatan mental, salah satunya dikonseptualisasikan (*conceptualized*) sebagai suatu cirinya yakni personaliti. Dan Srivastava (2007) mendefinisikan personaliti sebagai suatu desakan, cara berfikir, sikap dan perangai yang ada pada diri seseorang itu serta dapat diramalkan tindakan yang akan dilakukannya.

Kajian Fisher (1994) dan Lessard (1998) mendapati bahawa masalah stres merupakan salah satu cabaran dalam pembentukan kesepadan personaliti, bukan sahaja dialami oleh orang dewasa, malahan turut dialami oleh para pelajar di IPTA. Ini adalah kerana persekitaran unik sebuah IPTA seringkali menuntut pelajar mengimbangkan pelbagai peranan dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh mereka. Sekiranya mereka gagal sudah tentu mereka akan mudah mengalami tekanan yang akan mengganggu kesepadan personaliti.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menyatakan bahawa:

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. (Jabatan Pengajian Tinggi, 2007).

Justeru, ianya telah menjelaskan bahawa tujuan serta matlamat pendidikan ialah untuk individu dan negara. Keduanya, FPK mempunyai tujuan yang selaras, iaitu untuk melahirkan insan yang mengadunca kesemua elemen-elemen tersebut di atas dengan tujuan supaya menjadi seorang warganegara yang baik. Manakala pendidikan merupakan proses asas dan utama untuk pembinaan insan yang baik, seimbang dan bersepadu yang secara langsung merupakan saluran utama dan yang paling penting untuk menjayakan hasrat dan cita-cita negara tersebut (Jabatan Pengajian Tinggi, 2007).

Berdasarkan FPK tersebut pula, jelas bahawa tujuan pendidikan tinggi bukan hanya setakat memperoleh segulung ijazah atau diploma, tetapi adalah untuk pembangunan diri manusia secara menyeluruh dan seimbang, dengan kata lain ‘menjadikan pelajar yang memiliki kesepadan personaliti’. Hal demikian kerana menurut Gage dan Berliner (1984) personaliti merupakan integrasi/kesepadan bagi kesemua tret-tret, kebolehan, motif, sikap, pendapat, kepercayaan, gaya kognitif, tindak balas emosi dan sifat-sifat personal yang ada pada seseorang itu.

Pernyataan di atas dikukuhkan dengan pembangunan dan pengekalan modal insan bertaraf dunia yang berkelayakan tinggi, kreatif, inovatif dan berkemahiran sebagai salah satu teras strategik Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015 telah mencerminkan bahawa pendidikan masih memainkan peranan yang sangat penting dalam mempertingkatkan pembangunan negara. Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015 jelas menunjukkan penekanan aspek ilmu pengetahuan dalam polisi kerajaan. Masyarakat modal insan yang diimpikan pada masa depan perlu berkualiti dari segi ilmu pengetahuan serta mempunyai perkembangan aspek-aspek personaliti yang cemerlang supaya dapat menghadapi cabaran, pengaruh dan persaingan sehingga tidak melenyapkan jati diri bangsa dan negara akibat daripada hanyut arus globalisasi (Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Institusi Pengajian Tinggi sememangnya mempunyai tugas berat. Kerana ia tidak hanya mengembangkan intelek pelajar sebagai calon tenaga ahli, tetapi yang lebih penting adalah menyiapkan pelajar dengan personaliti yang seimbang, sehingga dapat memenuhi tuntutan ilmiah, fizikal dan mental sihat serta tanggung jawab sosial. Oleh kerana itu, pelajar harus memiliki tiga kemampuan asas, iaitu: tahu (*knowledge*), berbuat (*action*) dan menghargai (*appreciate*). Seorang pelajar harus selalu menyesuaikan diri dengan kemajuan dipelbagai bidang, ia juga harus dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat tempat sosialnya (Meichati, 1983).

Newman dan Newman (2009) menyatakan usia 12-18 adalah awal remaja, dan usia 18-24 sebagai akhir masa remaja, sedangkan usia 24-34 ianya memasuki awal dewasa. Royal College of Psychiatrists (2011) menyatakan remaja yang berumur antara 18-25 antara yang berisiko tinggi mengidap masalah mental. Dan pelajar yang memiliki masalah mental yang teruk berisiko besar terhadap kegagalan akademik dan keciciran.

Hal demikian, disebabkan mereka berada di tengah atau lewat akil baligh, dengan kata lain termasuk usia pelajar adalah masa peralihan dari remaja akhir ke dewasa awal (Newman & Newman, 2009). Dalam tempoh ini, jurang kematangan fizikal dan ketiadaan rasa bersalah yang bersifat konflik psikologi dan ketidakseimbangan merupakan kemuncak masalah psikologi. Sebagai contoh konflik psikologi daripada perubahan peranan atau persekitaran, kebimbangan yang disebabkan oleh ketegangan dalam belajar, gangguan emosi disebabkan oleh buruk hubungan, tekanan emosi daripada perkara-perkara cinta, masalah yang bersifat psikologi kerana tekanan pekerjaan, rendah diri secara psikologi disebabkan kekurangan ekonomi, dan lain-lain (Li, 1995; Gunawati, Hartati & Listiara, 2006) ataupun disebabkan kesan tekanan semasa akil baligh, perkembangan kognitif, perkembangan moral, perkembangan identiti, perkembangan konsep kendiri, hubungan dengan keluarga dan rakan sebaya (Jas Laile, 2000; 2002). Hal demikian akan menjadi cabaran bagi pembentukan dimensi kesepaduan personaliti sebagai realisasi dari kesihatan mental dalam diri pelajar. Sedangkan personaliti ataupun kewujudan kesepaduan personaliti, menurut Gibson, Ivancevich dan Donnelly (2000) terhasil daripada ciri-ciri interaksi antar pelbagai kebudayaan, keturunan dan desakan individu termasuklah rakan sebaya, kelas sosial, budaya dan persekitaran fizikal.

Pada masa ini populasi remaja dianggarkan mencecah 1.5 bilion dari penduduk di seluruh dunia. Di Malaysia, jumlah remaja dalam kalangan umur 15-39 termasuk kalangan pelajar, dilaporkan mencecah 11.65 juta (Malaysia Economic Planning Unit, 2006). Oleh kerana itu, kalangan pelajar sebagai modal insan yang diimpikan pada masa depan yang berkualiti dari segi ilmu pengetahuan serta mempunyai perkembangan aspek-aspek personaliti yang cemerlang (Jabatan Perdana Menteri, 2010) juga dituntut untuk memiliki aspek psikologikal dan sosial yang bernilai dalam diri mereka, yang

dalam kajian ini meliputi pelbagai dimensi yakni penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, autonomi, sikap mengikut kumpulan dan menguasai persekitaran, yang kesemua dimensi akan mempengaruhi terhadap pengukuhan dimensi kesepaduan personaliti. Hal demikian kerana menurut Ab. Alim (2001) nilai-nilai murni perlu dipupuk melalui proses pendidikan bagi melahirkan individu yang kuat, bermoral, sanggup menghadapi cabaran dan mampu menyelesaikan konflik dan krisis dengan baik. Nilai murni ini adalah asas bagi pembentukan individu dan masyarakat yang sejahtera yang bebas daripada penyakit sosial dan krisis moral.

Oleh kerana itu, semua pernyataan di atas berkaitan dengan masalah personaliti sebagai realisasi dari kesihatan mental yang dalam kajian ini memberi fokus kepada dimensi kesepaduan personaliti dan dimensi-dimensi yang mempengaruhinya. Maka tujuan kajian ini adalah membentuk model penuh ke atas kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan di beberapa buah IPTA dengan melihat dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Kemudian dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran akan diuji sama ada mempunyai kesan langsung atau kesan tidak langsung ke atas kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Model tersebut juga akan diuji berdasarkan IPTA dan jantina sampel kajian ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini memiliki beberapa objektif, seperti yang tertera di bawah ini:

1. Memastikan model pengukuran yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan kesepaduan personaliti bisa *fit* (cocok) data sampel.
2. Memastikan model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan kesepaduan personaliti bisa cocok data semua sampel.
3. Memastikan model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4.
4. Memastikan model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa lelaki dan mahasiswa perempuan.
5. Memastikan model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa lelaki dan mahasiswa perempuan di masing-masing IPTA.
6. Memastikan dampak langsung dan dampak tidak langsung dari persepsi realiti, menguasai persekitaran, penilaian kendiri yang positif kepada kesepaduan personaliti diperantarai autonomi dan sikap mengikut kumpulan.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Sebagaimana diterangkan pada objektif di atas, maka penelitian ini dilaksanakan untuk tujuan menjawab beberapa pertanyaan di bawah ini:

1. Apakah model pengukuran yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel.
2. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data semua sampel?
3.
  - a. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel IPTA1?
  - b. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel IPTA2?
  - c. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel IPTA3?
  - d. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel IPTA4?
4.
  - a. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa lelaki?

- b. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa perempuan?
5. a. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa lelaki IPTA1?
- b. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa perempuan IPTA1?
- c. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa lelaki IPTA2?
- d. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa perempuan IPTA2?
- e. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa lelaki IPTA3?
- f. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut

kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa perempuan IPTA3?

- g. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa lelaki IPTA4?
- h. Apakah model yang diusulkan yaitu hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti bisa cocok data sampel mahasiswa perempuan IPTA4?
6. a. Apakah ditemukan dampak langsung dan dampak tidak langsung dari persepsi realiti kepada kesepaduan personaliti diperantaraui autonomi dan sikap mengikut kumpulan?
- b. Apakah ditemukan dampak langsung dan dampak tidak langsung dari menguasai persekitaran kepada kesepaduan personaliti diperantaraui autonomi dan sikap mengikut kumpulan?
- c. Apakah ditemukan dampak langsung dan dampak tidak langsung dari penilaian kendiri yang positif kepada kesepaduan personaliti diperantaraui autonomi dan sikap mengikut kumpulan?

### **1.5 Definisi Istilah**

Beberapa istilah telah diguna pakai dalam kajian ini dan akan diterangkan dari segi definisi operasionalnya bagi menjelaskan makna istilah dalam penyelidikan yang dijalankan. Spesifikasi definisi istilah ini diperlukan kerana pengertian umum dengan

pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza, seperti yang akan diterangkan di bawah ini:

### **1.5.1 Kesepaduan Personaliti**

Jahoda (1958) sebagai salah satu rujukan teori dari instrumen kesihatan mental dalam kajian ini mendefinisikan kesepaduan sebagai pertalian antara proses dan sifat-sifat dalam diri individu. Kesepaduan personaliti, sering dirujuk sebagai perpaduan atau kesinambungan personaliti adalah asumsi aksiomatik dalam banyak pemikiran psikologikal. Ia memberikan beberapa aspek dalam manifestasi kesepaduan personaliti, iaitu keseimbangan kekuatan psikik di dalam diri, penyatuan pandangan hidup dengan menekankan kesepaduan kognitif, ketahanan terhadap stres.

Seterusnya Larsen dan Buss (2005) mendefinisikan personaliti sebagai himpunan ciri-ciri psikologi dan mekanisme dalam diri individu yang terorganisir dan relatif kekal yang mempengaruhi individu tersebut dalam berinteraksi, beradaptasi, sama ada secara intrapsikik, fizikal dan persekitaran sosial.

Sementara Magnavita (2002) mendefinisikan personaliti dengan cara kebiasaan individu berpikir, merasa, melihat dan bertindak balas terhadap persekitaran. Walaupun sesetengah pendapat menyatakan bahawa personaliti adalah sesuatu yang stabil dan tidak berubah, tetapi pendapat yang lain melihat personaliti sebagai konsep yang boleh berubah-ubah yang dapat dipengaruhi oleh beberapa faktor luaran seperti sistem budaya dan keluarga. Kesepaduan dan model hubungan personaliti adalah suatu upaya untuk memahami hubungan antar faktor pelbagai dimensi secara berterusan.

Teori psikologi kemanusiaan oleh Maslow (1970) (dalam Hjelle & Ziegler, 1985; Larsen & Buss, 2005; Boeree, 2006) yang juga menjadi rujukan teori dari instrumen kesihatan mental dalam kajian ini mendefinisikan personaliti sebagai gambaran suatu motivasi individu dalam hal hierarki prioriti menaik atau berbentuk piramid, dikenali sebagai teori hierarki keinginan (*hierarchy of need theory*). Keperluan di peringkat bawah sekali adalah keperluan yang mesti dipenuhi sebelum keperluan pada peringkat yang lebih tinggi diberi keutamaan.

Instrumen dalam kajian ini yang diadaptasi dari Jagdis dan Srivastava (1999) telah mentakrifkan kesepaduan personaliti iaitu menunjukkan keseimbangan kekuatan psikik di dalam diri seseorang dan mencakupi keupayaan untuk memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, keupayaan untuk menumpukan perhatian di tempat kerja dan mempunyai minat dalam beberapa aktiviti.

Walau bagaimanapun dalam kajian ini, kesepaduan personaliti akan merujuk kepada pelajar yang mempunyai keseimbangan psikik, mampu memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, mampu memberikan tumpuan dalam pembelajaran serta minat beraktiviti berdasarkan maklum balas yang diterima daripada sampel terhadap kenyataan yang diambil daripada alat ukur kajian ini.

### **1.5.2 Penilaian Kendiri Yang Positif**

Jahoda (1958) menghuraikan definisi penilaian kendiri yang positif dengan beberapa aspek, seperti aspek penerimaan diri yang menunjukkan bahawa individu telah belajar dari kehidupan pribadinya, dengan menyedari segala keterbatasan dan kelebihan yang ada pada dirinya. Aspek lain seperti keyakinan diri, harga diri ataupun maruah akan lebih menggalakkan kepada hal-hal positif dan akan mengekspresikan

keseimbangan diri antara baik, mampu dan kuat. Aspek terakhir yakni sikap berdikari, ianya akan membawa kepada rasa percaya diri dan terhindar dari kebergantungan terhadap orang lain sehingga inisiatif akan muncul dalam diri.

Secara sederhana Puan Amina (2009) mentakrifkan penilaian kendiri yang positif dalam kesihatan mental dengan beberapa kriteria, yakni menyedari kelemahan dan kekuatan diri sendiri, berupaya mengawal perasaan, sanggup menerima kegagalan, mampu menghindari kegiatan yang tidak bermoral dan menghargai diri sendiri.

Sedangkan menurut Jagdis dan Srivastava (1999) ianya merangkumi keyakinan diri (*self-confidence*), penerimaan diri (*self acceptance*), identiti diri (*self identity*), perasaan berharga, kesedaran potensi diri.

Dalam kajian ini, penilaian kendiri yang positif akan merujuk kepada pelajar yang mempunyai keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga, kesedaran potensi diri berdasarkan maklum balas yang diterima daripada sampel terhadap kenyataan yang diambil daripada alat ukur yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.5.3 Persepsi Realiti**

Jahoda (1958) berpendapat bahawa persepsi realiti pada amnya, dianggap sebagai mental yang sihat apabila jangkaan individu sepadan dengan apa yang sebenarnya terjadi. Dalam literatur kesihatan mental, persepsi sentiasa membincangkan persepsi sosial, maksudnya kondisi mengikuti munculnya persepsi atau dengan pengamatan objek ataupun keduanya sekaligus, dengan melibatkan orang lain. Terdapat dua aspek dalam persepsi realiti yang dicadangkan sebagai kriteria kesihatan mental, iaitu persepsi yang bebas daripada distorsi keperluan dan empati atau kepekaan sosial.

Kriteria yang hampir sama diberikan oleh Jagdis dan Srivastava (1999) bagi persepsi realiti yakni persepsi yang bebas daripada distorsi keperluan, ketiadaan fantasi berlebihan dan wawasan yang luas.

Maka dalam kajian ini, persepsi realiti akan merujuk kepada pelajar yang mempunyai persepsi yang bebas daripada distorsi keperluan, ketiadaan fantasi berlebihan dan wawasan yang luas berdasarkan maklum balas yang diterima daripada sampel terhadap kenyataan yang diambil daripada alat ukur yang digunakan dalam kajian ini.

#### **1.5.4 Autonomi**

Salah satu dimensi dalam kesihatan mental yang dinamakan autonomi ini, menurut Jahoda (1958) iaitu hubungan di antara pembuatan keputusan individu dengan persekitarannya. Oleh kerana itu ditakrifkannya autonomi sebagai kesedaran individu untuk membezakan mana faktor persekitaran yang sepatutnya diterima dan mana yang sebaiknya ditolak. Tetapi terkadang autonomi ditafsirkan sebagai penarikan diri daripada realiti kerana stimulasi yang ditawarkan persekitaran dianggap kurang penting, atau hanya sedikit penglibatan individu terhadap lingkungannya. Bagi Jahoda (1958) wujudnya autonomi jika memiliki dua aspek, yakni proses pembuatan keputusan yang menekankan perilaku dalam selaras dengan piawaian yang dihayati, dan hasil dari proses pembuatan keputusan adalah bersifat independen.

Newman dan Newman (2009) menghubungkan antara berdikari dan autonomi dengan menyatakan bahawa sebahagian besar remaja telah merasa mencapai rasa autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Hal itu didasari aspek berdikari pada diri mereka yang diekspresikan

dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009).

Sedangkan Jagdis dan Srivastava (1999) mendefinisikan autonomi sebagai penetapan kestabilan pada standar dalaman individu untuk tindakannya, lebih kebergantungan pada potensi diri untuk pengembangan diri daripada kebergantungan terhadap orang lain.

Walau bagaimanapun dalam kajian ini, autonomi akan merujuk kepada pelajar yang mampu menetapkan kestabilan pada standard dalaman diri bagi tindakannya, dan lebih kebergantungan pada potensi diri untuk pengembangan diri daripada kebergantungan terhadap orang lain berdasarkan maklum balas yang diterima daripada sampel terhadap kenyataan yang diambil daripada alat ukur yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.5.5 Sikap Mengikut Kumpulan**

Puan Amina (2009) memberikan ciri-ciri pada dimensi sikap mengikut kumpulan sebagai manifestasi kesihatan mental yang positif terhadap orang lain, yakni mampu berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain, mampu memberi dan menerima kasih sayang, tahu menghargai dan mempercayai orang lain, dapat menerima pendapat orang lain secara terbuka.

Jas Laile (2002) menyatakan pentingnya sikap mengikut kumpulan ini, kerana seperti hubungan rekan sebaya yang baik memang diperlukan untuk perkembangan sosial yang normal bagi remaja. Isolasi sosial atau kegagalan untuk menghubungkan diri dengan jaringan sosial didapati berhubungkait dengan pelbagai bentuk masalah dan

kecelaruan, dari delinkuensi dan masalah ketagihan arak hingga kemurungan atau Fromm (1963) menamakannya dengan ketersinggan (*Alienation*) diri dari lingkungannya.

Jagdis dan Srivastava (1999) menghubungkaitkan sikap mengikut kumpulan dengan kemampuan untuk bergaul dengan orang lain, bekerja dengan orang lain dan kemampuan untuk menemukan suasana yang selesa.

Dalam kajian ini, sikap mengikut kumpulan akan merujuk kepada kemampuan pelajar untuk bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, mengerjakan tugas bersama rekan dan kemampuan untuk menemukan suasana yang selesa, sama ada di persekitaran IPTA ataupun di tempat tinggalnya berdasarkan maklum balas yang diterima daripada sampel terhadap kenyataan yang diambil daripada alat ukur yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.5.6 Menguasai Persekutaran**

Jahoda (1958) dan Fromm (1963) berpendapat yang hampir sama bahawa terdapat dua isu utama di dalam dimensi menguasai persekitaran, yakni kejayaan dan adaptasi. Menurut Jahoda (1958) aspek-aspek yang meliputi menguasai persekitaran yakni kemampuan untuk menyayangi; keseimbangan dalam kasih sayang, bekerja dan riadah; kemampuan dalam hubungan interpersonal; kecekapan dalam memenuhi keperluan mengikut situasi; kemampuan beradaptasi dan penyesuaian; kemampuan menyelesaikan masalah.

Sementara Jagdis dan Srivastava (1999) mendefinisikan menguasai persekitaran dengan memiliki kecekapan dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan, keupayaan

untuk bekerja dan beriadah, keupayaan untuk mengambil tanggungjawab dan keupayaan untuk penyesuaian.

Dan di dalam kajian ini, menguasai persekitaran akan merujuk kepada pelajar yang memiliki kecekapan dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan, keupayaan untuk mengerjakan tugas dan beriadah, keupayaan untuk mengambil tanggungjawab dan keupayaan untuk penyesuaian berdasarkan maklum balas yang diterima daripada sampel terhadap kenyataan yang diambil daripada alat ukur yang digunakan dalam kajian ini.

## **1.6 Kerangka Teoritikal Kajian**

Fokus utama dalam kajian ini adalah untuk melihat hubungan dimensi penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan ke atas kesepaduan personaliti. Dimensi-dimensi tersebut akan dikaji dengan mendalam secara multidimensi berpandukan beberapa model dan teori dalam bidang psikologi serta kajian-kajian lepas.

### **1.6.1 Teori Kesihatan Mental Positif**

Teori kesihatan mental positif sebagai rujukan dalam kajian ini merupakan cadangan daripada Jahoda (1958). Penyelidikan yang dilakukannya telah memberikan kontribusi ke literatur dengan melihat konsep mental, normalitas, kebahagiaan dan aktualisasi diri dengan perspektif yang lebih luas (Md. Shuaib, 1985; Jahoda, 1958). Menurut Jahoda (1958) pula, idea bahawa hanya terdapat satu kriteria/dimensi tunggal untuk melihat personaliti yang positif mesti ditinggalkan kerana personaliti yang baik

tidak boleh dikurangkan menjadi satu konsep sederhana dan satu aspek perilaku sebab tidak akan mencukupi untuk menjadikannya sebagai indikator.

Jahoda (1958) menambahkan bahawa ada keperluan untuk memiliki skala dan langkah-langkah untuk setiap dimensi. Masing-masing dimensi harus dianggap sebagai sebuah kesatuan kerana ada kecenderungan personaliti tidak sehat pada orang normal. Dimensi ini harus terdapat pada setiap titik dalam perkembangan individu, berkhidmat sama ada untuk menentukan keadaan individu, atau untuk menunjukkan kecenderungan terhadap positif atau negatif. Dimensi dianggap sebagai pelbagai sifat yang relatif berkekalan pada individu, dan bukan sahaja fungsi dari situasi terisolasi individu yang kemudian menemukan dirinya dalam pada waktu tertentu. Dimensi ini dimaksudkan sebagai indikator optimum kesepadan personaliti. Kesemua dimensi tidak dianggap sebagai mutlak dan standar minimum untuk setiap individu, dan sememangnya boleh berubah dengan usia. Setiap orang memiliki had sendiri, dan tiada siapa yang mencapai optimum dalam semua dimensi. Namun, kita berasumsi bahawa kebanyakan orang dapat mencapai optimum.

Keenam dimensi berikut yang ditawarkan oleh Jahoda (1958) sebagai indikator empiris, atau semacam resipi, yang saling berhubungkait sesamanya, yakni:

1. Sikap individu terhadap dirinya.
2. Pertumbuhan, perkembangan, dan aktualisasi diri-termasuk pemanfaatan kemampuan, orientasi masa depan, kebimbangan dengan pekerjaan, dan sebagainya.
3. Integrasi, seperti dalam keseimbangan kekuatan psikik, yang menyatukan pandangan seseorang, dan ketahanan terhadap stres dan frustrasi.
4. Autonomi, seperti dalam penentuan nasib sendiri, perilaku mandiri, dan bila perlu, ketidaksesuaian.

5. Sebuah persepsi yang benar tentang realitas.
6. Penguasaan lingkungan, berarti kecukupan cinta, bekerja dan beriadah, adaptasi dan penyesuaian, dan kapasiti untuk memecahkan masalah.


Keenam dimensi yang dicadangkan Jahoda (1958) tersebut, telah dikembangkan oleh Ishizuka (1988) dengan menghasilkan model hipotesis bahawa keenam dimensi tersebut disederhanakan kepada tiga keperluan psikologis asas yang menentukan kesihatan psikologis yakni kendiri (*self*), keintiman (*intimacy*), dan prestasi (*achievement*). Ketiganya masih cukup luas untuk merangkumi hampir semua peristiwa psikologis. Ketiga keperluan psikologis tersebut digambarkan seperti paparan dalam rajah di bawah ini:



Rajah 1.1: Tiga dimensi kesihatan psikologis yang merupakan definisi personaliti aspirasi manusia dalam pengertian psikologis, Ishizuka (1988).

Seperti ditunjukkan pada rajah di atas bahawa tiada satu pun daripada tiga dimensi tersebut berada secara berasingan. Di antara satu dengan yang lain, ketiga dimensi saling berinteraksi secara dinamik untuk menggambarkan personaliti individu. Oleh kerana itu, definisi Ishizuka (1988) tentang kesihatan psikologis juga merupakan definisi personaliti aspirasi manusia dalam pengertian psikologis.

Kemudian Kinderman dan Tai (2009) mencadangkan pendekatan budaya baru dalam kesihatan mental. Menurutnya bahawa faktor psikologis, sosial, situasional atau pengalaman hidup yang pernah dilalui sememangnya ikut menyumbang kepada masalah mental. Akan tetapi kesemua faktor tersebut akan dimediasi oleh proses psikologis. Dicontohnya sebuah pernyataan yang berpendapat bahawa faktor biologis akan menjadi *neurotransmitter* tertentu, termasuk *gen* yang menyebabkan secara signifikan terjadinya depresi. Pernyataan tersebut akan membawa kesan kepada persepsi dan pola pikir masyarakat di dalam proses psikologis mereka menyangkut harga diri (*self-esteem*), keyakinan pada kemampuan diri (*self-efficacy*), motivasi dan harapan. Ianya juga akan memberi kesan kepada aspek sosial dan situasional, seperti ketimpangan sosial dan kemiskinan akan memunculkan masalah kemurungan (*depression*) yang menyebabkan kekecewaan, putus asa dan ketidakberdayaan sehingga menganggap tiada harapan untuk masa hadapan yang lebih baik. Jika anggapan demikian terjadi dan menjadikannya trauma, maka jelas akan timbul masalah. Akan tetapi, sekali lagi bahawa anggapan yang menjadikan masalah pada kendiri tersebut masih ‘diperantarai oleh proses psikologis’, yang membentuk pola pikir anak-anak sehingga dewasa menilai diri mereka sendiri, orang-orang dalam kehidupan mereka dan cara di mana hubungan sosial dan hubungan seksual mesti diatur. Kinderman dan Tai (2009) menggambarkan model yang dicadangkannya seperti di bawah ini:



Rajah 1.2: Model analisis pendekatan budaya baru dalam kesihatan mental oleh Kinderman dan Tai (2009)

Maka perkhidmatan kesihatan mental yang terbaik adalah dalam aspek sosial, bukan medis. Para ahli psikologi hendaklah mencermati kesihatan mental individu melalui faktor biologis, sosial dan situasional yang mengakibatkan terjadinya proses psikologis sehingga mempengaruhi kesejahteraan psikologisnya (Kinderman & Tai, 2009).

### **1.6.2 Teori Keterasingan (*Alienation*)**

Teori keterasingan (*alienation*) yang dicadangkan oleh Fromm (1963) adalah kemuncak pemikirannya tentang falsafah sosial dan politik. Ia menyatakan memihak kepada kemanusiaan dan sosialisme demokratik. Ia mencuba untuk menekankan semula cita-cita kebebasan. Mengenai sosialisme, ia menolak kedua-dua kapitalisme Barat dan komunisme Soviet, yang menurutnya tidak manusiawi dan mengakibatkan fenomena pengasingan moden sejagat. Ia menjadi salah seorang pengasas humanisme sosialis, menggalakkan tulisan-tulisan dengan mesej kemanusiaan ke publik Amerika Syarikat dan Eropah. Fromm (1963) berhujah bahawa psikologi sosial memerlukan pendekatan teori dan empirik yang lebih dinamik.

Dalam tulisannya tentang keterasingan (*alienation*) merupakan asas dari perkembangan analisisnya tentang karakter sosial kontemporari, diterangkan sebagai modus pengalaman di mana seseorang mengalami dirinya sebagai alien. Dengan kata lain, boleh jadi orang ini terasing dari dirinya sendiri. Individu ini tidak mengalami dirinya sebagai pusat dunia, sebagai pencipta perbuatan sendiri, tetapi perbuatan dan konsekuensi mereka telah menjadi tuannya, yang dia patuhi, bahkan memuja-mujanya. Orang merasa terasing adalah keluar dari sentuhan dengan dirinya sendiri karena ia kehilangan kontak dengan orang lain. Dia, seperti yang lain, mengalami pelbagai hal-hal yang dialami, dengan indera dan dengan akal sehat, tetapi pada masa yang sama tanpa


berhubungan dengan diri sendiri dan dengan dunia luar produktif (Bamberg & Abell, 2006; Fromm, 1963).

Keterasingan disebabkan oleh pelbagai aspek, Fisher (1994) menganggapnya sebagai tekanan yang merupakan punca permasalahan individu. Ciri-ciri dari gejala yang menyebabkan tekanan sangatlah pelbagai, seperti juga tindak balas setiap individu terhadap tekanan. Di antara contoh dari tindak balas tersebut iaitu kemurungan, kebimbangan, obsesif, marah atau sikap fobia. Definisi asas tentang tekanan menganggap bahawa ia disebabkan persekitaran, akan tetapi terdapat model yang lebih sofistikated yang menganggap bahawa faktor kognitif lebih banyak menyumbang kepada tekanan.

Keterasingan yang disebabkan tekanan menurut McGrath (dalam Fisher, 1994) adalah terjadi dalam kehidupan harian individu yang dimaknainya dengan tolak ansur (*tolerance*). Pelbagai situasi terjadi seperti perpisahan dan kehilangan, pindah rumah dan kesulitan untuk berinteraksi dengan orang lain. Kemungkinan seseorang individu menganggap optimis situasi tersebut sebagai cabaran dan menarik berbanding anggapan pesimis individu lain. Oleh kerana itu Selye (dalam Fisher, 1994) menyatakan bahawa tekanan mempunyai sifat positif dan negatif.

Pendapat Fisher (1994) bahawa tekanan dihasilkan daripada ketidak seimbangan di antara kemahanan dan kemampuan adalah disebabkan oleh daya kawalan individu yang rendah pada fizikal, psikologikal dan persekitaran sosial. Tambahan pula, sebuah konsep oleh Fisher (1994) bahawa alam sentiasa berubah dan mempersemprehankan cabaran baru kepada individu sebagai motivasi baginya untuk menyalut cabaran itu. Peristiwa harian akan mewujudkan percanggahan dalam diri individu di antara

keinginannya dan yang sepatutnya. Konsep ini digambarkan seperti model yang dipaparkan pada rajah di bawah ini:




Rajah 1.3: Model kontrol tekanan dalam kehidupan dan persekitaran yang sihat oleh Fisher (1986; 1994)


### 1.7 Model Kerangka Konsep Kajian

Fokus utama kajian ini ialah untuk melihat hubungan antara dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, autonomi dan sikap mengikut kumpulan ke atas kesepaduan personaliti. Di samping itu, kajian ini juga tertumpu sama ada kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan antara penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti dan menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti. Pembolehubah tidak bersandar (IPTA dan jantina) akan digabungkan dalam pembentukan model penuh *a priori* kesepaduan personaliti. Kaedah

Berdasarkan permasalahan dan kerangka teoritikal di atas serta kajian-kajian lepas yang akan diterangkan pada bab 2 nanti, maka penyelidikan ini membentuk satu model cadangan yang merupakan model *a priori* yang bermaksud ianya adalah model yang berdasarkan literatur (Hoyle, 1995). Model ini menggunakan teknik path analisis, diharapkan dapat menjawab kesemua persoalan dalam kajian ini, seperti ditunjukkan dalam rajah dibawah ini:



Rajah 1.4: Sokongan Kajian Bagi Model Cadangan Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia.



- KPK : Kesan Langsung PR ke KP  
 TPSK : Kesan Tidak Langsung PR ke KP Melalui SMK  
 TPAK : Kesan Tidak Langsung PR ke KP Melalui AUTNI  
 KMK : Kesan Langsung MP ke KP  
 TMSK : Kesan Tidak Langsung MP ke KP Melalui SMK  
 TMAK : Kesan Tidak Langsung MP ke KP Melalui AUTNI  
 KKK : Kesan Langsung PKP ke KP  
 TKSK : Kesan Tidak Langsung PKP ke KP Melalui SMK  
 TKAK : Kesan Tidak Langsung PKP ke KP Melalui AUTNI

Rajah 1.5: Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia.

### 1.8 Limitasi Kajian

Kajian yang dijalankan ini tertakluk kepada beberapa limitasi (batasan) kajian sebagaimana berikut:

1. Disebabkan terdapatnya kesukaran untuk memperolah sampel kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) daripada jumlah pelajar dalam

populasi, maka sampel kajian dipilih dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA sekitar Lembah Klang, yakni UM, UKM, UPM dan UiTM. Oleh kerana itu, kajian ini mempunyai limitasi dari segi generalisasi keputusan kepada semua pelajar IPTA di Malaysia. Bagaimanapun sampel dijalankan secara bertujuan (*purposive sampling*) mengikut demografi dari rangka persampelan yang diperoleh daripada pihak IPTA. Dan untuk sampel kajian rintis, penyelidik mentadbir instrumen kajian dalam kalangan pelajar sarjana muda di sebuah Universiti.

2. Kajian ini mengukur pembolehubah yang dikaji menggunakan instrumen soal selidik dalam *setting* sedia ada. Data tidak diperoleh berdasarkan tugas pembelajaran pelajar yang tertentu, sebaliknya kajian ini ingin mengkaji kewujudan hubungan dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, autonomi, sikap mengikut kumpulan ke atas kesepaduan personaliti. Kajian ini juga menguji sama ada kesan langsung dan kesan tidak langsung serta jumlah kesan pada dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti dan menguasai persekitaran ke atas dimensi kesepaduan personaliti. Kemudian, model dalam kajian ini juga akan diuji dengan menggunakan IPTA dan jantina sebagai moderator tanpa manipulasi tugas pembelajaran tertentu.
3. Oleh kerana kajian ini menggunakan instrumen laporan soal selidik dalam *setting* sedia ada untuk mengutip data, maka hal ini bermakna pembolehubah yang diukur merupakan persepsi pelajar terhadap kewujudan dan kekuatan hubungan antara pembolehubah. Dimungkinkan bahawa sesetengah sampel menganggap soalan-soalan di dalam instrumen menunjukkan cerminan personaliti mereka sehingga cuba menjawab soalan-soalan yang akan meningkatkan persepsi mereka atau orang lain ke atas diri mereka. Oleh kerana itu, penyelidik berusaha merancang prosedur pengumpulan data yang setidaknya akan dapat meminimumkan kelemahan ini.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Fokus pada penyelidikan yang dijalankan dalam kajian ini adalah untuk membangun sebuah model dengan menentukan kesan langsung dan tidak langsung serta jumlah kesan antara faktor pembolehubah *exogenous* dan pembolehubah *endogenous* dengan kesepaduan personaliti. Mengenal pasti hubungan di antara variabel untuk menuju ke kesepaduan personaliti adalah sangat penting bagi pelajar, pentadbir, pensyarah/penyeliadan kakitangan di IPTA dalam proses perkuliahan. Di samping itu, pelajar akan mendapat wawasan yang lebih luas tentang kepentingan kesepaduan personaliti serta mengenal pasti dimensi-dimensi yang mempengaruhinya. Pihak-pihak terkait di IPTA, terutama para pensyarah akan dapat sangat membantu para pelajar di dalam memberikan kesedaran, membimbing dan membentuk kesepaduan personaliti yang ideal pada diri mereka. Maka, dengan demikian diharapkan ianya akan mencapai tujuan serta matlamat pendidikan iaitu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Jabatan Pengajian Tinggi, 2007).

Kesedaran akan pentingnya kesepaduan personaliti sangat diperlukan kerana ianya merupakan aspek yang dimiliki oleh setiap individu. menurut Vathanopas dan Thai-Ngam (2007) bahawa pelbagai profesi di mana individu berkompeten, maka selalunya mengandungi pelbagai elemen yang berhubungkait dengan aspek personaliti pada diri individu. Ianya akan mempengaruhi terhadap kualiti psikologikal kehidupan keseharian, seperti mana dinyatakan Adler (1935) bahawa di antara konsep yang digunakan dalam psikologi individu ialah kesepaduan personaliti. Di sini individu digambarkan sebagai satu kesepaduan, tret, atau pun naluri semula jadi. Apa-apa sahaja yang berkaitan dengan individu, perkara itu merujuk kepada bentuk kesepaduan yang menjadi satu daya gerak ke arah pencapaian matlamat. Maka, psikologi individu merupakan satu psikologi yang berbentuk holistik atau menyeluruh. Oleh kerana itu,

jelaslah bahawa personaliti merupakan satu himpunan emosi, pemikiran, dan corak tingkah laku yang unik bagi seseorang individu yang konsisten dalam satu tempoh masa.

Personaliti boleh dikenalpasti dalam satu jangka masa yang panjang iaitu melalui komunikasi dan pemerhatian terhadap tingkahlaku seseorang. Ia juga boleh dilakukan melalui proses yang dipanggil ujian personaliti (Janda, 2001). Ujian tersebut boleh dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui personaliti seseorang. Hasilnya dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan dalam membuat keputusan yang tertentu misalnya dalam pemilihan pekerja, pelajar dan sebagainya. Ujian personaliti merupakan sebarang instrumen yang dibina untuk menilai personaliti. Ianya dibina untuk mengukur sikap, tingkah laku dan nilai seseorang (Carter & Russel, 2003; Nooraini, 2012).

Personaliti seseorang juga dapat mempengaruhi sikap dan kesedaran seperti yang telah ditemui oleh Christophel, Hardy, Johnson, Kramer, Neil dan Williams (1997) dalam kajian mereka yang menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang positif dan signifikan antara jenis personaliti dengan sikap guru-guru terhadap kemahiran teknologi maklumat. Dapatan kajian ini juga menunjukkan wujudnya hubungan antara jenis personaliti seseorang individu dengan cara belajar, kematangan, kemahiran, dan isu-isu pencapaian dalam kerjayanya.

Dapatan kajian ini dapat mengidentifikasi peranan penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, autonomi, sikap mengikut kumpulan sebagai peramal kepada kesepaduan personaliti. Berdasarkan dapatan kajian, maka penggubal polisi, pentadbir, pensyarah dan kakitangan IPTA mungkin perlu mempertimbangkan dimensi-dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti,

menguasai persekitaran, autonomi, sikap mengikut kumpulan dalam usaha untuk mempertingkatkan kesepaduan personaliti pelajar. Jika penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti dan menguasai persekitaran didapati memberi kesan positif ke atas kesepaduan personaliti pelajar, maka para pensyarah dan pentadbir IPTA perlu mewujudkan langkah-langkah untuk mempertingkatkan autonomi dan sikap mengikut kumpulan semasa memberi bimbingan dan perkuliahan memandang akan kedua faktor ini lebih mudah dimanipulasikan daripada IPTA dan jantina. Pensyarah dan pentadbir sangat memainkan peranan yang sangat penting dalam mempertingkatkan konsep kesepaduan personaliti pelajar (Fisher, 1994).

Apabila model tersebut diuji dengan data-data berdasarkan IPTA dan jantina maka peranan kedua-dua faktor tersebut sebagai moderator dapat ditentukan. Kepentingan maklumat tentang IPTA adalah melahirkan kesedaran kepada pihak-pihak di setiap lingkungan IPTA ke atas kesepaduan personaliti. Kesedaran ini seterusnya akan menyebabkan pihak IPTA mengetahui tentang pentingnya peranan mereka dalam membentuk kesepaduan personaliti pelajar dan bukannya bersikap tidak peduli serta menyerahkan sepenuhnya kepada pelajar di dalam membentuk kesepaduan personaliti mereka masing-masing. Maklumat dari faktor jantina pula dapat membantu para pensyarah dan pentadbir IPTA membuat strategi-strategi yang sesuai dalam menangani masalah kesepaduan personaliti yang lemah dan seterusnya dapat mengurangkan kesan negatif yang akan ditimbulkannya.

Dari semua pendedahan kajian dan literatur tersebut di atas, maka kajian dalam konteks budaya pelajar Malaysia pastinya amat diperlukan khususnya dalam menambah literatur dalam bidang keilmuan psikologi pendidikan yang masih diperlukan di Negara ini. Meskipun ada kajian-kajian lepas yang mengkaji pembolehubah seperti dalam

kajian ini, namun kebanyakannya dibuat dalam konteks masyarakat luar negara Malaysia (Jagdish & Srivastava, 1999; Husain & Rizvi, 2003; Srivastava, 2007). Perbezaan nilai hidup dan lingkungan budaya memungkinkan dapatan yang berbeza diperoleh berdasarkan konteks kajian yang berbeza.

Oleh sebab demikian, atas pertimbangan ke atas kepentingan-kepentingan kajian ini, pengkaji mengambil keputusan untuk menjalankan kajian ini khususnya dalam konteks pelajar Malaysia. Dengan adanya hasil kajian ini, diharapkan mampu memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang keilmuan psikologi pendidikan, khasnya di negara ini.

## BAB 2

### ULASAN RUJUKAN

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan membahas dari perspektif teoritikal dan kajian-kajian lepas berkenaan hubungan antara dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, autonomi, sikap mengikut kumpulan ke atas dimensi kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia. Kajian ini juga tertumpu kepada sama ada kesan langsung dan kesan tidak langsung serta jumlah kesan pada dimensi sikap mengikut kumpulan dan autonomi ke atas dimensi kesepaduan personaliti, serta kesan langsung antara menguasai pesekitaran ke kesepaduan personaliti. Kemudian, model dalam kajian ini juga akan diuji dengan menggunakan IPTA dan jantina sebagai moderator tanpa manipulasi tugas pembelajaran tertentu.

Dengan membincangkan perspektif teoritikal yang nantinya akan menjurus pada kerangka konseptual kajian sebagai asas dan latar belakang kajian yang telah dipaparkan dalam bab sebelum ini. Membincangkan teori dan konsep secara terperinci adalah sangat penting dikeranakan dapat memberikan penjelasan terhadap fenomena yang dikaji dan bagaimana konsep dalam fenomena yang dikaji berlaku.

#### 2.2 Perspektif Mengenai Personaliti

Personaliti berasal dari perkataan Latin "*pesona*", yang membawa maksud topeng, pelindung muka atau juga mengeluarkan suara (*personare*). Interpretasi secara terminologi tersebut dimaksudkan kepada penampilan luaran seseorang individu (Kamarulzaman, 2009). Carver dan Scheier (2008) menyatakan bahawa sekian lama

para ahli psikologi berhujah tentang bagaimana caranya memberikan definisi secara tepat tentang personaliti. Akan tetapi tiada seorangpun yang boleh diterima secara universal pendapatnya tentang personaliti.

Kata personaliti yang digunakan di dalam kajian ini selain kerana merujuk kepada asas teori dan konsep yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah mencoba seperti apa yang dinyatakan oleh Carver dan Scheier (2008) hendak menyampaikan secara konsisten atau berkesinambungan tentang seseorang (*person*).

Mischel (1999) menyatakan konsep personaliti sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal setiap individu yang menentukan tingkah laku dan pemikiran. Sementara Edwards (1947) dan Srivastava (2007) serta Gage dan Berliner (1984) yang interpretasi hampir sama tentang personaliti iaitu merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya. Personaliti merupakan konsep dinamik yang menggambarkan pertumbuhan dan pembangunan sistem psikologi seseorang, terutamanya aspek perwatakan. Personaliti mempengaruhi segala aspek kehidupan seseorang seperti pemilihan kerjaya, kepuasan kerja, tekanan, gaya kepimpinan dan prestasi kerja seseorang individu.

Oleh kerana itu Shukri (2002) dan Carver serta Scheier (2008) menyatakan personaliti merupakan satu faktor yang menyebabkan perbezaan perwatakan di antara seseorang individu dengan individu yang lain, walaupun rambut kelihatannya sama hitam dan memiliki kulit yang sama. Ianya merupakan aspek penting yang mempengaruhi kehidupan seseorang. Hal ini kerana personaliti merupakan asas yang akan mempengaruhi individu dalam membuat sesuatu keputusan atau aktiviti.

Selanjutnya di dalam pembentukan personaliti tidak lepas dari faktor-faktor yang mempengaruhinya. Dalam model kontemporari Bee (1995) menggabungkan beberapa proses perkembangan utama yang terdapat dalam teori biologikal (pendekatan baka), teori pembelajaran sosial dan teori psikoanalitik ke dalam suatu model perkembangan psikososial.

Maka Farnsworth (1957) menyatakan bahawa pengetahuan tentang personaliti datang dari pelbagai sumber di antaranya psikologi, antropologi, sosiologi, psikiatri dan fisiologi. Di dalam perbincangan tentang personaliti, para pakar tersebut pada lazimnya menerima asas bahawa menjaga kasih sayang adalah sesuatu yang sangat penting bagi kesejahteraan anak, maka ilmu pengetahuan sahaja tidak cukup sehingga mungkin juga pada suatu masa nanti akan menjadi punca keimbangan yang besar yang tidak boleh diabaikan. Wilson di dalam Farnsworth (1957) menyatakan pendapatnya tentang perilaku remaja yang tidak dapat diubah dengan ugutan, hukuman ataupun ganjaran. Tetapi ianya hanya boleh diubah dengan memberikan rasa simpati, memahami mereka dengan hati dan memberikan kasih sayang secara berterusan adalah aset terbaik bagi para orang tua atau pendidik.

### **2.3 Hubungan Antara Penilaian Kendiri Yang Positif, Menguasai Persekutaran, Persepsi Realiti Melalui Autonomi Ke Kesepaduan Personaliti**

Sharma (2012) menyatakan bahawa peralihan dari sekolah ke IPTA adalah sebuah proses yang kompleks bagi kebanyakan pelajar, khasnya pelajar baharu. Sehingga peralihan tersebut digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu dan berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan

peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu (Pascarella & Terenzini, 1991). Sedangkan Farnsworth (1957) berpendapat bahawa lelaki dan perempuan yang telah memasuki masa kuliah adalah menghampiri masa remaja dan mulai memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa. Newman dan Newman (2009) mengaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Hal itu didasari aspek berdikari pada diri mereka yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Jelas dari aspek-aspek tersebut menunjukkan adanya hubungan dari penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran, persepsi realiti melalui autonomi ke kesepaduan personaliti dengan adanya pelajar yang mempunyai keyakinan diri dan sedarkan potensi diri sebagai manifestasi dari dimensi penilaian kendiri yang positif; sikap pelajar yang memiliki kecekapan dalam memenuhi keperluannya mengikut keadaan, keupayaannya mengerjakan tugas dan beriadah serta keupayaannya mengambil tanggungjawab dan penyesuaian sebagai manifestasi dimensi menguasai persekitaran; pelajar yang berwawasan luas sebagai manifestasi dimensi persepsi realiti maka akan muncul sikap kestabilan dalam diri bagi tindakannya sebagai manifestasi dimensi autonomi sehingga dimensi penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran, persepsi realiti baik secara langsung ataupun tidak langsung, melalui dimensi autonomi akan mewujudkan individu yang mempunyai keseimbangan psikik, mampu memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, mampu memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan semestinya memberi kesan kepada minatnya beraktiviti sebagai manifestasi dimensi kesepaduan personaliti. Di samping itu, banyak faktor yang mempengaruhi kematangan emosional pada pelajar seperti cita-cita, status ekonomi, persekitaran keluarga, persekitaran IPTA,

kebimbangan dan kekecewaan. Hal demikian kerana menurut Farnsworth (1957) bahawa purata pelajar mempunyai cita-cita dan harapan yang tinggi, sehingga mereka mencuba sedaya upaya untuk menjalani kehidupan sesuai dengan apa yang mereka harapkan.

Maka perlu ada panduan untuk kriteria pelajar yang dianggap mempunyai kematangan emosi. Dalam hal ini Kaplan dan Baron di dalam Mahmoudi (2012) menghuraikan tentang ciri-ciri kematangan emosi seseorang yakni kemampuan untuk menahan atau menunda memenuhi keinginannya. Ia mencuba untuk menyimak kembali kepentingaan keinginannya untuk kesan jangka panjang sehingga ia dapat menyesuaikan keperluannya dengan tuntutan keadaan semasa. Maka, dari ciri-ciri kematangan tersebut menunjukkan adanya hubungan dari penilaian kendiri yang positif baik secara langsung ke kesepaduan personaliti ataupun tidak langsung,melalui autonomi ke kesepaduan personaliti dari manifestasi masing-masing dimensi yakni individu yang mempunyai keyakinan diri, penerimaan diri dan identiti diri akan memunculkan sikap individu yang mampu menstabilkan diri untuk tindakannya sehinggaakan menciptakan individu yang mempunyai keseimbangan psikik.

Tambahan pula dapatan kajian yang dijalankan oleh Mahmoudi (2012) menyatakan bahawa kematangan emosi sangat berkait rapat dengan kesihatan individu, penyesuaian diri dan perilaku pelajar. Maka menjadi sangat perlu bagi pelajar semenjak kecil mempunyai perkembangan emosi yang sihat. Hal ini bermakna bahawa seseorang yang mempunyai emosi menyenangkan dan tidak menyenangkan harus mengembangkan perbandingan tersebut sehingga emosi yang tidak menyenangkan tidak akan mempengaruhi kesihatan mental yang diwujudkan dalam dimensi kesepaduan personaliti. Perlu ada upaya pembangunan yang betul terhadap penawar emosi yang

akan membantu di dalam mengurangi ketegangan mental dan ketidakseimbangan personaliti yang timbul akibat emosi yang tidak menyenangkan (Fisher, 1994).

Di sisi lain (Fisher, 1994) mengkaji adanya hubungan di antara tanggung jawab atau tugas yang kompleks akan terdedah kepada kesan buruk akibat tekanan (*stress*), sedangkan tugas yang mudah akan mendapatkan manfaat daripada tahap tekanan yang sama. Kajian Wilkinson (1964) mendapati bahawa tugas-tugas yang kompleks tidak menjelaskan kepada kualiti tidur, akan tetapi menurut kajian Fisher, 1983) akan lebih menjelaskan disebabkan kesan kebisingan. Dapatan kajian ini menurutnya penting bagi kalangan akademik, termasuk pelajar kerana di dalam menyelesaikan masalah tugas mereka memerlukan tumpuan, kecekapan dan teliti dalam pemecahan masalah. Maka terdapat beberapa aspek relevan di dalam kajian perubahan tumpuan dan memori dalam tekanan. Menurutnya terdapat dua aspek yang menjadi ciri-ciri tumpuan dalam tekanan.

Pertama, aspek konsentrasi yakni kemampuan memberikan tumpuan sepenuhnya. Hal ini sangat penting di dalam membaca dan kreativiti menulis, penyelesaian masalah, tugas organisasi dan aktiviti pengurusan serta dalam menangani aspek yang lebih biasa dalam kehidupan harian. Pelajar yang mempunyai kesukaran menumpukan perhatian boleh jadi akan terlepas aspek penting dari isi ceramah perkuliahan atau salah dalam membaca teks. Satu contoh yang jelas adalah dimana pelajar boleh salah membaca soalan atau gagal untuk memahami arahan pemeriksaan.

Kedua, aspek fokus yakni salah satu yang paling menarik tentang fenomena berdasarkan minda. Walaupun selepas banyak uji kaji, perubahan dalam ciri-ciri

penumpuan berikut tekanan masih kurang difahami. Bermula pengalaman pribadi, kebanyakan orang mengakui bahawa mereka mempunyai kawalan ke atas aspek tumpuan mereka sendiri tetapi mereka terganggu oleh faktor luaran seperti persekitaran atau faktor dalaman seperti kebimbangan. Jadi, mereka hanya boleh memilih untuk mendengar satu orang sahaja dan tidak boleh lebih, hanya melihat satu aspek dari kompleksnya kejadian dan biasanya memilih untuk mengalihkan perhatian seseorang supaya tampak seolah-olah sewajarnya. Ini menunjukkan bahawa terdapat kawalan penumpuan (*attentional control*). Bagaimanapun, ada kalanya tumpuan dapat ditangkap serta-merta oleh persekitaran atau pemikiran dalaman. Dan dalam keadaan seperti itu, maka akan hilang kawalan serta tumpuan menjadi rapuh. Dari penjelasan (Fisher, 1994) di atas, didapati bahawa adanya hubungan antara dimensi menguasai persekitaran ke kesepadan personaliti dari manifestasi dengan adanya kemampuan mengerjakan tugas, cekap dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan, berupaya bertanggungjawab dan berupaya menyesuaikan diri sehingga diharapkan pelajar mampu memberikan tumpuan dalam perkuliahan dan minat beraktiviti.

Zafar, Noraini dan Amber (2005) jelas menyatakan adanya hubungan kesan langsung mahupun tidak langsung dari penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran, persepsi realiti melalui autonomi ke kesepadan personaliti. Hubungan di antara peranan dan kesejahteraan dapat diubah suai oleh personaliti dan persekitaran. Selanjutnya, Zafar et al. (2005) juga memberikan contoh bahawa autonomi kerja yang rendah memberi kesan kepada aspek kebahagiaan yang dimoderatori oleh *extraversion* dan sumber dukungan yang tinggi sama ada dari pasangan, teman ataupun kerabat.

## **2.4 Hubungan Antara Penilaian Kendiri Yang Positif, Menguasai Persekutaran, Persepsi Realiti Melalui Sikap Mengikut Kumpulan Ke Kesepaduan Personaliti**

Pendapat yang menyatakan bahawa terdapatnya hubungan antara penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran, persepsi realiti melalui sikap mengikut kumpulan ke kesepaduan personaliti yakni dari interpretasi tentang personaliti yang diberikan oleh Warren dan Carmichael (1930) yang menyatakan sebagai organisasi dinamik dalam diri individu yang terdiri daripada gabungan psikologikal dan fizikal yang menentukan penyesuaian kepada persekitarannya (Kamarulzaman, 2009).

Oleh kerana itu, terjadinya ketidak seimbangan antara psikologikal dan fizikal dengan persekitarannya menyebabkan tekanan (*stress*) pada individu. Dan kajian yang mengenal pasti punca dari stres (*stressor*) yang dialami oleh pelajar yang dijalankan oleh Baustad dan Tammy (1998) dan Lessard (1998) menyatakan bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres. Hal ini bermakna pelajar atau pelajar yang tidak mampu menjalankan tanggungjawab dan tidak cekap dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan yang merupakan manifestasi dimensi menguasai persekitaran; atau pelajar yang tidak mempunyai keyakinan diri, penerimaan diri, kesedaran potensi diri sebagai manifestasi dimensi penilaian kendiri yang positif; atau ketiadaan wawasan yang luas sebagai manifestasi dimensi persepsi realiti maka akan memunculkan ketidakmampuan individu dalam penyeimbangan psikik, memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan minat beraktiviti sebagai manifestasi dari dimensi kesepaduan personaliti yang pada akhirnya pelajar akan mudah mengalami stres (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998).

Kajian lain yang menunjukkan adanya perkaitan antara dimensi-dimensi tersebut ke kesepadan personaliti adalah keputusan kajian yang diperolehi oleh Mayer (1988) yang dilakukan ke atas pelajar sekolah tinggi di Chicago mendapati mereka yang menyalahgunakan alkohol mempunyai hubungan yang signifikan dengan personaliti. Laporan dalam kajiannya mendapati bahawa mereka yang memperolehi skor tanggungjawab yang rendah mempunyai hubungan dengan penyalahgunaan alkohol. Kajian-kajian lain juga mengenalpasti ciri-ciri personaliti berhubungkait dengan penyalahgunaan alkohol (Wan Su, 2012). Selain itu, Mackay (1961) menyatakan bahawa kawalan rangsangan yang lemah, permusuhan dan kemurungan merupakan ciri-ciri yang terdapat pada pemabuk (Wan Su, 2012).

Fisher (1994) dan kajian Bujuwoye (2002) mendapati bahawa kebanyakan pelajar IPT (Institusi Pengajian Tinggi) bimbang kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di IPTA dalam aspek akademik dan rutin harian kampus. Sementara tahap kebimbangan didefinisikan sebagai jumlah kekerapan yang dilaporkan dalam kajian yang dijalankan oleh Fisher dan Hood (1987) menunjukkan tahap kebimbangan tertinggi yang dilaporkan oleh pelajar ialah masalah dalam akademik, sosial, keluarga, dan kesihatan. Pelajar juga lebih mengalami kebimbangan dalam aspek keluarga dan kesihatan. *Homesickness* (keinginan pulang) dikatakan masalah yang kerap dilaporkan oleh para pelajar tetapi hanya pada peringkat awal iaitu tahun pertama pengajian. Tetapi didapati sesetengah kalangan pelajar mengalami *homesickness* berterusan sepanjang kehidupan akademik sehingga dapat menyebabkan mereka melakukan tingkah laku devian. Pelajar yang mengalami *homesickness* ini akan mengalami tekanan dan akan tinggal dalam bilik bersendirian, tidak hadir ke kuliah dan tidak dapat berfungsi dengan baik. Terdapat juga kajian mendapati apabila seseorang itu bimbang mereka akan

cenderung untuk mengatasi masalah tersebut dengan terlibat dalam penyalahgunaan bahan (Wan Su, 2012).

Philips (1977) menyatakan mereka yang mengalami kebimbangan akan cuba untuk mengurangkannya dengan mengambil dadah. Kemudian, mereka juga cuba untuk mengurangkan kebimbangan dengan menggunakan makanan dan tembakau. Ini kerana mereka yang bimbang tentang berat badan akan mengurangkan pengambilan makanan terutamanya bagi perempuan dan akan merokok untuk menenangkan fikiran bagi lelaki. Kebimbangan tercetus apabila seseorang memikirkan yang mereka tidak berkeupayaan untuk melakukan suatu tugas (Wan Abdul Kader, 1994). Menurut Kamal Abd. Manaf (1996), manusia itu sebenarnya banyak menghadapi perasaan kerisauan, takut kepada kegagalan mencapai kesempurnaan hidup dan akan melahirkan kegelisahan.

Jahoda (1958) menjelaskan bahawa dimensi megasasi persekitaran ini dikenal dengan aktualisasi diri, ianya diwujudkan dalam tiga aspek. Pertama, aspek konsep keperibadian yang ianya dikategorikan sebagai aspek yang sangat luas. Aspek kedua adalah proses motivasi, Fromm dalam Jahoda (1958) mengakui bahawa aspek ini hanya memberi satu makna dalam hidup, yakni perbuatan dalam kehidupannya. Sementara Maslow dalam Jahoda (1958) membezakan kekurangan motivasi dari pertumbuhan motivasi. Kekurangan motivasi bertujuan untuk mencukupi keperluan-keperluan seperti: keselamatan, pemilikan harta, cinta, rasa hormat, penghargaan diri. Sedangkan pertumbuhan motivasi bermaksud panduan untuk melalui ketegangan dalam mengaktualisasikan diri menggunakan potensi dan bakat untuk pelaksanaan tugas kehidupan atau pekerjaan, dan untuk aktifiti berehat atau berhenti bekerja. Pembezaan Maslow tersebut disetujui oleh Allport dalam Jahoda (1958) yang menganggap bahawa kedinamikaan suara hati sebagai suatu contoh perkembangan motivasi.

Dan aspek ketiga iaitu pelaburan dalam kehidupan, berkaitan dengan aspek ini membincangkan tentang pemerhatian terhadap peribadi sendiri sebagai suatu sifat kematangan individu. Ianya adalah suatu kemampuan individu untuk menceburi dirinya di dalam kerja, perenungan, rekreatif dan kesetiaan terhadap yang lainnya (Allport dalam Jahoda, 1958). Seterusnya Maslow dalam Jahoda (1958) menemukan bahawa aktualisasi diri masyarakat secara am tertumpu kepada masalah-masalah luaran mereka sendiri. Perasaan mereka terhadap sesama adalah sama pada asasnya, yakni mempunyai keinginan untuk menolong berbagai ras. Mereka mempunyai hubungan sangat mendalam dengan mana-mana sahaja orang dewasa. Etika mereka sangat kuat kerana mereka mempunyai ukuran definisi moral. Mayman dalam Jahoda (1958) menjelaskan aspek ini bermaksud bahawa lingkungan dan kualiti individu berkaitan dengan orang lain dan apa sahaja yang patut di dunia ini. Individu ini perlu untuk mempertimbangkan tujuan dan aktiviti. Lindner dalam Jahoda (1958) pada aspek ini menggunakan istilah pekerjaan. Menurutnya aspek ini ialah suatu sikap membenarkan dedikasi untuk kewujudan, pandangan yang mendalam dan berpartisipasi penuh dalam kehidupan. Jung dalam Jahoda (1958) menyatakan bahawa aktualisasi diri bermakna kelengkapan, sangat sempurna perbezaan dan keselarasan mencampurkan semua aspek-aspek pada personaliti seseorang.

Selain daripada itu terdapat kajian yang menunjukkan pentingnya sikap penerimaan diri di antaranya yang dijalankan oleh Ardilla dan Herdiana (2013) yang merujuk kepada beberapa teori penerimaan diri yang menjelaskan bahawa individu yang dapat menerima dirinya ialah individu yang memiliki kesedaran terhadap karakteristik yang ada di dalam dirinya, dan ia mampu dan bersedia untuk hidup dengan karakteristik tersebut, serta individu tidak terjebak dalam kemarahan, menyalahkan orang lain dan kasihan pada diri sendiri atas keterbatasan yang dimilikinya. Kajian ini menghasilkan

kesimpulan bahawa penerimaan diri pada subjek bergantung pada faktor yang menjadi pendukung dari penerimaan diri, yakni adanya pandangan diri yang positif, dukungan keluarga terdekat yang diberikan secara konsisten, adanya sikap menyenangkan dari lingkungan baru, dan kemampuan *social skill* yang baik, serta faktor penghambat yakni, adanya pandangan negatif terhadap diri sendiri. Ditemukannya faktor religiusitas juga mempengaruhi penerimaan diri pada masing-masing subjek, sehingga faktor-faktor yang mendukung penerimaan diri subjek berasal dari dalam diri subjek sendiri dan dari luar dirinya.

Ridha (2012) dalam kajiannya tentang hubungan *body image* dengan penerimaan diri, menyatakan adanya hubungan positif yang signifikan antara antara *body image* dengan penerimaan diri pada pelajar yang tinggal di sesebuah asrama. Pada skala penerimaan diri dalam kajiannya merujuk kepada hubungan aspek penerimaan diri yang dicadangkan oleh Supraktinya (1995) yang mengindikasikan adanya aspek keterbukaan kepada orang lain, kesehatan psikologis, dan menerima kehadiran orang lain. Ketiga aspek tersebut merupakan manifestasi dari kesepadan personaliti. Hubungan tersebut ditunjukkan oleh koefisien korelasi ( $r$ ) = 0,318, ( $p$ ) = 0,013. Sumbangan efektif *body image* dengan Penerimaan adalah sebesar 10,11 %. Hasil ini menginformasikan bahwa semakin tinggi *body image*, maka semakin tinggi penerimaan diri, sebaliknya semakin rendah *body image*, maka semakin rendah Penerimaan Diri.

Di dalam kajian yang dijalankan oleh Jahoda (1958) menyatakan bahawa penilaian kendiri yang positif mempunyai empat aspek sebagai manifestasi dari dimensi ini. Keempat aspek itu, yakni pertama aspek kesedaran pada diri, Mayman dan Allport dalam Jahoda (1958) menggambarkan aspek ini dengan keperibadian yang sihat yang memiliki kepelbagaiannya yang luas seperti tingkahlaku, nilai-nilai, keinginan, kewajipan,

dan perasaan pada masa lampau dan masa kini untuk mangantisipasi masa depan. Dan Kubie dalam Jahoda (1958) menyatakan aspek ini mengharuskan individu untuk selalu sedar dalam setiap tingkahlaku dan tujuannya. Lebih jelasnya, bahawa individu harus lebih banyak menggunakan dayanya untuk keperluan introspeksi diri. Aspek kedua iaitu konsep diri yang tepat. Sehubungan hal ini Cattel dalam Jahoda (1958) beranggapan bahawa pribadi yang ideal adalah yang cenderung bersatu dengan diri yang sebenar. Sedangkan Fromm dalam Jahoda (1958) memberi makna pada aspek ini dengan kefahaman individu terhadap realiti dalaman dan luaran pada dirinya melalui pembinaan yang bersifat objektif dan berasas.

Aspek ketiga adalah Perasaan terhadap diri sendiri. Maslow dalam Jahoda (1958) menjelaskan bahawa aspek ini ialah juga bermaksud penerimaan diri seadanya, termasuk menerima segala kekurangan pada diri. Aspek ini bertujuan supaya individu menggunakan kemampuannya untuk mengubah diri untuk tidak berperilaku angkuh. Dan terakhir aspek keempat adalah memahami identiti. Hall dan Lindzey dalam Jahoda (1958) menyatakan bahawa ia itu tidak ditujukan pada mana-mana aspek spesifik dalam gambaran diri individu sendiri, tetapi lebih kepada penyatuan sifat yang ada pada diri individu. Erikson dalam Jahoda (1958) termasuk menekankan aspek ini dalam kajiannya dengan mencadangkan lima tahap pembinaan kesihatan individu. Ia memberi erti aspek ini dengan dalaman individu yang bertambah baik disebabkan pengalaman pada setiap tahap yang dilaluinya, ketika kejayaan pengecaman panduan terhadap kesuksesan menyetarakan desakan atas pada individu dengan sokongan dan peluang-peluang yang ada padanya. Sementara White dalam Jahoda (1958) mengatakan bahawa aspek ini menjadikan beberapa perubahan-perubahan dalam perkembangan ego identiti individu. Lebih jelasnya, aspek ini menjadikan individu lebih berazam disebabkan berbagai pengalaman yang telah dilaluinya.

Sementara Fromm (1963) membincangkan konsep ‘ketersingan’ dalam bukunya tentang kesedaran sosial yang menjelaskan bahawa seseorang harus mempunyai keyakinan diri (*self-confidence*), penerimaan diri (*self acceptance*), identiti diri (*self identity*), perasaan berharga dan merealisasikan potensi yang kesemuanya bersepada di dalam diri individu supaya dia tidak perlu merasa takut ataupun lari dari ketakutan, akan tetapi dengan kesepadan tersebut boleh menjadikan individu mampu untuk mengatasi ketakutan tanpa rasa panik dan ketakutan yang berlebihan di dalam segala hal.

Di penghujung penjelasannya, Jahoda (1958) menyatakan keperluan untuk memperhatikan bahawa aspek ini jarang sekali dipisahkan dari aspek-aspek motivasi. Mungkin individu harus bertekad untuk mencapai tujuan tertinggi di sini dan termotivasikan untuk menghasilkannya di dalam susunan untuk mencapainya.

## **2.5 Hubungan Antara Autonomi Ke Kesepaduan Personaliti**

Autonomi mempunyai dua aspek manifestasi di dalam proses hubungannya dengan kesepaduan personaliti. Pertama aspek pengaturan perilaku dari dalaman, hal ini Foote dan Cottrell (1955) menyatakan bahawa individu perlu menjaga ukuran stabiliti dalamnya yang akan berpengaruh pada segala perbuatannya (Jahoda, 1958). Mayman (1955) menggambarkan bahawa perbuatan individu tidak harus ditentukan oleh desakan luaran dirinya. Akan tetapi perancangan juga perlu dari dalaman (Jahoda, 1958). Aspek kedua yakni perilaku independen yang digambarkan oleh Maslow (1954) (dalam Jahoda, 1958) sebagai menifestasi dari autonomi untuk menjadi pelindung dari keburukan-keburukan dunia kerana segala peristiwa luaran hanya akan membuat konflik antara dalaman dengan beberapa keperluan.

Erikson di dalam Bee dan Boyd (2009) dalam teorinya tentang tahap perkembangan terbentang ketika individu merentasi siklus kehidupan. Masing-masing tahapan terdiri dari tugas perkembangan yang khas yang menghadapkan individu dengan suatu krisis yang harus dihadapi, krisis ini bukanlah suatu bencana, tetapi suatu titik balik peningkatan kerentenan dan peningkatan potensi. Semakin berhasil individu mengatasi krisis, akan semakin sehat perkembangan mereka. Termasuk kesepaduan perkembangan personal, emosional dan sosial, serta kesannya dalam proses pembelajaran hidup. Salah satu tahapan itu adalah autonomi (*Autonomy*) vs rasa malu dan ragu-ragu (*Shame and Doubt*), yakni pada suatu masa setelah memperoleh kepercayaan dari pengasuh/orangtua mereka, individu akan menyedari bahawa perilaku mereka adalah milik mereka sendiri, sedar akan kemahuan mereka. Sehingga autonomi hakikatnya dibangun atas perkembangan kemampuan mental dan motorik (autonomi = kemandirian). Aspek ini dapat dibangun bermula dari asuhan orang tua, khasnya ibu yang semestinya memperkenalkan bagaimana cara berinteraksi secara aktif terhadap lingkungan sosial. Jika keadaan yang tercipta pada individu setelah mengalami pelbagai krisis dilewati, maka akan timbul sebuah harapan, yang mana muncul *sense of identity* atau ditafsirkannya dengan identitas diri. Dengan ini diharapkan akan terus menerus menggugah individu untuk merasa yakin bahawa mereka mampu dan boleh menentukan hidup mereka sendiri (Sharkey, 1997).

Solikin (2012) tentang *protean career* di dalam kajiannya menyatakan bahawa individu, khasnya pelajar di abad ini dan akan datang dituntut untuk peka terhadap lingkungan yang semakin tidak menentu (*turbulent*) yang akan membawa kesan bagi perubahan pola karir. Maka, dalam kadaan semacam ini setiap pelajar dituntut mampu bersikap fleksibel dan siap menghadapi pelbagai perubahan dalam pekerjaan masing-masing. Setiap pelajar nantinya diharapkan dapat mengembangkan karirnya tanpa harus

tergantung kepada satu organisasi sahaja. Kemampuan bekerjasama dengan pelbagai tim kerja yang berbeza dan kemampuan untuk senantiasa mempelajari hal-hal yang baharu akan sangat mendukung kesuksesan pelajar dalam membina karirnya di abad mendatang. Salah satu kelebihan dari karir model *protean* adalah terdapatnya autonomi dan kebebasan yang tinggi pada diri pelajar yang meniti jalan hidupnya. Ia bebas menentukan waktu dan jenis pekerjaan yang ia suka.

Frank, Carpenter dan Kupfer (1988) berpendapat bahawa autonomi merupakan suatu kemampuan individu untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan (manifestasi dari menguasai persekitaran) atau kemampuan untuk menguasai konflik internal (kemampuan ini perpaduan dari manifestasi antara keseimbangan kekuatan psikik dan kestabilan dalam tindakan), serta perasaan yang berkaitan dengan ketergantungan, rasa malu, rasa bersalah dan dapat melepaskan diri dari ikatan dan kehidupan orangtuanya.

Dalam kajian Harter (1999) menyatakan tentang autonomi bahawa rata-rata laki-laki dan perempuan memiliki tingkat kesulitan yang sama dalam mengeluarkan pendapat ketika mereka berada di tingkat sekolah menengah pertama dan sekolah menengah atas. Pada kenyataannya, remaja laki-laki mempunyai cara yang berbeza dengan remaja perempuan ketika mengeluarkan pendapat tentang apa yang dipikirkan dan ketika berinteraksi dengan berbagai orang seperti teman, orangtua ataupun guru. Remaja perempuan memiliki kepercayaan yang rendah ketika harus mengekspresikan pendapat didepan khalayak banyak dibanding laki-laki, meskipun perempuan terbukti memiliki kualitas hubungan yang lebih baik dibanding laki-laki.

Kajian Chammillard dan Sward (2005) dan Reid (1998) tentang autonomi dengan pembelajaran menunjukkan bahawa para pengajar perlu sensitif terhadap cara

pembelajaran pelajar mereka untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran bagi menyediakan kepelbagaian gaya pembelajaran. Namun, sebelum mereka dapat berbuat demikian mereka perlu tahu gaya pengajaran mereka sendiri, sebaliknya ramai para pengajar ini tidak berbuat demikian. Strategi pembelajaran dan autonomi pelajar akan disepadukan pada tahap kemudian. Para pengajar juga perlu mengetahui tentang strategi dan autonomi pelajar agar mereka dapat membentuk persekitaran pembelajaran di mana para pelajar boleh ‘mempelajari cara-cara belajar’ dan merasai sendiri pengalaman autonomi.

Semua pernyataan di atas adalah merujuk kepada kebolehan individu untuk memanifestasikan dimensi autonomi yang akan terus menerus menggugah keyakinan diri untuk mampu dan boleh menentukan hidup diri sendiri (Sharkey, 1997) demi merealisasikan kesepadan personaliti.

## **2.6 Hubungan Antara Sikap Mengikut Kumpulan Ke Kesepadan Personaliti**

Jahoda (1958) menyatakan bahawa dimensi sikap mengikut kumpulan meliputi dua tema penting dalam kajiannya yakni kesuksesan dan pengadaptasian di dalam pembentukan kesepadan personaliti. Isu kesuksesan dan pengadaptasian ini dalam kalangan pelajar sangat penting seperti keahlian dalam kelompok rakan sebaya. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Jas Laile (2000; 2002) bahawa fungsi kelompok rakan sebaya dianggap penting kerana sesetengah pelajar akan melakukan apa sahaja untuk diterima masuk dalam kelompok rakan sebaya. Dan jika tersingkir, akan menimbulkan kesan negatif seperti rasa tertekan, kecewa dan sedih (Azizi Yahaya, 2014a). Selain daripada itu, fungsi rakan sebaya menurut Jas Laile (2000; 2002) pula iaitu memberi maklumat tentang dunia di luar keluarga dan memberi maklum balas tentang keupayaan

diri. Dengan adanya maklum balas ini, individu akan tahu sama ada lebih baik atau buruk atau lebih kurang sama keupayaan dengan rakan-rakan lain.

Maka, untuk perkembangan sosial yang normal diperlukan hubungan dengan rakan sebaya yang baik. Hal ini dipandang perlu kerana kajian Ryan dan Patrick (1996) mendapati bahawa rakan sebaya yang positif berhubungkait dengan penyesuaian sosial yang positif. Bahkan kajian Hightower (1990) mendapati bahawa hubungan rakan sebaya yang baik semasa remaja berhubungkait dengan kesihatan mental yang positif semasa pertengahan umur. Sebaliknya, jika hubungan rekan sebaya yang buruk akan berhubungkait dengan kegagalan akademik bahkan delinkuensi (Ryan & Patrick, 1996). Bahkan menurut Haslina Hassan (2000) perilaku delinkuensi bukan hanya akibat pengaruh dari rakan sebaya tetapi juga perlakuan yang diwariskan oleh para remaja yang lebih tua kepada yang lebih muda yang aktiviti-aktivitinya tertumpu di beberapa kawasan di luar lingkungan akademik. Sementara, beberapa hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Azizi Yahaya (2014b) dalam kalangan pelajar di beberapa buah Negeri tentang punca gangsterisme melaporkan bahawa kekerapan perlakuan gangsterisme secara keseluruhannya berada di tahap yang rendah, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor gejala gangsterisme dengan pendapatan keluarga dan prestasi akademik, kemudian faktor-faktor gejala gangsterisme secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang rendah. Akan tetapi kajian Azizi Yahaya (2014b) mendapati bahawa rakan sebaya merupakan orang yang paling kerap dirujuk oleh pelajar sebagai paling berpengaruh berlakunya masalah gangsterisme.

Selanjutnya, Jas Laile (2000) menjelaskan antara fungsi rakan sebaya salah satunya adalah pembentukan personaliti. Fungsi ini jelas sangat diperlukan oleh pelajar kerana ia tidak boleh berkembang tanpa berinteraksi. Suatu perkembangan intimasi

akan wujud dalam kalangan pelajar yang berhubung. Di dalam mengekalkan intimasi ini pelajar mesti bertanggung jawab kepada orang disekililingnya. Intimasi ini menurut Jas Laile (2000) yakni pelajar berbuat kerana meniru rakan, tetapi lambat laun ia akan meresapi apa yang ada di persekitaran sosialnya ke dalam personalitinya. Yang mana sekiranya persekitaran sosialnya adalah mesra, maka ia juga akan menjadi mesra. Sehingga tanggung jawab terhadap orang lain, pada akhirnya menjadi tanggung jawab sendiri. Di samping itu, penting memiliki keahlian dalam kumpulan rakan sebaya untuk mengembangkan dan mengembalikan perasaan harga kendiri kerana akan menjadikan pelajar lebih mesra, murah hati, boleh memberi pujian atau menghargai tindakan orang lain dan merasa gembira serta puas terhadap diri sendiri dan pencapaian yang diperoleh.

## **2.7 Hubungkait Antara Persepsi Realiti, Menguasai Persekutaran dan Penilaian Kendiri Yang Positif**

Hubungkait antara persepsi realiti, menguasai persekitaran dan penilaian kendiri yang positif dapat dijelaskan dari definisi berkenaan *self confidence* oleh Ozbey (2004) yang bermaksud memiliki keyakinan diri, sayang terhadap diri dan menyedari emosi dalam dirinya. Manakala Ulug (1997) berpendapat bahawa *self confidence* dapat digambarkan sebagai perasaan yang dihasilkan daripada emosi positif yang mendalam. Selanjutnya Neill (2005) berpendapat bahawa *self confidence* adalah kombinasi antara *self esteem* dan *self-efficacy*. Sehubungan dengan itu, Carl Rogers (1987) menjelaskan bahawa penghargaan kendiri merupakan suatu gambaran persepsi kendiri yang tersusun hingga ke peringkat sedar atau persepsi seseorang tentang kebolehannya, persepsi dan konsep kendiri berbanding dengan orang lain dan juga persekitarannya serta tentang kebolehannya, sama ada bersifat positif atau negatif.

Hal ini secara jelas menerangkan dalam kajian ini tentang saling keterkaitan antara *self confidence* sebagai manifestasi dari penilaian kendiri yang positif dengan menguasai persekitaran dan persepsi realiti, kerana menurut Hambly (1997) *self confidence* akan menjadikan keadaan dalaman yang sihat dan semangat bagi individu jika terjadi kesefahaman antara individu dan persekitarannya. Dengan kata lain, keadaan positif pada diri individu mungkin dipengaruhi oleh persekitaran ataupun individu secara positif berinteraksi dengan persekitarannya. Maka dalam kajian ini menunjukkan adanya saling mempengaruhi antara dimensi penilaian kendiri yang positif seperti memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga, kesedaran potensi diri dengan dimensi menguasai persekitaran seperti kecekapan memenuhi keperluan sesuai keadaan, berupaya mengerjakan tugas dan beriadah, berupaya mengambil tanggung jawab dan berupaya melakukan penyesuaian juga dengan dimensi persepsi realiti seperti bebas daripada distorsi keperluan, ketiadaan fantasi berlebihan dan wawasan yang luas.

Saling keterkaitan di antara dimensi tersebut di atas terutama pengaruh dari dalaman individu terhadap diri dan persekitaran bersesuaian dengan pernyataan bahawa individu yang mempunyai *self confidence* yang rendah akan mengalami kesukaran untuk membentuk minda mereka, menjalankan tanggungjawab dan berkomunikasi dengan orang lain, bahkan kesan lebih buruk adalah mereka akan mengelak untuk memulai usaha baru, selalu merasa bersalah dan merasa gagal, merasa mamiliki banyak kekurangan dan selalu dilanda kekecewaan (Ignoffo, 1999; Rutledge, 2000). Sebaliknya, individu yang mempunyai banyak hubungan rapat dengan orang lain akan cenderung terhindar dari penyakit fizikal dan psikologi, hidup lebih lama dan lebih berpuas hati dalam menjalani kehidupan bahkan akan memiliki *self confidence* yang tinggi, selalu berusaha untuk sesuatu yang baharu dan memiliki sikap positif kerana

mereka memiliki kemahiran komunikasi yang baik (Mutluer, 2006; McKay & Fannig, 2000; Duck, 1981).

Oleh kerana itu Koc dan Polat (2006) menyatakan bahawa persekitaran universiti dianggap memainkan peranan penting dalam membangunkan keyakinan diri. Oleh kerana itu, diharapkan semasa belajar di universiti para pelajar perlu berkomunikasi dengan lebih berkesan dalam hubungan sosial, memulakan usaha baru, berjaya di dalam akademik serta sanggup untuk mengemban tanggungjawab mereka sendiri.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Tujuan utama kajian ini adalah membina model teori untuk kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan dengan menggunakan teknik path analisis. Bab ini akan membincangkan secara detail meliputi reka bentuk kajian, sampel kajian, pembolehubah kajian, instrumen kajian, kajian rintis dan analisis data, langkah-langkah pengujian model dan tatacara etika penyelidik.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Secara amnya, Sabitha (2006) berpendapat bahawa reka bentuk kajian merupakan pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Ia amat penting dalam sesuatu kajian kerana fungsinya sebagai panduan untuk membantu penyelidik dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada sesuatu penyelidikan yang dijalankan. Bahkan, Mohd. Majid (2005) berpendapat bahawa ianya membolehkan pengkaji menentukan variasi yang berlaku dalam mana-mana pembolehubah pada satu pembolehubah yang lain.

Metode penyelidikan dalam kajian ini adalah deskriptif dengan pendekatan kuantitatif. Kajian dengan pendekatan kuantitatif ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara dua faktor yang terdiri daripada satu variabel bersandar dan satu variabel tidak bersandar (Hopkins, 2000). Sedangkan metode deskriptif yakni penyelidikan yang dilakukan untuk mengetahui nilai pembolehubah bebas

(*independent*), baik satu variabel atau lebih tanpa membuat perbandingan, atau menghubungkan antara variabel satu dengan variabel yang lain (Sugiyono, 2003). Pendapat yang lain, seperti Arikunto (2005) menyatakan bahawa penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang dimaksudkan untuk mengumpulkan maklumat mengenai status suatu gejala yang ada, yaitu keadaan gejala menurut apa adanya pada saat penyelidikan dilakukan. Jadi, tujuan penyelidikan deskriptif ialah untuk membuat penjelasan secara sistematik, faktual, dan tepat mengenai fakta-fakta dan sifat-sifat populasi atau daerah tertentu. Dalam arti ini pada penyelidikan deskriptif sebenarnya tidak perlu mencari atau menerangkan saling hubungan atau komparatif, sehingga juga tidak memerlukan hipotesis. Namun demikian, dalam perkembangannya selain menjelaskan tentang situasi atau kejadian yang sudah berlangsung sebuah penyelidikan deskriptif pula dirancang untuk membuat perbandingan mahupun untuk mengetahui hubungan (*correlation*) di antara satu variabel ke atas variabel yang lain. Kerana itu pula penyelidikan komparatif dan hubungan juga dimasukkan dalam kelompok penyelidikan deskriptif ini. Maka menurut Fox (1979) dan Sudijono (2003) penyelidikan hubungan/ korelasi adalah penyelidikan yang dirancang untuk menentukan tingkat hubungan variabel-variabel yang berbeza dalam suatu populasi. Sifat-sifat perbezaan kritikal adalah usaha untuk menaksir hubungan dan bukan deskriptif sahaja.

Manakala, jenis penyelidikan dalam kajian ini ialah *ex post facto*, bermaksud pengkaji mengkaji faktor yang sudah terjadi tanpa memanipulasi data yang sudah sedia ada, pencatatan dan penganalisaan data hasil penyelidikan secara tepat (*exact*) dengan menggunakan penghitungan-penghitungan statistik (Tuckman, 1978; Punch, 1998; Ary, Jacobs & Razavieh, 2002). Dan Key (1997) menjelaskan beberapa strategi untuk melaksanakan penelitian deskriptif seperti di bawah ini:

1. Menjelaskan pernyataan masalah secara jelas.
2. Memastikan serta menentukan keterangan/ pengetahuan yang dibutuhkan di dalam menyelesaikan masalah.
3. Memilih dan membuat angket/ instrumen yang dibutuhkan.
4. Memastikan kelompok populasi dan rancangan persampelan.
5. Merancang pendekatan pengumpulan keterangan dan pengumpulan maklumat.
6. Menganalisa keterangan.
7. Melakukan pen-generalisasian dan kesimpulan

Di dalam penelitian ini hubungan antara variabel penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan akan diteliti dengan teknik analisis jalur (path analysis) untuk mengetahui dampak secara langsung (*direct*) ataupun tidak langsung (*indirect*) antara variabel-variabel tersebut kepada kesepadan personaliti (Rutherford, 1993; Ghazali, 2008).

Berdasarkan reka bentuk kajian yang menggunakan pendekatan utama, yakni kuantitatif dalam penganalisisan data dengan membabitkan sampel yang mencukupi. Maka, pengumpulan data melibatkan data jenis primer yang akan digunakan semasa analisis. Pengumpulan data ini melibatkan instrumen kajian iaitu soal selidik sebagai kaedah untuk mengumpul maklumat. Soal selidik diedarkan kepada sampel yang telah dipilih untuk kajian ini. Kaedah pensampelan ditentukan sebelum borang soal selidik diedar (Sabitha, 2006).

Manakala, langkah-langkah dalam teknik path analysis ialah menentukan teori yang sesuai untuk dijadikan asas dalam kajian ini. Hal ini merupakan cadangan

(*proposition*) teoritik yang berasal dari kerangka pemikiran tertentu dan perumusan hipotesis penyelidikan (Hoyle, 1995). Sehingga dengannya pengkaji dapat membentuk model penuh sesuai dengan kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini. Selepas itu, data yang telah dikutip daripada sampel kajian, kemudian dijalankan proses penganggaran ke atas model dan selanjutnya model di *fit*-kan dengan data-data tersebut. Sekiranya model dijangka tidak mencapai standard *goodness-of-fit*, maka model hendaklah dimodifikasi dan dianggarkan semula sehingga menepati kriteria *fit* yang baik. Dan apabila model telah mencapai *fit* yang standard, kemudian dijalankan penganalisan data dan perbincangan tentang keputusan boleh dilakukan (Kaplan, 2000).

### 3.3 Sampel Kajian

Memilih sebuah sampel dalam kajian, hendaklah dimulai dengan menentukan populasi yang akan dilibatkan dalam sebuah penyelidikan. Sementara Fraenkel dan Wallen (1990) mendefinisikan populasi sebagai kelompok dimana penyelidik ingin menerapkan hasil penyelidikan yang dilakukannya. Maksudnya ialah populasi merupakan sekumpulan orang atau objek yang memiliki kesamaan dalam satu atau beberapa hal dan yang membentuk masalah asas dalam suatu riset khas.

Definisi yang hampir sama oleh Burns (1994), dengan menyatakan:

*“population is an entire group of people or objects which all have at least one characteristic in common, and must be defined specifically and unambiguously”* (Burns, 1994: 62).

Sesuatu populasi boleh ditakrifkan sebagai terhad (*finite*) atau tidak terhad (*infinite*) bergantung pada sama ada unit pensampelannya terhad atau tidak terhad. Mengikut takrifan, sesuatu populasi terhad mengandungi bilangan unit pensampelan yang boleh dikira. Sebaliknya populasi tidak terhad mengandungi bilangan unit pensampelan yang terlalu banyak sehingga tidak mampu untuk mengiranya. Sementara itu, sampel dianalogikan oleh Santoso dan Tjiptono (2002) dengan semacam miniatur (*microcosms*) dari populasinya.

Penggunaan sampel untuk memperoleh pelbagai keterangan mengenai populasi dari mana sampel tersebut dipilih merupakan prosedur yang asasi (*fundamental*) dalam penyelidikan statistik. Sampel yang *representative* harus dipilih dengan cara sedemikian rupa agar hasil sampel tersebut dapat memberi gambaran yang tepat tentang populasi yang dikaji (Dajan, 1975; Ridwan & Kuncoro, 2007).

Sehubungan dengan itu, prosedur persampelan dalam kajian ini menggunakan persampelan bukan kebarangkalian atau secara tak rawak (*non probability sampling*). Menurut Kuncoro (2007) *non probability sampling* iaitu suatu teknik yang melibatkan pemilihan sampel daripada suatu populasi yang telah dikenal pasti berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Selanjutnya, dari pelbagai jenis *non probability sampling* yang ada, maka persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul maklumat dari sekumpulan sampel yang khusus dan spesifik serta bertepatan dengan objektif kajian. Ianya merujuk kepada sesuatu perwakilan formal dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam kajian dan tergolong dalam populasi kajian.

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kuantitatif sepenuhnya. Data ataupun maklumat daripada sampel kajian diperoleh melalui alat ukur borang soal selidik dengan melibatkan kaedah *survey*. Ianya merupakan satu teknik penyelidikan dimana fakta diperoleh melalui pengukuran serta menganalisis nombor data statistik untuk memahami dan menerangkan fenomena yang boleh digunakan sebagai panduan untuk asas dan amalan (Ary, Jacobs & Razavieh, 2002).

Berdasarkan keterangan di atas, maka sampel dalam kajian ini ialah membabitkan pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA sekitar Lembah Klang. Terdapat dua faktor utama mengapa sampel kumpulan ini dipilih. Pertama, kumpulan ini dipilih kerana sangat bersesuaian dengan tujuan dan fokus kajian yakni membuat penilaian dan penyelidikan ke atas kesepaduan personaliti, autonomi, kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran dan sikap mengikut kumpulan. Kesepaduan personaliti dalam kajian ini dihuraikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menyatakan bahawa diharapkan dalam kalangan pelajar yang terdidik akan lahir insan yang berilmu, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab yang juga akan menjadi seorang warga negara yang baik, sebagai generasi penerus Negara (Jabatan Pengajian Tinggi, 2007).

Faktor kedua, adalah kesesuaian penggunaan instrumen untuk dijalankan bagi mengukur kesepaduan personaliti, autonomi, kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran dan sikap mengikut kumpulan untuk kalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Selain daripada itu, faktor lain adalah kemudahan pengkaji untuk mendapatkan sampel merupakan salah satu alasan sampel ini dipilih. Dan dalam dunia penyelidikan, sampel pelajar telah banyak menjadi *object* ataupun *subject* kajian dalam

penyelidikan akademik di luar negara, khasnya dalam persoalan psikologi pendidikan. Tetapi masih terasa perlu ditingkatkan kajian ini dijalankan di Malaysia.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini instrumen yang digunakan, berupa satu set soal selidik yang mengandungi 2 bahagian, yakni Bahagian A dan Bahagian B. untuk Bahagian A mengandungi maklumat demografi sampel, sedangkan Bahagian B mengandungi alat ukur keenam variabel iaitu kesepaduan personaliti, sikap mengikut kumpulan, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, penilaian kendiri yang positif.

Maklumat diri/demografi sampel adalah soal selidik yang dibentukkan oleh penyelidik sendiri berdasarkan kajian-kajian lepas untuk mengetahui tentang latar belakang sampel kajian. Butir-butir soal selidik pada bahagian ini adalah jantina dan IPTA sampel/sampel.

Instrumen pengukuran *Mental Health Inventory* (MHI) daripada Jagdis dan Srivastava (1999) telah diadaptasikan untuk digunakan dalam kajian ini. Instrumen ini diadaptasi dari teks asalnya dengan berbahasa Inggeris, maka prosedur ‘*back to back translation*’ telah pengkaji lakukan (Brislin 1970, 1980; Harkness 2003). Dua orang pakar yang kompeten dibidang psikologi pendidikan telah dirujuk, iaitu seorang Pensyarah dari Universiti Malaya dan seorang Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia. Permohonan untuk menggunakan dan menterjemah teks instrumen kepada Bahasa Malaysia telah pengkaji lakukan melalui e-mail kepada Prof. Dr. A. K. Srivastava di India yang kemudian mendapatkan keizinan daripada beliau untuk penggunaan instrumen (lihat lampiran A).

Keenam variabel tersebut mengandungi 56 item yang diukur dengan menggunakan skala ordinal. Instrumen asal menggunakan empat (4) kategori respons berbanding lima (5) yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan kebolehubahan skor (*variability*) (Royce, 1999; Majid, 2005). Kelima kategori respons disusun mengikut urutan, iaitu (1) tidak pernah, (2) jarang-jarang, (3) kadang-kadang, (4) banyak kali dan (5) sentiasa. Nilai bagi tahap kesihatan mental dalam kajian ini seperti ditunjukkan pada rajah di bawah ini.

Jadual 3.1:  
Nilai Bagi Tahap Kesihatan Mental

| Jantina              | Sangat lemah<br>(1)   | Lemah<br>(2)        | Sederhana<br>(3)    | Baik<br>(4)         | Sangat baik<br>(5)   |
|----------------------|-----------------------|---------------------|---------------------|---------------------|----------------------|
| Pelajar<br>lelaki    | 135.57 -><br>ke bawah | 135.57 -><br>157.01 | 157.01 -><br>176.45 | 176.45 -><br>195.89 | 195.89 -><br>ke atas |
| Pelajar<br>perempuan | 133.38 -><br>ke bawah | 133.38 -><br>154.26 | 154.26 -><br>175.14 | 175.14 -><br>196.02 | 196.02 -><br>ke atas |

Sumber: Jagdis & Srivastava (1999)

Jadual 3.1 menunjukkan penilaian tahap kesihatan mental bagi keenam variabel dalam kajian ini adalah dengan menggunakan lima (5) kategori respon, bermula dari tahap yang sangat lemah hingga tahap yang sangat baik atau dari skala 1 hingga 5.

Jadual 3.2 :  
Item-Item Soal Selidik Dari Keenam Variabel Kesihatan Mental Kajian Ini

| No          | Dimensi                              | Item  | Positif | Negatif* | Total |
|-------------|--------------------------------------|---|---------|----------|-------|
| 1.          | Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP) | 1*, 7*, 13*, 19, 23*, 27, 32, 38, 45, 51                | 6       | 4        | 10    |
| 2.          | Persepsi Realiti (PR)                | 6, 8, 14*, 24*, 35*, 41, 46*, 52                        | 4       | 4        | 8     |
| 3.          | Kesepaduan Personaliti (KP)          | 2*, 9*, 15*, 18*, 20, 25*, 28*, 33*, 36*, 40*, 47*, 53* | 1       | 11       | 12    |
| 4.          | Autonomi (AUTNI)                     | 3*, 10*, 29, 42*, 48*, 54                               | 2       | 4        | 6     |
| 5.          | Sikap Mengikut Kumpulan (SMK)        | 4, 11*, 16*, 21*, 26, 30*, 39, 43, 49*, 55*             | 4       | 6        | 10    |
| 6.          | Menguasai Persekutaran (MP)          | 5*, 12, 17*, 22*, 31, 34, 37, 44, 50, 56                | 7       | 3        | 10    |
| Jumlah Item |                                      |   | 24      | 32       | 56    |

Sumber: Jagdis dan Srivastava (1999).

Item-item instrumen kesihatan mental dalam Jadual 3.2 mengandungi 56 item yang terdiri daripada item positif dan item negatif. Dimensi penilaian kendiri yang positif memiliki 4 item negatif iaitu item 1, 7, 13 dan 23. Seterusnya dimensi persepsi realiti juga memiliki 4 item negatif iaitu pada item 14, 24, 35 dan 46. Dimensi kesepaduan personaliti memiliki 11 item negatif yang terdapat pada item 2, 9, 15, 18, 25, 28, 33, 36, 40, 47 dan 53. Sementara dimensi autonomi memiliki 4 item negatif yakni pada item 3, 10, 42 dan 48. Dimensi sikap mengikut kumpulan pula memiliki 6 item negatif yang terdapat pada item 11, 16, 21, 30, 49 dan 55. Sedangkan dimensi menguasai persekitaran memiliki 3 item negatif sahaja yakni pada item 5, 17 dan 22. Maka, item negatif dalam instrumen kajian ini berjumlah 32 item, manakala baki 24 item adalah mengandungi item positif.

Kajian yang dijalankan oleh Jagdis dan Srivastava (1999) ke atas 600 pelajar di IPTA mendapati bahawa nilai *Cronbach's Alpha* untuk penilaian kendiri yang positif ialah 0.75, persepsi realiti ialah 0.71, kesepaduan personaliti ialah 0.72, autonomi ialah 0.72, sikap mengikut kumpulan ialah 0.74, menguasai persekitaran 0.71. Manakala nilai *Cronbach's Alpha* bagi kesemua dimensi tersebut ialah 0.73. Hal demikian menunjukkan bahawa instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang agak tinggi.

### **3.5 Variabel Kajian**

Variabel di dalam kajian penyelidikan, lazimnya dikategorikan kepada dua jenis variable yaitu variabel eksogen (*exogenous*) adalah variabel yang menyebabkan skor variabel lain berubah dan variabel endogen (*endogenous*) adalah variabel yang dipengaruhi oleh variable lain, baik secara langsung (*direct*) ataupun tidak langsung (*indirect*) (Byrne, 2010).

Dalam kajian ini terdapat enam variabel iaitu kesepaduan personaliti, autonomi, penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran dan sikap mengikut kumpulan. Manakala, variabel dalam kajian ini diasaskan kepada kerangka konseptual dan teoritikal serta kajian-kajian lepas sepertimana dibincangkan pada bab 1 dan 2. Kajian ini juga mengambil kira variabel demografik yang akan digunakan untuk menggambarkan ciri-ciri sampel dalam populasi kajian. Variabel demografik merupakan variabel yang penting dan seringkali diwujudkan dalam kajian tinjauan (Shaughnessy, Zechmeister & Zechmeister, 2000).

Oleh kerana itu, dalam kajian ini telah dilakukan analisis *multiple group* untuk menguji kesan *moderating* berpandukan variabel. Jantina dan IPTA akan diuji untuk menentukan fungsinya sebagai moderator bagi model penuh kesepaduan personaliti.

### **3.6 Prosedur Kajian**

Penelitian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneliti hubungan antara penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, autonomi dan sikap mengikut kumpulan kepada kesepaduan personaliti di kalangan mahasiswa sarjana muda pendidikan. Sebuah model penuh sudah dibentuk berdasarkan kerangka konseptual, beberapa teori dan penelitian terdahulu untuk menjawab beberapa pertanyaan penelitian yang didasarkan kepada objektif kajian. Maka, penelitian ini memiliki dua tingkatan yaitu kajian rintis dan kajian sebenar.


Tingkat kajian rintis ini memiliki tujuan untuk menilai ciri-ciri psikometri instrumen yang dipergunakan dan mendeteksi masalah bisa jadi akan muncul tatkala kajian sebenar dilaksanakan. Tingkatan ini dilakukan bertujuan untuk memastikan keberhasilan dan kelancaran penelitian sebenar ketika dilaksanakan.

### **3.7 Kajian Rintis**

Tingkatan kajian rintis merupakan aspek penting di dalam penelitian yang bagus. Hal itu dikeranakan tingkatan ini akan memberikan keterangan di antaranya *reliability* dan *validity* angket/ instrumen, keserasian poin-poin di dalam angket terhadap sampel, mendeteksi permasalahan yang berkemungkinan akan timbul dan lancarnya pelaksanaan kajian sebenar (Teijlingen & Hundley, 2001).

Kajian rintis ini dimulakan dengan pengkaji meminta secara formal statistik bilangan pelajar sarjana muda berdaftar di Universiti Malaya. Hal demikian dilakukan, untuk mengenal pasti jumlah populasi sebenar pelajar sarjana muda yang berdaftar tersebut. Pengkaji juga meminta kebenaran secara bertulis untuk menjalankan kajian kepada Dekan Fakulti melalui Timbalan Dekan (Ijazah Dasar dan Antarabangsa) dan masing-masing Ketua Jabatan. Kemudian pengkaji memohon kebenaran daripada pensyarah-pensyarah serta berbincang untuk menetapkan hari dan masa yang sesuai dengan jadual kelas masing-masing pensyarah dari setiap jabatan, guna pentadbiran soal selidik (*booklet*) dijalankan. Prosedur tersebut digambarkan pada rajah yang akan ditunjukkan di bawah ini:

Rajah 3.1 : Pelbagai Proses Dalam Pentadbiran Kajian Yang Telah Dijalankan.



Sewaktu mentadbir soal selidik, pengkaji menjelaskan kepada sampel tentang objektif kajian ini dijalankan serta pentingnya kesesuaian jawaban dengan kondisi mereka masing-masing guna mendapatkan data yang benar-benar valid. Pengkaji juga memberitahu kepada sampel bahawa identiti mereka akan dirahsiakan. Kemudian pengkaji menunggu sampel menjawab soal selidik sehingga selesai dan mengumpulkan soal selidik.

Prosedur seperti ini yang pengkaji lakukan dalam setiap kelas yang dijalankan pentadbiran soal selidik untuk kepentingan kajian ini. Selepas itu, baru kemudian proses memasukkan data dilakukan melalui perisian SPSS. Dan akhir sekali, proses analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS dan AMOS.

### **3.8 Kebolehpercayaan Dan Kesahan Instrumen**

Dalam suatu kajian, sesuatu yang sangat ditekankan adalah membangun instrumen atau alat ukur yang berkesan bagi mengukur sesuatu pembolehubah dan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan mengekalkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi akan memberikan kemudahan kepada penyelidik untuk mengkaji sesuatu bidang dan memudahkan untuk mendapatkan satu instrumen yang piawai dan dapat mengukur sesuatu konstruk yang dikaji. Hal demikian kerana Malhotra (2004) mendefinisikan kebolehpercayaan dan kesahan membabitkan ketepatan dan kesesuaian sesuatu instrumen atau alat ukur serta berupaya mengurangkan ralat pengukuran. Justeru, perkara kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu alat ukur wajar diteliti dengan berhati-hati agar dapat membuktikan sesuatu hasil kajian.

### **3.8.1 Kebolehpercayaan Instrumen**

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu alat ukur atau instrumen yang digunakan untuk mengutip data. Dengan kata lain, Alat ukur atau instrumen boleh dipercayai sekiranya instrumen tersebut dapat mengukur sesuatu yang ingin diukur secara tekal. Coakes, Steed dan Dzidic (2006), menyatakan terdapat beberapa jenis koefisien kebolehpercayaan, tetapi biasanya ujian *Cronbach's Alpha* merupakan pekali alpha yang selalu digunakan dalam menganggar kebolehpercayaan ketekalan dalam. *Cronbach's Alpha* digunakan untuk menghitung ketekalan dalam bagi item yang diskor secara dikotomi dan politomi. Dikotomi merupakan item yang diuji secara betul atau salah manakala politomi menguji item yang diberi julat 1 hingga 5.

Maka, ketekalan instrumen yang digunakan dalam kajian ini diuji dengan menggunakan model *Cronbach's Alpha*. Menurut Sekaran (2003) nilai koefisien kebolehpercayaan 0.8 dan ke atas adalah baik, bagi nilai 0.6 hingga 0.8 adalah boleh diterima dan nilai yang kurang dari 0.6 adalah dianggap lemah. *Cronbach's Alpha* adalah cara yang paling populer untuk mengukur kebolehpercayaan suatu instrumen.

Sedangkan Hair, Money dan Samouel (2003) berpendapat bahawa tahap penerimaan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian menunjukkan sampel telah menjawab soalan atau pernyataan dalam keadaan konsisten. Selanjutnya, Hair et al. (2003) memberikan garis panduan mengenai nilai *Cronbach's Alpha* yang menerangkan kekuatan hubungan nilai pekali  $Cronbach's Alpha < 0.6$  (Lemah),  $0.6 < 0.7$  (Sederhana),  $0.7 < 0.8$  (Baik),  $0.8 < 0.9$  (Sangat Baik),  $0.9$  (Terbaik).

Di bawah ini akan ditunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* masing-masing variabel yang terdapat pada instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.3:

Nilai Pekali *Cronbach's Alpha* Bagi Instrumen Dalam Kajian Ini

| Dimensi                        |         | Bilangan Item | Nilai pekali <i>Cronbach's Alpha</i> |
|--------------------------------|---------|---------------|--------------------------------------|
| Kesepadan Personaliti          | = KP    | 12            | 0.647                                |
| Penilaian Kendiri Yang Positif | = PKP   | 10            | 0.723                                |
| Menguasai Persekutaran         | = MP    | 10            | 0.619                                |
| Autonomi                       | = AUTNI | 6             | 0.549                                |
| Persepsi Realiti               | = PR    | 8             | 0.482                                |
| Sikap Mengikut Kumpulan        | = SMK   | 10            | 0.533                                |
| Keseluruhan dimensi            |         | 56            | 0.838                                |

Jadual 3.3 merupakan analisis ujian kebolehpercayaan bagi pembolehubah yang dikaji. Analisis kebolehpercayaan pekali *Cronbach's Alpha* mendapati bahawa dimensi kesepadan personaliti dalam kajian ini melebihi 0.7 panada aras, sementara penilaian kendiri yang positif dan menguasai persekitaran melebihi 0.6 yang menurut Sekaran (2003) nilai koefisien kebolehpercayaan bagi nilai 0.6 hingga 0.8 adalah boleh diterima. Sedangkan nilai pekali *Cronbach's Alpha* pada dimensi autonomi, sikap mengikut kumpulan dan persepsi realiti dalam kajian ini mendapati nilai pekali *Cronbach's Alpha* kurang dari 0.6.

### **3.8.2 Back To Back Translation**

Instrumen pengukuran *Mental Health Inventory* (MHI) daripada Jagdis dan Srivastava (1999) telah diadaptasikan untuk digunakan dalam kajian ini dan telah pun

mendapat keizinan daripada beliau. Instrumen ini diadaptasi dari teks asalnya dengan berbahasa Inggeris, maka prosedur ‘*back to back translation*’ (Brislin 1970, 1980; Harkness 2003) telah pengkaji lakukan. Dua orang pakar yang kompeten dibidang psikologi pendidikan telah dirujuk, iaitu seorang Pensyarah dari Universiti Malaya dan seorang Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (lihat lampiran A).

### **3.9 Kajian Sebenar**

Dalam hal ini, peneliti telah menyediakan sebuah tuntutan dan keterangan di dalam menjelaskan secara singkat di antaranya pengenalan, tujuan penelitian, isi penelitian, penelitian-penelitian terdahulu serta metodologi penelitian sebelum penelitian sebenar dilaksanakan. Di samping itu, peneliti juga memohon izin kepada Dekan Fakulti, Timbalan Dekan, Ketua-ketua Jabatan dan para Pensyarah dari setiap IPTA yang dipilih agar penelitian bisa dilaksanakan.

Dalam mentadbir soal selidik penyelidik dibantu oleh Timbalan Dekan dan Pensyarah. Dan sebelum angket disebarluaskan kepada sampel di ruang kuliah atau auditorium, maka para sampel lebih dulu diberi penjelasan secara singkat oleh peneliti. Para sampel diberitahu bahwa tujuan angket hanya untuk mendapatkan keterangan tentang penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, autonomi, sikap mengikut kumpulan dan kesepaduan personaliti sampel. Semua keterangan yang diperoleh akan dirahasiakan karena identitas sampel tidak akan dipublikasikan.

Pengkaji juga, meminta sampel menjawab soal selidik dengan jujur dan ikhlas. Di samping itu, sampel juga diberitahu bahwa angket ini bukanlah ujian, oleh karena itu

tidak ada jawaban benar ataupun salah untuk pertanyaan di dalam angket ini. Setelah sampel menjawab soal selidik, kemudian penyelidik mengumpulkan semula semua soal selidik. Di sisi lain, pengkaji mengedarkan jumlah borang soal selidik yang lebih daripada yang diperlukan dalam kajian. Ini adalah bertujuan untuk menampung soal selidik yang tidak lengkap serta mengelirukan.

### **3.10 Analisis Data**

Semua data yang sudah di dapat dari sampel di dalam penelitian ini akan dianalisis dengan statistik deskriptif dan inferensi untuk menjawab pertanyaan penelitian. Hasan (2001) dan Majid (2005) berpendapat yang hampir sama tentang statistik deskriptif atau statistik deduktif iaitu bahagian dari statistik yang mempelajari teknik pengumpulan data dan penyajian data sehingga mudah untuk dipahami. Statistik deskriptif hanya berhubungan dengan hal menghuraikan atau memberikan keterangan-keterangan mengenai suatu data atau keadaan atau fenomena. Dengan kata lain, statistik deskriptif berfungsi menerangkan keadaan, gejala, atau persoalan. Bahkan Lind (2002) menghuraikan dengan jelas bahawa statistik deskriptif adalah statistik yang menggunakan data pada suatu kelompok atau sampel untuk menjelaskan atau menarik kesimpulan mengenai kelompok itu sahaja. Dan jika diasaskan pada ruang lingkup bahasannya, statistik deskriptif mencakup kepada, pertama ukuran lokasi: mode, mean, median. Kedua, ukuran variabilitas: varians, standar deviasi, range. Dan ketiga, ukuran bentuk: skewness, kurtosis, plot boxes. Penyelidik dalam kajian ini menggunakan perisian SPSS versi 16.0 (*statistical package for the social science*) untuk menganalisis keputusan deskriptif seperti frekuensi, peratusan dan sisihan piawai.

Manakala statistik inferensi pula, menurut Fraenkel (1996) ialah statistik yang digunakan untuk menganalisis data sampel, dan hasilnya akan digeneralisasikan (diinferensikan) untuk populasi dimana sampel diambil. Sedangkan Majid (2005) menyatakan statistik inferensi adalah untuk memastikan maklumat yang dikumpul daripada sampel mirip dengan populasi kajian dan merupakan prosedur yang memberarkan penyelidik membuat inferensi mengenai populasi berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sampel. Dalam kajian ini, teknik path analisis akan digunakan dalam menganalisis data dengan menggunakan perisian AMOS versi 7 (*Analysis of Moment Structures*).

### 3.11 Path Analisis

Path analisis adalah aspek pengembangan daripada model regresi yang digunakan untuk menguji kesesuaian (*fit*) matrik korelasi dalam model yang dikaji. Spesifikasi model digambarkan melalui jaluran anak panah yang menunjukkan hubungan kausal. Regresi dilakukan bagi setiap pembolehubah dalam model. Nilai regresi yang diramal oleh model dibandingkan dengan matrik korelasi *observe variable* dan nilai *goodness-of-fit*. Dalam membangunkan jaluran diagram (*path diagram*) ini, hubungan antara konstruk ditandai dengan garis satu anak panah yang menunjukkan hubungan regresi dari satu pembolehubah kepada pembolehubah yang lain (Ghozali, 2008; Retherford, 1993).

Dalam kajian ini terdapat variabel tidak bersandar dan variabel bersandar. Menurut Byrne (2010) variabel bersandar adalah variabel yang dipengaruhi atau diramal oleh variabel yang lain, sama ada secara langsung (*direct*) atau tidak langsung (*indirect*). Oleh kerana itu, dalam kajian ini hubungan antara variabel sikap mengikut

kumpulan, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, penilaian kendiri yang positif akan dikaji dengan menggunakan teknik path analisis, dengan tujuan untuk mengetahui sama ada kesan secara langsung (*direct*) mahupun tidak langsung (*indirect*) antara variabel-variabel tersebut ke atas kesepadan personaliti (Ghozali, 2008; Retherford, 1993).

Selanjutnya, variabel tidak bersandar yang memberi kesan secara langsung (*direct*) dan tidak langsung (*indirect*) akan dikenalpasti sama ada variabel mediator adalah mediasi penuh (*full mediation*) atau mediasi separa (*partial mediation*) dalam kajian ini. Adapun *full mediation/ complete mediation* ialah variabel tidak bersandar yang tidak lagi mempunyai pengaruh terhadap variabel bersandar setelah mengontrol variabel mediator. Manakala *partial mediation* ialah pengaruh variabel tidak bersandar terhadap variabel bersandar berkurang tetapi masih berbeda dari 0, selepas mengontrol variabel mediator (Kenny, 2014; Hall, 2013; Preacher, Rucker & Hayes, 2007).

### **3.12 Analisis Faktor Konfirmatori (CFA)**

Model analisis faktor konfirmatori (CFA) merupakan model pengukuran yang tulin di mana terdapat kovarians antara setiap pasang variabel pendam yang belum ditentukan (Garson, 2006). Ditambahkan lagi oleh Garson (2006) bahawa dalam model pengukuran terdapat anak panah searah dari variabel pendam kepada item masing-masing, terdapat anak panah searah dari ralat atau *disturbance* kepada item.

Analisis faktor konfirmatori (CFA) digunakan untuk menguji *fit* model pengukuran (Kline, 2005). Mueller dan Hancock (2001) serta Byrne (2001) berpendapat bahawa CFA sesuai digunakan apabila penyelidik mempunyai sejumlah pengetahuan

tentang struktur variabel pendam. Berdasarkan pengetahuan tentang teori dan kajian-kajian empirikal lalu, penyelidik mempostulasi hubungan antar variabel boleh cerap dan faktor secara *a priori* dan kemudian menguji hubungan yang dihipotesiskan itu secara statistik. Seterusnya model akan dinilai secara statistikal dengan menentukan *goodness-of-fit* ke atas data dari sampel. Sekiranya model telah mencapai *fit* yang boleh diterima, penganalisisan akan diteruskan untuk menguji model struktural.

Analisis faktor konfirmatori membenarkan penyelidik meletakkan sekatan yang bermakna ke atas faktor dalam model seperti meletakkan nilai sifar untuk kesan suatu variabel pendam ke atas variabel boleh cerap yang menjadi subsetnya (Albright, 2007). Bahkan, analisis faktor konfirmatori membenarkan penyelidik menguji hipotesis tentang struktur sesuatu faktor (Albright, 2007). Menurut Garson (2006) analisis faktor konfirmatori boleh digunakan untuk mengesahkan bahawa item-item dapat dikumpulkan kepada faktor masing-masing berdasarkan cara penyelidik menghubungkaitkan item dengan variabel pendam.

### **3.13 Pengujian *Fit* Model**

Kecocokan (*fit*) sebuah model tergantung kepada kemampuan model melaporkan kembali data sampel yang biasanya merupakan acuan varians-kovarians (Kenny, 2003). Tingkatan ini bertujuan untuk melihat seberapa jauh model yang dihipotesiskan dapat *fit* data boleh cerap atau sejauh manakah model yang dihipotesiskan adalah konsisten dengan data dari sampel (Albright, 2007).

### **3.13.1 Penganggaran Parameter**

Byrne (2001) berpendapat bahwa pertama-tama di dalam melihat kecocokan (*fit*) untuk setiap parameter sebuah model adalah menentukan bahwa nilai yang diperkirakan untuk setiap parameter bisa dipergunakan. Untuk setiap parameter semestinya memperlihatkan tanda dan nilai yang benar serta konsisten dengan teori. Maka, parameter yang memperlihatkan nilai korelasi  $> 1$ , varians yang memiliki nilai negatif dan matriks kovarians serta korelasi yang tidak menunjukkan positif menerangkan bahwa model itu adalah salah atau matriks input memiliki keterangan yang tidak cukup.

Penyelidik juga perlu menyemak nilai ralat piawai. Ralat piawai yang terlalu besar atau terlalu kecil merupakan tanda yang menunjukkan bahawa model mempunyai *fit* yang lemah. Selain daripada itu, penyelidik dapat melihat nilai nisbah kritikal yang beroperasi sebagai statistik-z di dalam menguji sama ada penganggaran parameter adalah berbeza daripada 0 secara signifikan. Berdasarkan selang 0.05, ujian statistik mesti  $>\pm 1.96$  sebelum hipotesis boleh ditolak.

### **3.13.2 Model Keseluruhan**

Peneliti memakai indeks *goodness-of-fit* untuk menentukan secara tepat hubungan yang terdapat pada model yang dihipotesiskan. Maka, diterima atau ditolaknya model di dalam penelitian ini ditentukan oleh indeks *goodness-of-fit* sesuai dengan fungsinya. Di sisi lain, Jaccard dan Wan (1996) mengusulkan kepada para peneliti untuk memakai paling kurang tiga jenis indeks *goodness-of-fit*, sedangkan Kline (2005) mengusulkan indeks *goodness-of-fit* paling kurang sebanyak empat jenis di dalam pengujian sebuah model. Maka untuk mengukur *fit* model di dalam kajian ini menggunakan indeks *goodness-of-fit* yang dicadangkan oleh Byrne (2001), Bentler dan

Bonett (1980), Browne dan Cudeck (1993), Hu dan Bentler (1999), Hair, Anderson, Tatham dan Black (1998), Kenny (2003), Kline (2005) serta Steiger (2007).

i. Khi Kuasa Dua ( $\chi^2$ )

Metode yang lazim digunakan untuk mengukur *fit* secara keseluruhan di dalam *goodness-of-fit* adalah  $\chi^2$ . Dan model fit yang baik adalah jika  $\chi^2$  menghasilkan nilai yang rendah (tidak signifikan). Manakala  $\chi^2$  menghasilkan nilai yang tinggi (signifikan) bermakna model adalah tidak *fit* dengan baik. Hal demikian, salah satunya disebabkan oleh kelemahan ujian  $\chi^2$  yang sensitif kepada saiz sampel besar. Maka solusinya adalah dengan melihat ukuran *goodness-of-fit* yang lain dan mengabaikan nilai  $\chi^2$  yang signifikan (Byrne, 2001, Hair et al. 1998). Selain daripada itu untuk mengukur *fit* dicadangkan juga cara lain iaitu membagi nilai  $\chi^2$  dengan *df* (CMIN/DF). Jika nisbah adalah  $< 5$  adalah nilai fit yang *reasonable*, manakala nisbah  $< 2$  adalah *fit* yang baik (Byrne, 2001; Jackson, Dezee, Douglas & Shimeall, 2006; Ghozali, 2008; Kline, 2005).

ii. *Goodness-of-fit Indeks* (GFI) dan *Adjusted Goodness-of-fit* (AGFI)

Hingga saat ini belum dijumpai ketentuan nilai *fit* standard yang layak diterima. Pada amnya, nilai GFI dan AGFI berada pada 0 (*fit* sangat kurang baik) hingga 1 (*fit* yang baik). Dan nilai di atas 0.90 adalah menunjukkan ukuran *fit* yang baik bagi sebuah model. Di sisi lain, AGFI adalah pengembangan daripada GFI (Hu & Bentler, 1993; Ghozali, 2008; Kline, 2005).

iii. *Indeks Bentler Comparative Fit* (CFI)

Nilai CFI juga berada pada 0 (*fit* sangat kurang baik) hingga 1 (*fit* yang baik).

Ianya adalah kaedah perbandingan di antara model hipotesis dengan model independen (*exogen*). Manakala nilai di atas 0.90 adalah merupakan ukuran bagi sebuah model dengan *fit* yang baik (Byrne, 2001; Hu & Bentler, 1999).

iv. *Root Mean-Square Error Of Approximation* (RMSEA)

Ianya adalah sebagai ukuran yang cuba untuk memperbaiki kecondongan nilai  $\chi^2$  menolak model yang memiliki saiz sampel yang besar. Jika nilai RMSEA adalah 0 bermakna *fit* yang sempurna, sedangkan nilai  $< 0.05$  menunjukkan *fit* model yang baik, manakala  $< 0.08$  adalah *fit* yang boleh diterima model (Jackson et al., 2005; Kenny, 2003; Golob, 2003). Selanjutnya nilai yang  $> 0.10$  adalah *fit* yang lemah (Kenny, 2003). Kemudian Hu dan Bentle (1999) berpendapat bahawa nilai  $< 0.06$  adalah standard bagi *fit* yang baik.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan tentang hasil analisis data dan dapatan kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Data dalam kajian ini telah diambil daripada pelajar sarjana muda pendidikan yang berasal dari pelbagai IPTA di kawasan Lembah Klang yang terdapat di Malaysia. Matlamat utama kajian ini iaitu untuk membentuk sebuah model *a priori* yang mempunyai hubungan antara dimensi autonomi, penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran dan sikap mengikut kumpulan ke atas kesepaduan personaliti. Data-data yang dikutip akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) versi 16.0 dan *Analysis of Moment Structures* (AMOS) versi 7 untuk menjawab soalan-soalan kajian.

#### **4.2 Pengumpulan Data Dan Kadar Respons**

Populasi sampel dalam kajian ini membabitkan pelajar sarjana muda di Malaysia yang membabitkan empat buah IPTA sekitar Lembah Klang iaitu UiTM (IPTA1), UPM (IPTA2), UKM (IPTA3), UM (IPTA4). Maka, sampel yang diambil adalah dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA tersebut.

Proses pengumpulan data dijalankan pada tahun 2013 yang telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak masing-masing IPTA. Penyelidik sendiri telah berjumpa dengan Dekan Fakulti, Timbalan Dekan Ijazah Dasar, Ketua-ketua Jabatan dan para Pensyarah bagi mendapatkan kebenaran dan maklum balas yang tepat bagi soal

selidik yang ingin dijalankan. Pengumpulan data membabitkan IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4. Rata-rata soal selidik yang diedarkan di setiap IPTA sebanyak 500 hingga 600 soal selidik. Sama ada penyelidik sendiri yang mentadbir soal selidik di kelas-kelas perkuliahan pada setiap IPTA, bahkan dibantu Timbalan Dekan serta para Pensyarah di kelas perkuliahan masing-masing. Pertama penyelidik memperkenalkan diri serta menyampaikan maksud penyelidik dan meminta semua sampel untuk menjawab secara jujur soalan kajian sesuai keadaan pada diri masing-masing, walaupun arahan ini telah tertera di muka depan soal selidik yang penyelidik tadbirkan. Kemudian jika ada sebarang soalan daripada sampel ketika menjawab soal selidik akan dilayan supaya sampel selesa menjawab soalan-soalan dalam instrumen tanpa sebarang paksaan yang dikenakan. Proses ini dianggap penting kerana penyelidik menginginkan sampel menjawab secara jujur agar segala maklumat yang diberikan menggambarkan diri sampel yang sebenar-benarnya.

#### **4.3 Penyaringan Data**

Di dalam tahapan untuk ketepatan hasil analisis maka proses penyaringan data perlu dilakukan (Levy, 1997). Permulaan penelitian ini memiliki data sebanyak 1802 dan sebelum memasukkan data-data ke dalam perisian SPSS telah dipastikan 49 sampel tidak digunakan karena tidak sempurnanya di dalam pengisian angket. Seterusnya, proses mengecam data kehilangan nilai (*missing values*) serta mengesan data terpinggir (*outlier*) dilakukan bagi mengenal pasti data agar analisis seterusnya menjadi lebih tepat. Dengan menggugurkan sampel atau data kehilangan nilai dan sampel data terpinggir akan meningkatkan multivariate kenormalan data secara keseluruhan, yang bertujuan untuk memastikan data akhir berupaya mewakili sampel sebenar (Kline, 2005).

#### **4.3.1 Pengecaman Data Kehilangan Nilai**

Penyelidik berupaya mengurangkan kemungkinan wujudnya kehilangan nilai (*missing values*) dalam soal selidik, proses menyemak soal selidik dilakukan sebelum sampel memulangkan soal selidik. Hal demikian bertujuan untuk mengelak mana-mana sampel yang tidak menjawab pernyataan yang dikemukakan dalam borang soal selidik sebelum sampel meninggalkan kelas atau dewan. Walaupun demikian, terdapat juga beberapa kes pernyataan atau item yang tidak dijawab oleh sampel. Bagi mengatasi masalah ini, sebelum data dianalisis dengan lebih terperinci, taburan frequensi data dilakukan bagi setiap pembolehubah kajian dan juga analisis kehilangan nilai untuk memastikan data adalah bebas daripada kehilangan nilai. Kesemua item atau indikator kehilangan nilai akan dikenal pasti sebagai indikator kehilangan nilai dalam perisian SPSS versi 16.0.

#### **4.3.2 Pemprosesan Data**

Setelah menyaring kehilangan nilai dalam data yang dikaji, maka proses selanjutnya iaitu mengenal pasti pernyataan item negatif dan kesemua pernyataan item negatif telah ditukar nilai kategori responnya. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya data yang menyimpang daripada taburan kenormalan.

Kesemua pernyataan item negatif telah ditukar nilai kategorinya berdasarkan lima kategori respon yakni dari 1 (tidak pernah) ke 5, 2 (jarang-jarang) ke 4, 4 (banyak kali) ke 2 dan 5 (sentiasa) ke 1. Manakala kategori respon 3 (kadang-kadang) dikekalkan dengan nilai 3. Selepas kesemua pernyataan negatif ditukar nilai kategori responnya, data ini kemudian di analisis sekali lagi secara deskriptif untuk memastikan kenormalan data, pengecaman data terpinggir, kesahan dan kebolehpercayaan serta pelbagai analisis inferensi.

#### **4.3.3 Pengecaman Data Terpinggir (*Outliers*)**

Data yang berbaki 1753 sampel kini disaring sekali lagi bagi mengesan data terpinggir melalui pendekatan analisis Jadual deskriptif. Hair, Black, Babin, Andersson dan Tatham (2006) mentakrifkan data terpinggir sebagai pemerhatian dengan mengenal pasti karakter gabungan unik yang terlalu berbeza daripada pemerhatian gabungan indikator lain.

Pengecaman data terpinggir sangat penting kerana ini membabitkan keputusan untuk membuang sampel tersebut atau tidak. Selain itu, Tabachnick dan Fidell (2007) menyatakan bahawa data terpinggir yang sepatutnya dibuang ialah data yang membabitkan kesilapan memasukkan data entri di samping tercatatnya kehilangan nilai yang sebenar dan sepatutnya menjadi nilai dalam kajian. Ini adalah kerana data daripada sampel tersebut bukannya menjadi ahli bagi mewakili keseluruhan sampel dalam data. Maka dalam kajian ini, didapati sebanyak 23 sampel yang dianggap memiliki data terpinggir yang terlalu ekstrem dengan data keseluruhan dan penyelidik mengambil kesimpulan untuk menggugurkannya. Sehingga ini menjadikan data keseluruhan berjumlah 1730.

#### **4.3.4 Mahalanobis Distance**

Teknik ini dipakai untuk mendeteksi data yang terasing di antara data-data dan akan menyebabkan pengurangan nilai multivariate kurtosis dan kadar kritis. Teknik ini merupakan jarak suatu kes dari sentroid kes-kes yang lain dan sentroid merupakan sebuah nilai yang memiliki min untuk semua pembolehubah bersilang (Tabachnick & Fidell, 2007). Hasil dari pendekatan teknik ini sebanyak 15 kes terpaksa dikeluarkan sehingga sisa dari data keseluruhan berjumlah 1715. Data akhir ini sekali lagi disemak kenormalannya melalui teknik nilai *skewness* dan *kurtosis* sebelum analisis selanjutnya

dijalankan. Data ini dianggap mencukupi kerana bagi setiap IPTA yang dikaji mempunyai di atas 300 hingga 500 sampel. Maka penyelidik mengekalkan kesemua data yang telah disaring untuk analisis inferensi selanjutnya.

#### **4.3.5 Skewness dan Kurtosis**


Cara untuk mengesan kenormalan data boleh dilakukan dengan melihat nilai *skewness* dan *kurtosis*. Nilai keduanya, menurut Tabachnick dan Fidell (2007) merujuk pada bentuk taburan data iaitu nilai sifar bagi *skewness* dan *kurtosis* menggambarkan taburan 100% normal. Nilai *skewness* positif menunjukkan graf pencong positif dan nilai *skewness* negatif menunjukkan pencong negatif, sementara nilai *kurtosis* pula merujuk pada tinggi atau rendah sesuatu taburan data. Nilai *kurtosis* positif digambarkan melalui bentuk lingkungan taburan yang tinggi yang dikenali sebagai bentuk lepokurtik, sementara nilai *kurtosis* negatif digambarkan melalui bentuk taburan yang rendah dan dikenali sebagai bentuk platikurtik. Nilai yang dianggap melebihi  $\pm 3.0$  dijadikan penanda aras bagi melihat kenormalan nilai *skewness* dan *kurtosis* (Chou & Bentler, 1995).

Analisis nilai *skewness* dan *kurtosis* akan menggunakan perisian SPSS dalam kajian ini. Hasil analisis nilai skewness bagi kesemua dimensi dalam kajian ini berada dalam lingkungan di bawah  $\pm 1.96$  sementara analisis kurtosis bagi kesemua dimensi berada dalam lingkungan di bawah  $\pm 3.0$ . Tetapi didapati bahawa nilai multivariate adalah 13.479. Ini bermakna bahawa data terakhir yang berjumlah 1715 yang telah disaring masih berada dalam taburan yang tidak normal. Maka, langkah selanjutnya adalah menggunakan kaedah *bootstrapping*, sebelum melakukan analisis deskriptif dan analisis inferensi bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan.


Jadual 4.1:  
Taburan Nilai *Skewness* dan *Kurtosis*

| Variabel                             | <i>Skewness</i> | <i>Kurtosis</i> |
|--------------------------------------|-----------------|-----------------|
| Menguasai Persekutaran (MP)          | .406            | .239            |
| Penilaian Kendiri yang Positif (PKP) | .121            | .454            |
| Persepsi Realiti (PR)                | .219            | .429            |
| Autonomi (AUTNI)                     | .058            | 2.084           |
| Sikap Mengikut Kumpulan (SMK)        | -.223           | .730            |
| Kesepadan Personaliti (KP)           | -.835           | 1.531           |
| Multivariat                          |                 | 13.479          |

**Normal Q-Q Plot of SAM3**



Rajah 4.1: Normaliti Cerapan Kesihatan Mental (Q-Q plot)



Rajah 4.2: Taburan Cerapan Skala Kesihatan Mental

#### 4.3.6 Kaidah *Bootstrapping* Untuk Ketidak Normalan Data

Kaidah ini merupakan suatu pendekatan yang dipakai di dalam penyelesaian problem ketidaknormalan data yaitu dengan memakai kaidah *bootstrapping* (Yung & Bentler, 1996; Ghozali, 2008). Kaidah ini merupakan suatu prosedur di dalam memulai kembali persampelan yaitu sampel yang permulaan sebagai perwakilan dari populasi. Dari berbagai sub-sampel yang sama ukurannya dengan sampel permulaan akan diambil secara acak dengan penggantian dari populasi untuk menyiapkan data-data sebagai anggaran parameter serta indeks *goodness-of-fit*. Kaidah ini bisa membantu peneliti menilai kestabilan parameter di dalam model (Yung & Bentler, 1996).

Suatu keunggulan yang didapat dari kaidah ini menurut Byrne (2010) yaitu peneliti bisa menilai kestabilan penganggar parameter dan selanjutnya melaporkan

dengan darjat ketepatan yang tinggi. Dan didapati dalam penelitian ini bahawa data tidak normal multivariat maka dilakukanlah kaidah *bootstrapping*.

#### 4.4 Profil Sampel

Bahagian ini melaporkan data-data demografik sampel yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Data-data demografik ini memberikan laporan tentang latar belakang sampel iaitu IPTA dan jantina. Seramai 1715 pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA sekitar Lembah Klang telah dijadikan sampel dalam kajian ini.

Jadual 4.2:  
Bilangan Sampel Berdasarkan IPTA

| IPTA          | Frekuensi   | Peratus (%)  |
|---------------|-------------|--------------|
| IPTA1         | 420         | 24.5         |
| IPTA2         | 346         | 20.1         |
| IPTA3         | 394         | 23.0         |
| IPTA4         | 555         | 32.4         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>1715</b> | <b>100.0</b> |

Jadual 4.2 memberikan laporan yang menunjukkan jumlah sampel dari masing-masing IPTA adalah di atas 300 sampel. Selain daripada itu, Jadual tersebut juga memberikan maklumat bahawa jumlah sampel yang paling ramai terdapat pada IPTA4, diikuti dengan IPTA1, IPTA3 dan IPTA2. Didapati juga bilangan antara sampel IPTA1, IPTA3 dan IPTA2 adalah tidak jauh berbeza.

Jadual 4.3:

Bilangan Sampel Berdasarkan Jantina

| Jantina<br>Sampel | Frekuensi | Peratus (%) |
|-------------------|-----------|-------------|
| Lelaki            | 424       | 24.7        |
| Perempuan         | 1291      | 75.3        |
| Jumlah            | 1715      | 100.0       |

Jadual 4.3 memberikan laporan yang menunjukkan bahawa aspek jantina sampel dalam kajian ini secara keseluruhan berjumlah 1715 sampel yang terdiri daripada 424 (24.7%) pelajar lelaki dan 1291 (75.3%) pelajar perempuan. Kajian ini menunjukkan bahawa jumlah antara sampel perempuan yang jauh lebih tinggi (tiga kali) berbanding jumlah sampel lelaki.

Jadual 4.4:

Bilangan Sampel Mengikut IPTA dan Jantina

| IPTA   | Jantina |           |
|--------|---------|-----------|
|        | Lelaki  | Perempuan |
|        | n       | %         |
| IPTA1  | 77      | 18.3      |
| IPTA2  | 75      | 21.7      |
| IPTA3  | 121     | 30.7      |
| IPTA4  | 151     | 27.2      |
| JUMLAH | 424     | 100.0     |
|        | N       | %         |
| IPTA1  | 343     | 81.7      |
| IPTA2  | 271     | 78.3      |
| IPTA3  | 273     | 69.3      |
| IPTA4  | 404     | 72.8      |
| JUMLAH | 1291    | 100.0     |

Jadual 4.4 memberikan laporan yang menunjukkan bahawa bilangan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki bagi keseluruhan IPTA. Bahkan, bilangan pelajar mengikut IPTA juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan adalah lebih ramai berbanding perempuan.

Jadual 4.5:

Min Dan Sisihan Piawai (*SD*) bagi Dimensi-dimensi Kesihatan Mental

| Dimensi                              | Min   | <i>SD</i> |
|--------------------------------------|-------|-----------|
| Menguasai Persekitaran (MP)          | 21.64 | 3.06      |
| Penilaian Kendiri yang Positif (PKP) | 28.19 | 3.52      |
| Persepsi Realiti (PR)                | 16.73 | 1.93      |
| Autonomi (AUTNI)                     | 16.32 | 1.92      |
| Sikap Mengikut Kumpulan (SMK)        | 27.63 | 2.37      |
| Kesepaduan Personaliti (KP)          | 31.63 | 3.56      |

Dapatan kajian pada Jadual 4.5 memaparkan nilai min dan sisihan piawai (*SD*). Hasil kajian menunjukkan bahawa Kesepaduan Personaliti (KP) dan Penilaian Kendiri yang Positif (PKP) mempunyai serakan skor yg luas berbanding yang lain.

Jadual 4.6:  
Min dan Sisihan Piawai (*SD*) Bagi Pelajar Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan (P) IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4

| IPTA         | Jantina | Nilai     | KP    | SMK   | AUTNI | PR    | PKP   | MP    |
|--------------|---------|-----------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| <b>IPTA1</b> | L       | Min       | 32.34 | 27.48 | 16.61 | 16.62 | 28.23 | 21.75 |
|              |         | <i>SD</i> | 3.69  | 2.38  | 1.89  | 1.97  | 3.90  | 3.27  |
|              | P       | Min       | 31.73 | 28.01 | 16.52 | 16.86 | 28.61 | 22.34 |
|              |         | <i>SD</i> | 3.55  | 2.18  | 1.95  | 1.93  | 3.41  | 3.17  |
| <b>IPTA2</b> | L       | Min       | 31.43 | 27.01 | 16.19 | 16.17 | 26.92 | 21.21 |
|              |         | <i>SD</i> | 3.72  | 2.46  | 2.17  | 2.02  | 3.97  | 3.00  |
|              | P       | Min       | 31.64 | 27.74 | 16.38 | 16.88 | 28.58 | 21.92 |
|              |         | <i>SD</i> | 3.45  | 2.45  | 1.86  | 1.91  | 3.40  | 2.78  |
| <b>IPTA3</b> | L       | Min       | 31.23 | 26.94 | 16.19 | 16.78 | 27.65 | 21.14 |
|              |         | <i>SD</i> | 3.73  | 2.80  | 2.08  | 1.91  | 3.64  | 2.90  |
|              | P       | Min       | 31.34 | 27.94 | 16.32 | 16.89 | 28.81 | 22.08 |
|              |         | <i>SD</i> | 3.48  | 2.30  | 1.91  | 1.93  | 3.41  | 3.12  |
| <b>IPTA4</b> | L       | Min       | 31.94 | 27.18 | 15.93 | 16.38 | 27.28 | 20.67 |
|              |         | <i>SD</i> | 3.67  | 2.34  | 1.75  | 2.03  | 3.52  | 2.84  |
|              | P       | Min       | 31.66 | 27.54 | 16.27 | 16.63 | 27.88 | 21.13 |
|              |         | <i>SD</i> | 3.56  | 2.28  | 1.87  | 1.87  | 3.40  | 3.00  |

Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai min dan sisihan piawai (*SD*) kesepadan personaliti (KP) bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4 mempunyai serakan skor yg luas, diikuti Penilaian Kendiri yang Positif (PKP) bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4.

Jadual 4.7:  
Tahap Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia

| Tahap<br>Kesihatan<br>Mental* | IPTA  |      |       |      |       |      |       |      | Jumlah |
|-------------------------------|-------|------|-------|------|-------|------|-------|------|--------|
|                               | IPTA1 | %    | IPTA2 | %    | IPTA3 | %    | IPTA4 | %    |        |
| 1 lelaki                      | 14    | 3.3  | 22    | 6.4  | 38    | 9.6  | 44    | 7.9  | 118    |
| perempuan                     | 51    | 12.1 | 48    | 13.9 | 48    | 12.2 | 87    | 15.7 | 234    |
| Jumlah                        | 65    | 15.5 | 70    | 20.2 | 86    | 21.8 | 131   | 23.6 | 352    |
| 2 lelaki                      | 52    | 12.4 | 46    | 13.3 | 70    | 17.8 | 91    | 16.4 | 259    |
| perempuan                     | 238   | 56.7 | 183   | 52.9 | 180   | 45.7 | 276   | 49.7 | 877    |
| Jumlah                        | 290   | 69.0 | 229   | 66.2 | 250   | 63.5 | 367   | 66.1 | 1136   |
| 3 lelaki                      | 9     | 2.1  | 6     | 1.7  | 11    | 2.8  | 15    | 2.7  | 41     |
| perempuan                     | 52    | 12.4 | 40    | 11.6 | 43    | 10.9 | 36    | 6.5  | 171    |
| Jumlah                        | 61    | 14.5 | 46    | 13.3 | 54    | 13.7 | 51    | 9.2  | 212    |
| 4 lelaki                      | 2     | .5   | 1     | .3   | 2     | .5   | 1     | .2   | 6      |
| perempuan                     | 2     | .5   | 0     | .0   | 2     | .5   | 5     | .9   | 9      |
| Jumlah                        | 4     | 1.0  | 1     | .3   | 4     | 1.0  | 6     | 1.1  | 15     |
| 5 lelaki                      | 0     | 0    | 0     | 0    | 0     | 0    | 0     | 0    | 0      |
| perempuan                     | 0     | 0    | 0     | 0    | 0     | 0    | 0     | 0    | 0      |
| Jumlah                        | 0     | 0    | 0     | 0    | 0     | 0    | 0     | 0    | 0      |
| Jumlah keseluruhan            | 420   | 100  | 346   | 100  | 394   | 100  | 555   | 100  | 1715   |

\*Tahap Kesihatan Mental: 1 = Sangat Lemah; 2 = Lemah; 3 = Sederhana; 4 = Baik; 5 = Sangat Baik. Norma bagi tahap Kesihatan Mental adalah berdasarkan norma yang diambil dari Jagdis dan Srivastava (1999).

Jadual 4.7 memberikan laporan yang menunjukkan bahawa majoriti sampel memiliki kesihatan mental pada tahap lemah dan diikuti tahap sangat lemah. Selanjutnya, didapati bahawa dalam kalangan sampel kajian ini tiada yang memiliki tahap kesihatan mental pada tahap 5 yang menunjukkan tahap kesihatan mental yang sangat baik.

Hasil kajian ini melaporkan bahawa tiada nampak perbezaan pada keempat-empat IPTA kerana menunjukkan peratusan yang sama pada kadar 60.0% di tahap lemah. Maka, didapati sampel keseluruhan IPTA sebanyak 66.2% memiliki kesihatan mental pada tahap lemah.

Dapatan melaporkan bahawa jika digabungkan antara tahap sangat lemah dan lemah dalam kalangan sampel didapati sejumlah 86.8%. Manakala gabungan antara tahap sederhana dan baik dalam kalangan sampel didapati sejumlah 13.2%. Hal ini menunjukkan jurang perbezaan yang sangat ketara di antara kedua gabungan tahap tersebut.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perbandingan antara tahap lemah sebanyak 66.2% dengan gabungan tahap sederhana dan baik sebanyak 13.2% adalah lima kali ganda. Manakala perbandingan antara tahap lemah dan sangat lemah sebanyak 86.8 % dengan gabungan tahap sederhana dan baik sebanyak 13.2% adalah hampir tujuh kali ganda.

Selanjutnya, hasil kajian juga menunjukkan bahawa aspek jantina yang paling ramai memiliki kesihatan mental pada tahap lemah adalah sampel perempuan seramai 77.2%, diikuti sampel lelaki seramai 22.8%.

Malahan hasil kajian ini menunjukkan bahawa tiada (0%) kesihatan mental pada tahap sangat baik bagi kesemua sampel IPTA.

#### **4.6 Kesahan Konstruk**

Definisi yang dinyatakan oleh Hair et al. (2003) tentang konstruk/dimensi bermaksud satu konsep yang tidak dapat diukur secara terus atau diukur tanpa ralat, tetapi boleh diukur dengan menggunakan indikator. Dengan kata lain, bahawa konstruk/dimensi merupakan satu konsep yang dibina daripada penyelidikan dan pengalaman bagi menjelaskan sesuatu tingkah laku. Sedangkan Zikmund (2003) menyatakan bahawa kesahan konstruk merupakan isu mengenai konstruk dan ukuran yang sebenarnya. Pendekatan faktor analisis akan diguna pakai dalam menilai setiap indikator yang dikaji dan membabitkan kesahan kandungan (*convergent*) dan kesahan diskriminasi, seperti yang dinyatakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) bahawa pendekatan analisis faktor berupaya untuk menguji kesahan tersebut.

Jadual 4.8:  
Keputusan  $\chi^2$  dan Indeks *Goodness-of-Fit* Untuk Model Pengukuran Mengikut Dimensi Kesihatan Mental

| Indeks     | Nilai Yang Dicadangkan* | AUTNI | KP     | MP    | PKP     | PR    | SMK     |
|------------|-------------------------|-------|--------|-------|---------|-------|---------|
| Chi-square |                         | 0.000 | 70.657 | 0.895 | 135.452 | 0.000 | 164.074 |
| <i>df</i>  |                         | 0     | 9      | 2     | 5       | 0     | 5       |
| <i>p</i>   |                         | -     | 0.000  | 0.012 | 0.000   | -     | 0.000   |
| GFI        | $\geq 0.90$             | 1.000 | 0.986  | 0.997 | 0.966   | 1.000 | 0.963   |
| AGFI       | $\geq 0.90$             | -     | 0.966  | 0.987 | 0.899   | -     | 0.888   |
| CFI        | $\geq 0.90$             | 1.000 | 0.948  | 0.986 | 0.908   | 1.000 | 0.789   |
| RMSEA      | $\leq 0.06$             | 0.292 | 0.063  | 0.045 | 0.123   | 0.083 | 0.136   |

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Konstruk kesihatan mental telah diuji dengan menggunakan CFA model pengukuran mengikut dimensi kesihatan mental seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.8 menunjukkan bahawa CFA model pengukuran mengikut dimensi kesihatan mental dapat *fit* data kajian dengan baik. Didapati nilai GFI, AGFI, dan CFI adalah lebih tinggi daripada 0.9, bahkan terdapat nilai 1 yang menunjukkan *fit* sempurna (Hu & Bentle, 1993). Nilai RMSEA pula, terdapat dimensi dengan nilai di bawah 0.05 yang ditakrifkan sebagai *fit* yang baik (Kline, 2005), dan terdapat juga dimensi yang memiliki nilai di antara 0.05 hingga 0.08 yang ditakrifkan sebagai munasabah dan boleh diterima (Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007). Sedangkan beberapa dimensi lain memiliki nilai melebihi 0.10 yang menunjukkan *fit* model lemah (Kenny & McCoach, 2003) dalam kajian ini.

#### **4.7 Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti**

Analisis memperlihatkan keputusan bahwa model pengukuran mengikut dimensi didapati telah mencapai nilai *fit* yang baik. Oleh karena itu, analisis selanjutnya dengan menguji model penuh pengukuran. Adapun bagian ini adalah laporan tentang analisis model penuh kesihatan mental. Suatu model penuh telah dibangun di dalam penelitian ini untuk menguji hubungan antara dimensi autonomi, penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran dan sikap mengikut kumpulan ke atas kesepaduan personaliti.

Di dalam penelitian ini kesepaduan personaliti merupakan variable endogen (*endogenous*) manakala autonomi dan sikap mengikut kumpulan adalah endogen (*endogenous*) sekaligus *mediator*, sedangkan penilaian kendiri yang positif dan persepsi realiti, menguasai persekitaran adalah variable eksogen (*exogenous*). Maka dihipotesiskan bahawa penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran dan persepsi realiti akan memberi kesan langsung mahupun tidak langsung ke atas kesepaduan personaliti.

Analisis faktor konfirmatori (CFA) digunakan di dalam model pengukuran sebagai kaidah statistik di dalam memastikan hubungan antara variabel pendam dengan indikator-indikatornya (Byrne, 2001). Maka di dalam penelitian ini, CFA akan berfungsi sebagai penentu tahap *goodness-of-fit* model pengukuran berdasarkan ukuran  $\chi^2$ , indeks *goodness-of-fit* GFI, AGFI, CFI dan RMSEA.  $\chi^2$  sedangkan nilai *p* adalah bukan satu panduan yang baik untuk menguji kecocokan (*fit*) model karena sensitif terhadap saiz sampel (Hu & Bentler, 1995; Byrne, 2001). Maka di dalam analisis penelitian ini  $\chi^2$  dan nilai *p* tidak digunakan sebagai panduan.

Jadual 4.9:  
Keputusan  $\chi^2$  dan Indeks *Goodness-of-Fit* Untuk Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti

| Indeks    | Nilai Yang Dicadangkan* | Nilai Fit |
|-----------|-------------------------|-----------|
| CMIN      |                         | 5391.276  |
| <i>df</i> |                         | 1469      |
| <i>p</i>  |                         | 0.000     |
| GFI       | $\geq 0.90$             | 0.659     |
| AGFI      | $\geq 0.90$             | 0.630     |
| CFI       | $\geq 0.90$             | 0.532     |
| RMSEA     | $\leq 0.06$             | 0.069     |

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Keputusan model penuh telah diuji dengan data-data sampel IPTA4 dalam kajian ini dan ditentukan *goodness-of-fit* untuk model penuh pengukuran bagi keseluruhan IPTA berdasarkan GFI, AGFI, CFI dan RMSEA. Daripada Jadual 4.9 dapat diperhatikan bahawa nilai GFI, AGFI dan CFI melaporkan pencapaian *fit* yang tidak bagus.

#### 4.7.1 Collapse dan Recode: Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti

Seterusnya demi mencapai *fit* yang baik untuk model penuh pengukuran, maka penyelidik melakukan *collapse* yakni mengembalikan 5 kategori respons yang telah digunakan oleh penyelidik kepada 4 kategori respon seperti instrumen asalnya dengan cara respon kategori: 1--->1, 2--->2, 3--->2, 4--->3 dan 5--->4. Kemudian penyelidik melakukan *recode* pada kategori respons sekali lagi terhadap item-item negatif daripada positif kepada negatif dengan cara 4--->1, 3--->2, 2--->3 dan 1--->4. Kemudian, penyelidik melakukan analisis kembali pada model penuh pengukuran.

Jadual 4.10:


Keputusan  $\chi^2$  dan Indeks *Goodness-of-Fit* Untuk Model Penuh Pengukuran Kesepadan Personaliti Selepas di *Collapse* dan *Recode*

| Indeks    | Nilai Yang Dicadangkan* | Nilai Fit Asal | Nilai Fit <i>Collapse</i> dan <i>Recode</i> |
|-----------|-------------------------|----------------|---|
| CMIN      |                         | 5391.276       | 1901.411                                    |
| <i>df</i> |                         | 1469           | 335   |
| <i>p</i>  |                         | 0.000          | 0.000                                       |
| GFI       | $\geq 0.90$             | 0.659          | 0.747                                       |
| AGFI      | $\geq 0.90$             | 0.630          | 0.693                                       |
| CFI       | $\geq 0.90$             | 0.532          | 0.623                                       |
| RMSEA     | $\leq 0.06$             | 0.069          | 0.092                                       |

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Setelah penyelidik melakukan *Collapse* dan *Recode* terhadap kategori respon maka pada Jadual 4.10 melaporkan keputusan indeks *goodness-of-fit* untuk model penuh pengukuran Kesepadan Personaliti hanya mencapai *fit* yang sederhana. Didapati nilai GFI=0.659 dan CFI=0.532 sedikit meningkat GFI=0.747 dan CFI=0.623 seperti yang dilaporkan dalam model penuh pengukuran di atas. Ini bermakna secara signifikannya pembentukan model penuh pengukuran Kesepadan Personaliti adalah sedikit lebih *fit* dengan data kajian berbanding dengan pembentukan model penuh pengukuran yang dicadangkan pada rajah 4.9 walaupun masih tahap sederhana.

#### 4.7.2 Himpunan Item (*Parceling*)



Rajah 4.3: Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia

Dengan tujuan yang sama seperti *collapse* dan *recode* tersebut di atas yakni untuk mendapatkan nilai *fit* yang lebih baik, maka langkah seterusnya penyelidik melakukan himpunan item (*parceling*) (Bandalos & Finney, 2001).

Kumpulan item (*parceling*) merupakan jenis pengukuran yang paling biasa dilakukan di dalam pendekatan multivariat sehingga ke psikometriks terutama di dalam teknik menganalisis variabel pendam (Little, Cunningham, Shahar & Widaman, 2002). Hasil kajian literatur oleh Bandalos dan Finney (2001) menjelaskan bahwa kumpulan item memiliki keunggulan seperti memiliki nilai reliabiliti yang lebih tinggi daripada item individu, meningkatkan kadar antara variabel dan saiz sampel, meninggikan kestabilan anggaran parameter. Menurut Little et al. (2002) kumpulan item didefinisikan sebagai indikator agregat yang terkandung jumlah atau rata-rata dua atau lebih item yang dipakai untuk mengukur suatu variabel pendam. Kumpulan item didefinisikan juga sebagai mengumpulkan item-item ke dalam kumpulan setelah pengumpulan data, kemudian memakai kumpulan-kumpulan tersebut untuk menguji hipotesis kajian (Fletcher & Perry, 2007).

Kumpulan item digunakan dalam penelitian ini untuk melihat hubungan antara variabel pendam dan bukan meneliti hubungan antara item. Dari perspektif ini, kumpulan item hanya berfungsi sebagai alat yang dipakai untuk membangun model pengukuran. Di sisi lain, penggunaan kumpulan item akan lebih terjamin jika fokus peneliti adalah menentukan hubungan antara konstruk atau variabel pendam. Selain itu, kumpulan item diaplikasikan dalam penelitian ini kerana model dengan indikator satu item terutama jika terdapat banyak item adalah kurang parsimoni dan akan menambahkan ralat persampelan sehingga mempengaruhi nilai kebagusan penyesuaian (Little et al., 2002).

Di dalam penelitian ini, item-item dari dimensi yang sama dikumpulkan secara acak ke dalam kumpulan-kumpulan. Terdapat 28 himpunan item untuk skala Kesihatan Mental. Jumlah item yang terdapat dalam setiap himpunan adalah 2 item sahaja. Himpunan Penilaian Kendiri yang Positif (ParPKP1) hingga Penilaian Kendiri yang Positif (ParPKP5) adalah untuk dimensi penilaian kendiri yang positif, himpunan Persepsi Realiti (ParPR1) hingga Persepsi Realiti (ParPR4) adalah untuk dimensi persepsi realiti, himpunan Kesepaduan Personaliti (ParKP1) hingga Kesepaduan Personaliti (ParKP6) adalah untuk dimensi kesepaduan personaliti, himpunan Autonomi (ParAUTNI1) hingga Autonomi (ParAUTNI3) adalah untuk dimensi autonomi, himpunan Sikap Mengikut Kumpulan (ParSMK1) hingga Sikap Mengikut Kumpulan (ParSMK5) adalah untuk dimensi sikap mengikut kumpulan dan himpunan Menguasai Persekutaran (ParMP1) hingga Menguasai Persekutaran (ParMP5) adalah untuk dimensi menguasai persekitaran.

Jadual 4.11:

Keputusan  $\chi^2$  dan Indeks *Goodness-of-Fit* Untuk Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti Selepas di *Parceling*

| Indeks    | Nilai Yang<br>Dicadangkan* | Nilai Fit <i>Collapse</i> dan <i>Recode</i> | Nilai Fit <i>Parceling</i> |
|-----------|----------------------------|---|----------------------------|
| CMIN      |                            | 1901.411                                    | 1274.324                   |
| <i>df</i> |                            | 335   | 284                        |
| <i>p</i>  |                            | 0.000                                       | 0.000                      |
| GFI       | $\geq 0.90$                | 0.747                                       | 0.748                      |
| AGFI      | $\geq 0.90$                | 0.693                                       | 0.689                      |
| CFI       | $\geq 0.90$                | 0.623                                       | 0.661                      |
| RMSEA     | $\leq 0.06$                | 0.092                                       | 0.091                      |

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Jadual 4.11 keputusan ujian indeks *goodness-of-fit* bagi model penuh pengukuran dengan himpunan item (*parceling*) melaporkan bahawa CFA bagi model penuh pengukuran Kesepaduan Personaliti didapati *fit* meningkat. Ini bermakna secara signifikannya pembentukan model penuh pengukuran Kesepaduan Personaliti adalah lebih *fit* dengan data kajian berbanding dengan pembentukan model penuh yang dicadangkan pada rajah 4.10.

Tetapi didapati item parcel yang menghasilkan *factor loading* tidak signifikan, maka terpaksa dua *item parcel*, yakni item Persepsi Realiti (ParPR3) dan item Menguasai Persekutaran (ParMP1) dibuang dalam CFA bagi model penuh pengukuran Kesepaduan Personaliti. Kemudian penyelidik menjalankan analisis CFA bagi model penuh pengukuran Kesepaduan Personaliti kembali dan mendapati kesemua item *parcel* menghasilkan *factor loading* yang signifikan, walaupun nilai indeks masih berada pada tahap yang sama.

#### **4.8 Pengesahan Silang Model Penuh Pengukuran Kesepaduan Personaliti**

Proses pengesahan silang (*cross validation*) merupakan suatu pendekatan yang bertujuan untuk melihat seberapa jauh analisa statistik yang didapat bisa digeneralisirkan pada satu set data eksogen. Kaplan (2000) mengatakan bahwa di antara pertimbangan penting sewaktu menilai model struktur adalah memastikan apakah model struktur yang dibentuk bisa melakukan pengesahan silang yang bagus jika memakai saiz sampel yang berbeda dari jumlah populasi yang sama. Proses pengesahan silang sering dipakai dalam konteks perkiraan dan ingin menganggar ketepatan sebuah model yang dibentuk. Di dalam penelitian ini, sebanyak 346 sampel dari IPTA2 telah dipakai dalam proses pengujian model pengesahan silang.

Jadual 4.12:

Analisis  $\chi^2$  dan Indeks *Goodness-of-Fit* Model Pengesahan Silang

| Indeks    | Nilai Yang Dicadangkan* | Nilai Fit <i>Parceling</i> | Nilai Fit Pengesahan Silang |
|-----------|-------------------------|----------------------------|-----------------------------|
| CMIN      |                         | 1274.324                   | 1152.506                    |
| <i>df</i> |                         | 284                        | 284                         |
| <i>p</i>  |                         | 0.000                      | 0.000                       |
| GFI       | $\geq 0.90$             | 0.748                      | 0.730                       |
| AGFI      | $\geq 0.90$             | 0.689                      | 0.667                       |
| CFI       | $\geq 0.90$             | 0.661                      | 0.689                       |
| RMSEA     | $\leq 0.06$             | 0.091                      | 0.094                       |


\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Jadual 4.12 melaporkan bahawa keputusan ujian indeks *goodness-of-fit* bagi model pengesahan silang telah mencapai *fit* yang baik. ini bermakna secara signifikannya model pengesahan silang mendapat *fit* yang baik. Walaupun nilai *fit* indeks hampir berada pada tahap yang sama seperti dalam Jadual 4.11, tetapi didapati kesemua item pada pengesahan silang menghasilkan *factor loading* yang signifikan apabila CFA dijalankan.

#### 4.9 Model Path Analisis Bagi Keseluruhan IPTA

Dari soalan kajian yang pertama bertujuan untuk melihat sejauh manakah model yang dihipotesiskan dapat *fit* data boleh cerap atau sejauh manakah model yang dihipotesiskan adalah konsisten dengan data dari sampel (Albright, 2007).

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan indeks *goodness-of-fit* untuk menentukan ketepatan hubungan dalam model yang dihipotesiskan. Indeks *goodness-of-fit* akan menentukan sama ada sesuatu model yang dicadangkan dalam kajian ini boleh diterima atau ditolak. Penyelidik menggunakan senarai indeks iaitu GFI, AGFI, CFI dan RMSEA untuk menguji model yang dihipotesiskan.



Rajah 4.4: Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia

Jadual 4.13:

Nilai  $\chi^2$  dan Indeks *Goodness-of-Fit* Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA


| Indeks    | Nilai Yang Dicadangkan* | Nilai Fit |
|-----------|-------------------------|-----------|
| CMIN      |                         | 27.004    |
| <i>df</i> |                         | 1         |
| <i>p</i>  |                         | 0.000     |
| GFI       | $\geq 0.90$             | 0.995     |
| AGFI      | $\geq 0.90$             | 0.891     |
| CFI       | $\geq 0.90$             | 0.992     |
| RMSEA     | $\leq 0.06$             | 0.123     |

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Hasil analisis bagi model path analisis yang telah diuji dengan data-data dalam kajian ini yang dipaparkan pada Jadual 4.13 menunjukkan bahawa dapat diperhatikan nilai GFI, AGFI, CFI telah mencapai nilai yang menandakan model path analisis *fit* data dengan baik, walaupun didapati nilai RMSEA melebihi 0.06 dalam kajian ini.

#### **4.9.1 Pemberat Regresi Standard Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA**

Path analisis adalah suatu teknik pengembangan dari *multiple regression*. Teknik ini digunakan untuk menguji besarnya kontribusi/anggaran yang ditunjukkan oleh koefisien jalur pada setiap diagram jalur dari hubungan kausal antar variabel.



Rajah 4.5: Pemberat Regresi Standard Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti  
Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia

Jadual 4.14:  
Pemberat Regresi Standard ( $\beta$ ) Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA

| Variabel           | $\beta$ | $\beta$ Selepas<br><i>Bootstrapping</i> ** |
|--------------------|---------|--|
| SMK <--- PR        | .148*   | .148*                                      |
| AUTNI <--- PR      | .146*   | .146*                                      |
| SMK <--- MP        | .095*   | .095*                                      |
| AUTNI <--- MP      | .055*   | .055*                                      |
| SMK <--- PKP       | .250*   | .250*                                      |
| AUTNI <--- PKP     | .250*   | .250*                                      |
| KP <--- MP         | -.090*  | -.090*                                     |
| KP <--- PR         | .196*   | .196*                                      |
| KP <--- PKP        | .002    | .002                                       |
| KP <--- SMK        | .384*   | .384*                                      |
| KP <--- AUTNI      | .612*   | .612*                                      |
| <i>Covariances</i> |         |  |
|                    | $\beta$ | $\beta$ Selepas<br><i>Bootstrapping</i> ** |
| PR<-->PKP          | 3.400*  | 3.400*                                     |
| PKP<-->MP          | 7.227*  | 7.227*                                     |
| PR<-->MP           | 2.407*  | 2.407*                                     |

\*Signifikan pada aras alfa < .05

\*\*Berdasarkan pada 200 sampel *bootstrapping*

Keputusan pemberat regresi standard ( $\beta$ ) yang diperoleh berdasarkan 200 sampel *bootstrapping* untuk path analisis bagi keseluruhan IPTA telah dipamerkan dalam Jadual 4.14. Didapati bahawa nilai pemberat regresi standard sebelum dan selepas *bootstrapping* mempunyai nilai yang sama.

#### ML discrepancy (implied vs sample) (Default model)

|              |          |
|--------------|----------|
|              | -----    |
| .001         | *****    |
| .903         | *****    |
| 1.805        | *****    |
| 2.707        | ****     |
| 3.609        | *****    |
| 4.511        | **       |
| 5.413        | **       |
| N = 200      | 6.315 ** |
| Mean = 2.039 | 7.217 ** |
| S. e. = .170 | 8.119 *  |
|              | 9.021 *  |
|              | 9.923 *  |
|              | 10.825 * |
|              | 11.727   |
|              | 12.629 * |
|              | -----    |

#### Bollen-Stine Bootstrapping nilai $p < .05$

Rajah 4.6: Bollen-Stine Bootstrapping Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Malaysia

Oleh kerana  $\chi^2$  (27.004,  $df = 1$ ) model adalah lebih besar berbanding min  $\chi^2$  ( $\chi^2 = 2.039$ ,  $df = 1$ ) bagi Bollen-Stine bootstrapping, maka hipotesis nol yang menyatakan bahawa model fit data ditolak ( $p < .05$ ).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua variabel path analisis bagi keseluruhan IPTA adalah signifikan kecuali penilaian kendiri yang positif (PKP) ke atas kesepaduan personaliti (KP) sahaja yang tidak signifikan. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa menguasai persekitaran (MP) ke atas kesepaduan personaliti (KP) mempunyai nilai negatif, akan tetapi signifikan. Selain daripada itu, hasil kajian juga mendapati bahawa nilai pemberat regresi standard penyumbang tertinggi path analisis bagi keseluruhan IPTA adalah autonomi (AUTNI) ke atas


kesepaduan personaliti (KP), diikuti sikap mengikut kumpulan (SMK) ke atas kesepaduan personaliti (KP).

Selanjutnya, nilai *covariances* path analisis bagi keseluruhan IPTA di antara persepsi realiti (PR) dan penilaian kendiri yang positif (PKP), penilaian kendiri yang positif (PKP) dan menguasai persekitaran (MP), persepsi realiti (PR) dan menguasai persekitaran (MP) adalah signfikan.

Didapati juga bahawa nilai *covariances* terbesar path analisis bagi keseluruhan IPTA ialah antara penilaian kendiri yang positif (PKP) dan menguasai persekitaran (MP). Manakala nilai *covariances* terkecil path analisis bagi keseluruhan IPTA adalah antara persepsi realiti (PR) dan menguasai persekitaran (MP).

#### **4.9.2 Nilai *Squared Multiple Correlations* Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA**

Nilai *squared multiple correlations* untuk path analisis bagi keseluruhan IPTA juga telah dianalisis. Nilai *squared multiple correlations* mewakili bahagian varians sesuatu variabel yang dapat dijelaskan oleh peramal atau peramal-peramalnya.



Rajah 4.7: Nilai *Squared Multiple Correlations* Model Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan bagi keseluruhan IPTA

Jadual 4.15:

Nilai *Squared Multiple Correlations* Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA

| Variabel | Nilai <i>Squared Multiple Correlations</i> |
|----------|--|
| AUTNI    | .373                                       |
| SMK      | .286                                       |
| KP       | .252                                       |

Dari paparan pada Jadual 4.15 didapati nilai *squared multiple correlations* yang terkecil ialah 0.252 manakala nilai terbesar ialah 0.373. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 25.2% hingga 37.3% bahagian varians variabel-variabel dalam kajian ini dapat dijelaskan oleh peramal atau peramal-peramal masing-masing. Ini memberikan

maklumat bahawa variabel telah dapat diramalkan oleh peramal masing-masing dengan baik.

25.2% daripada varians kesepaduan personaliti (KP) telah diterangkan oleh autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK). Manakala 28.6% daripada varians sikap mengikut kumpulan (SMK) telah diterangkan oleh persepsi realiti (PR), menguasai persekitaran (MP) dan penilaian kendiri yang positif (PKP). Sedangkan 37.3% daripada varians autonomi (AUTNI) juga telah diterangkan oleh persepsi realiti (PR), menguasai persekitaran (MP) dan penilaian kendiri yang positif (PKP).

#### **4.9.3 Kesan Langsung, Kesan Tidak Langsung dan Jumlah Kesan Path Analisis Kesepaduan Personaliti Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Bagi Keseluruhan IPTA**

Pendekatan path analisis boleh menganggar kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan antara variabel dalam sesebuah model. Jadual 4.15 menunjukkan kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan path analisis. Justeru kajian ini akan dilihat dari segi keputusan analisis kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan antara dimensi yang dikaji.

Jadual 4.16:

**Jumlah Kesan, Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP) Ke Atas Kesepaduan Personaliti (KP) Melalui Sikap Mengikut Kumpulan (SMK) dan Autonomi (AUTNI) Path Analisis Bagi Keseluruhan IPTA**

| Variabel                             | Kesan Langsung | Kesan Tidak Langsung                  | Jumlah Kesan |
|--------------------------------------|----------------|---------------------------------------|--------------|
| Persepsi Realiti (PR)                | .196*          | AUTNI + SMK<br>0.089* + 0.057* = .146 | .342         |
| Menguasai Persekuturan (MP)          | -.090*         | AUTNI + SMK<br>0.034* + 0.036* = .070 | -.020        |
| Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP) | .002           | AUTNI + SMK<br>0.153* + 0.096* = .249 | .251         |

\*Signifikan pada aras alfa < .05

Hasil kajian ini melaporkan jumlah kesan, kesan langsung dan kesan tidak langsung untuk pasangan variabel pendam dalam path analisis. Keputusan menunjukkan bahawa peramal pertama kepada kesepaduan personaliti (KP) adalah persepsi realiti (PR) dengan jumlah kesan .342. Hal ini menjelaskan bahawa apabila persepsi realiti (PR) bertambah 1 sisihan piawai, maka kesepaduan personaliti (KP) akan bertambah sebanyak .342 sisihan piawai. Jumlah kesan sebanyak .342 adalah disebabkan oleh kedua-dua kesan tidak langsung sebanyak .146 beserta kesan langsung sebanyak .196. kesan tidak langsung wujud disebabkan oleh sikap mengikut kumpulan (SMK) dan autonomi (AUTNI) yang berfungsi sebagai mediator.

Selain itu, dapat diperhatikan kesan langsung persepsi realiti (PR) ke atas kesepaduan personaliti (KP) yang bernilai .196 adalah lebih tinggi daripada kesan tidak langsung yang bernilai .146. Ini bermakna persepsi realiti (PR) memberi kesan secara langsung yang lebih kuat ke atas kesepaduan personaliti (KP) berbanding dengan kesan secara tidak langsung.

Menguasai persekitaran (MP) merupakan peramal yang kedua untuk kesepaduan personaliti (KP), dan didapati jumlah kesan menguasai persekitaran (MP) ke atas kesepaduan personaliti (KP) adalah -.020. Ini bermakna apabila menguasai persekitaran (MP) bertambah sebanyak 1 sisihan piawai, maka kesepaduan personaliti (KP) akan menurun .020 sisihan piawai. Jumlah kesan sebanyak -.020 adalah disebabkan oleh kedua-dua kesan tidak langsung sebanyak .070 beserta kesan langsung sebanyak -.090. Kesan tidak langsung wujud disebabkan oleh sikap mengikut kumpulan (SMK) dan autonomi (AUTNI) yang berfungsi sebagai mediator.

Selain itu, dapat diperhatikan kesan langsung menguasai persekitaran (MP) ke kesepaduan personaliti (KP) yang bernilai -.090 adalah lebih rendah daripada kesan tidak langsung yang bernilai .070. Ini bermakna menguasai persekitaran (MP) memberi kesan secara tidak langsung lebih kuat ke atas kesepaduan personaliti (KP) berbanding dengan kesan langsung.

| <b>Model3</b>                |       |   |       |   |             |
| KP <b>B</b> PR<br>Dibuang    | 1.707 | 5 | 0.689 | 1 | ns          |
| <b>Model4</b>                |       |   |       |   |             |
| KP <b>B</b> SMK<br>Dibuang   | 3.406 | 6 | 1.699 | 1 | ns          |
| <b>Model5</b>                |       |   |       |   |             |
| AUTNI <b>B</b> MP<br>Dibuang | 6.361 | 7 | 2.955 | 1 | ns          |
| <b>Model6</b>                |       |   |       |   |             |
| SMK <b>B</b> PR<br>Dibuang   | 9.537 | 8 | 3.176 | 1 | ns          |
| <b>Perempuan</b>             | .774  | 2 |       |   | 0.679 (ns)  |
| <b>Model1</b>                |       |   |       |   |             |
| SMK <b>B</b> MP<br>Dibuang   | .797  | 3 | 0.023 | 1 | ns          |
| <b>Model2</b>                |       |   |       |   |             |

|                           |       |   |       |   |    |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|
| KP <b>B</b> PR<br>Dibuang | 3.103 | 4 | 2.306 | 1 | ns |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|

**Model3**

|                           |       |   |        |   |    |
|---------------------------|-------|---|--------|---|----|
| KP <b>B</b> MP<br>Dibuang | 4.904 | 5 | 1. 801 | 1 | ns |
|---------------------------|-------|---|--------|---|----|

**Model4**

|                   |       |   |        |   |    |
|-------------------|-------|---|--------|---|----|
| AUTNI <b>B</b> MP | 7.657 | 6 | 2. 753 | 1 | ns |
|-------------------|-------|---|--------|---|----|

**IPTA3**

|               |       |   |  |  |            |
|---------------|-------|---|--|--|------------|
| <b>Lelaki</b> | 0.190 | 2 |  |  | 0.909 (ns) |
|---------------|-------|---|--|--|------------|

**Model1**

|                           |       |   |       |   |    |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|
| KP <b>B</b> PR<br>Dibuang | 0.381 | 3 | 0.191 | 1 | ns |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|

**Model2**

|                           |       |   |       |   |    |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|
| KP <b>B</b> MP<br>Dibuang | 0.912 | 4 | 0.531 | 1 | ns |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|

|               |  |  |  |  |  |
|---------------|--|--|--|--|--|
| <b>Model3</b> |  |  |  |  |  |
|---------------|--|--|--|--|--|

|                              |       |   |       |   |    |
|------------------------------|-------|---|-------|---|----|
| AUTNI <b>B</b> MP<br>Dibuang | 3.952 | 5 | 3.040 | 1 | ns |
|------------------------------|-------|---|-------|---|----|

**Model4**

|                            |       |   |       |   |    |
|----------------------------|-------|---|-------|---|----|
| SMK <b>B</b> MP<br>Dibuang | 7.270 | 6 | 3.318 | 1 | ns |
|----------------------------|-------|---|-------|---|----|

|                  |       |   |  |  |             |
|------------------|-------|---|--|--|-------------|
| <b>Perempuan</b> | 9.136 | 2 |  |  | 0.010 (sig) |
|------------------|-------|---|--|--|-------------|

**Model1**

|                           |       |   |       |   |    |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|
| KP <b>B</b> MP<br>Dibuang | 9.197 | 3 | 0.061 | 1 | ns |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|

**Model2**

|                            |       |   |       |   |    |
|----------------------------|-------|---|-------|---|----|
| SMK <b>B</b> PR<br>Dibuang | 9.859 | 4 | 0.662 | 1 | ns |
|----------------------------|-------|---|-------|---|----|

**Model3**

|                           |        |   |       |   |    |
|---------------------------|--------|---|-------|---|----|
| KP <b>B</b> PR<br>Dibuang | 10.948 | 5 | 1.089 | 1 | ns |
|---------------------------|--------|---|-------|---|----|

**IPTA4**

|               |       |   |  |  |            |
|---------------|-------|---|--|--|------------|
| <b>Lelaki</b> | 1.695 | 2 |  |  | 0.428 (ns) |
|---------------|-------|---|--|--|------------|

**Model1**

|                            |       |   |       |   |    |
|----------------------------|-------|---|-------|---|----|
| SMK <b>B</b> MP<br>Dibuang | 3.206 | 3 | 1.511 | 1 | ns |
|----------------------------|-------|---|-------|---|----|

## **Model2**

|                           |       |   |       |   |    |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|
| KP <b>B</b> MP<br>Dibuang | 4.918 | 4 | 1.712 | 1 | ns |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|

|                           |       |   |       |   |    |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|
| KP <b>B</b> PR<br>Dibuang | 6.651 | 5 | 1.733 | 1 | ns |
|---------------------------|-------|---|-------|---|----|

|                            |        |   |       |   |             |
|----------------------------|--------|---|-------|---|-------------|
| SMK <b>B</b> PR<br>Dibuang | 10.145 | 6 | 3.494 | 1 | ns          |
| <b>Perempuan</b>           | 24.047 | 2 |       |   | 0.000 (sig) |

## **Model1**

|                            |        |   |       |   |    |
|----------------------------|--------|---|-------|---|----|
| SMK <b>B</b> PR<br>Dibuang | 25.352 | 3 | 1.302 | 1 | ns |
|----------------------------|--------|---|-------|---|----|

|                              |        |   |       |   |    |
|------------------------------|--------|---|-------|---|----|
| AUTNI <b>B</b> PR<br>Dibuang | 27.166 | 4 | 1.814 | 1 | ns |
|------------------------------|--------|---|-------|---|----|

|               |        |   |       |   |    |
|---------------|--------|---|-------|---|----|
| <b>Model2</b> | 30.055 | 5 | 2.889 | 1 | ns |
|---------------|--------|---|-------|---|----|

---

\*Model *parsimony*

Hasil kajian melaporkan model *trimming* mengikut IPTA dan Jantina bagi tujuan *parsimony* pada model perempuan IPTA3 dan perempuan IPTA4 adalah terbanyak variabel tidak bersandar memprediksi variabel bersandar. Manakala lelaki IPTA1 adalah paling sedikit variabel tidak bersandar memprediksi variabel bersandar.

Dapatan kajian juga menunjukkan *parsimony* bagi lelaki IPTA1 iaitu menguasai persekitaran (MP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui sikap mengikut kumpulan (SMK) dan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) adalah signifikan.

Manakala *parsimony* bagi perempuan IPTA1 iaitu persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan

(SMK) dan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK) adalah signifikan.

Seterusnya, *parsimony* bagi lelaki IPTA2 iaitu persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI), penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap sikap mengikut kumpulan (SMK) dan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) adalah signifikan.

Manakala *parsimony* bagi perempuan IPTA2 iaitu persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK) dan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) adalah signifikan.

Seterusnya, *parsimony* bagi lelaki IPTA3 iaitu persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK) dan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK) adalah signifikan.

Manakala *parsimony* bagi perempuan IPTA3 iaitu persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI), menguasai persekitaran (MP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK) dan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK) adalah signifikan.

Seterusnya, *parsimony* bagi lelaki IPTA4 iaitu persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI), menguasai persekitaran (MP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK) adalah signifikan.

Manakala *parsimony* bagi perempuan IPTA4 iaitu persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP), menguasai persekitaran (MP) terhadap kesepaduan personaliti (KP), menguasai persekitaran (MP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan penilaian kendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) melalui autonomi (AUTNI) dan sikap mengikut kumpulan (SMK) adalah signifikan.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini dimulakan dengan menerangkan ringkasan kajian dan diikuti dengan perbincangan tentang dapatan kajian. Selain daripada itu, bab ini juga mengemukakan implikasi kajian ke atas pelbagai pihak, cadangan untuk kajian masa depan dan berakhir dengan kesimpulan.

#### **5.2 Ringkasan Kajian**

Penelitian dengan pendekatan kuantitatif yang memakai kaidah survey ini, memiliki tujuan utama yaitu untuk memastikan dampak serta kepentingan dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan autonomi ke atas kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA sekitar Lembah Klang. Dimensi-dimensi tersebut akan dikaji berdasarkan sebuah model *a priori* yang dibentuk berdasarkan teori-teori dan sorotan literatur yang berkaitan. Dalam kajian ini, terdapat tiga dimensi yang dipostulasikan dan boleh mempengaruhi secara langsung maupun tidak langsung ke atas dimensi kesepaduan personaliti, manakala dua dimensi lainnya sebagai mediator. Tiga dimensi yang dipostulasikan tersebut ialah persepsi realiti, menguasai persekitaran dan penilaian kendiri yang positif. Sementara, dua dimensi yang menjadi mediator adalah sikap mengikut kumpulan dan autonomi.

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 1715 orang pelajar sarjana muda pendidikan. Sebelum path analisis dijalankan, proses penyemakan kenormalan data

telah dilakukan, diikuti dengan penilaian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Selepas itu, proses CFA bagi model pengukuran pada setiap dimensi dikaji. Langkah seterusnya ialah proses CFA bagi model *a priori* dilakukan bagi menguji sama ada data yang dikutip *fit* dengan model *a priori*. Maka, akhir sekali proses pengujian kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan dilakukan ke atas model *a priori* kesepaduan personaliti.

Kajian ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan path analisis yang melibatkan pembinaan model pengukuran dan model *a priori* telah digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian. Dalam model pengukuran, analisis faktor konfirmatori (CFA) telah diaplikasikan untuk mengesahkan bahawa semua variabel boleh cerap dapat mengukur dimensi atau varibel pendam masing-masing. Path analisis pula digunakan untuk menilai hubungan antara semua variabel pendam kajian. Proses penganalisan data menggunakan item-item yang telah dihimpunkan (*parcel*) kerana ianya didapati akan memberi nilai *fit* yang lebih baik. Indeks *goodness-of-fit* yang dipilih untuk menentukan nilai *fit* model-model kajian adalah indeks *goodness-of-fit* (GFI), *adjusted goodness-of-fit* (AGFI), *indeks bentler comparative fit* (CFI) dan *root mean-square error of approximation* (RMSEA).

Kaedah *bootstrapping* digunakan dalam proses penganalisan data memandangkan data-data kajian kurang normal multivariat. Setelah model pengukuran didapati telah mencapai nilai *fit* yang baik, maka proses pengesahan silang (*cross validation*) model pengukuran dijalankan untuk memastikan kesahan ramalan bagi model yang dibentuk dalam kajian ini.

Selain itu, aspek mediator dan moderator serta kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan yang melibatkan variabel-variabel pendam juga dikaji. Path analisis juga diuji untuk menentukan fungsi IPTA dan jantina sebagai moderator. Fungsi autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator yang mengakibatkan kesan tidak langsung juga turut diperhatikan. Lima soalan kajian telah dibentukkan sebagai panduan untuk mencapai objektif-objektif kajian.

### **5.3 Perbincangan Dapatan Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk menentukan dimensi-dimensi yang secara signifikan mempengaruhi kesepaduan personaliti dan seterusnya membina sebuah model *a priori* kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan berdasarkan teori-teori dan sorotan literatur yang berkaitan. Maka, penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan autonomi dijangkakan memberi impak ke atas kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA sekitar Lembah Klang.

Langkah pertama dalam path analisis adalah mengesahkan model pengukuran yang dihipotesiskan melalui analisis faktor konfirmatori (CFA) dengan menggunakan data-data sampel. Dapatan menunjukkan model pengukuran dengan semua item dihimpunkan (*parcel*) mencapai nilai *fit* yang sederhana. Nilai *fit* model tersebut mengimplikasikan bahawa model telah dapat *fit* data kajian dengan baik. Pada masa yang sama, nilai *squared multiple correlations*, kovarians dan varians juga didapati signifikan. Ini mengesahkan bahawa semua variabel boleh cerap telah dapat mengukur variabel pendam atau dimensi masing-masing dengan baik. Nilai faktor muatan (*factor loading*) bagi semua item yang signifikan menjelaskan bahawa semua item telah muat

pada faktor masing-masing. Ini bermakna instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kesahan gagasan.

Satu model *a priori* yang menggabungkan semua variabel pendam iaitu penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan, autonomi dan kesepaduan personaliti dalam sebuah model telah digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti di bawah:

1. Adakah model pengukuran yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan kesepaduan personaliti dapat *fit* (sepadan) data-data sampel kajian.
2. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data keseluruhan sampel kajian ini?
3.
  - a. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel IPTA1 kajian ini?
  - b. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel IPTA2 kajian ini?
  - c. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap

mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel IPTA3 kajian ini?

- d. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel IPTA4 kajian ini?
4. a. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar lelaki kajian ini?
- b. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar perempuan kajian ini?
5. a. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar lelaki IPTA1 kajian ini?
- b. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar perempuan IPTA1 kajian ini?
- c. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar lelaki IPTA2 kajian ini?

- d. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar perempuan IPTA2 kajian ini?
- e. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar lelaki IPTA3 kajian ini?
- f. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar perempuan IPTA3 kajian ini?
- g. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar lelaki IPTA4 kajian ini?
- h. Adakah model yang dipostulasi tentang hubungan antara penilaian kendiri yang positif, autonomi, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dengan kesepaduan personaliti dapat *fit* data-data sampel pelajar perempuan IPTA4 kajian ini?
6. a. Adakah terdapat kesan langsung dan kesan tidak langsung dari persepsi realiti ke kesepaduan personaliti?
- b. Adakah terdapat kesan langsung dan kesan tidak langsung dari menguasai persekitaran ke kesepaduan personaliti?
- c. Adakah terdapat kesan langsung dan kesan tidak langsung dari penilaian kendiri yang positif ke kesepaduan personaliti?

Soalan pertama telah diuji menggunakan path analisis kesepaduan personaliti (Jadual 4.13). Nilai fit model yang baik telah menunjukkan bahawa model dapat *fit* data kajian dengan baik, maka soalan pertama telah disokong secara statistikal. Ini bermakna penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan, autonomi dapat memberi kesan ke atas kesepaduan personaliti bagi sampel kajian ini. Dapatan ini dapat dijelaskan dari aspek kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan. Secara keseluruhan, keputusan yang diberi oleh model dapat disokong oleh teori-teori serta kajian-kajian yang lepas.

### **5.3.1 Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung: Path Analisis Keseluruhan IPTA**

Dalam kajian ini, persepsi realiti dan menguasai persekitaran dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti, atau dengan kata lain terdapat hubungan yang positif dan signifikan bagi persepsi realiti dan menguasai persekitaran ke atas pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Dapatan ini disokong oleh Baustad dan Tammy (1998) dan Lessard (1998) yang dalam kajiannya menyatakan bahawa beban kerja akademik adalah menjadi penyebab kepada stres dalam kalangan pelajar. Hal ini bermakna pelajar yang tidak mampu menjalankan tanggungjawab dan tidak cekap dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan sebagai tuntutan dari manifestasi dimensi menguasai persekitaran; atau tidak memiliki wawasan yang luas, tidak bebas daripada distorsi keperluan dan terdapatnya fantasi yang berlebihan sebagai tuntutan dari manifestasi dimensi persepsi realiti maka akan memunculkan ketidakmampuan individu dalam penyeimbangan psikik, memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan minat beraktiviti sebagai manifestasi dari dimensi kesepaduan

personaliti, akan menyebabkan pelajar lebih mudah mengalami stres (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998).

Dapatan juga melaporkan bahawa penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran, persepsi realiti juga memberi kesan secara tidak langsung melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan ke atas kesepaduan personaliti. Ini membuktikan bahawa penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran, persepsi realiti memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator bagi keseluruhan IPTA. Dapatan ini disokong oleh pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Hal itu didasari aspek berdikari pada diri mereka yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Selain daripada itu Zafar, Noraini dan Amber (2005) juga menyatakan bahawa autonomi kerja yang rendah akan memberi kesan kepada aspek kebahagiaan yang dimoderatori oleh *extraversion* dan sumber dukungan yang tinggi sama ada dari pasangan, teman ataupun kerabat. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan di antara peranan dan kesejahteraan dapat diubah suai oleh personaliti dan persekitaran. Maka dari pernyataan Zafar et al. (2005) tersebut jelas menyatakan bahawa terdapat hubungan kesan tidak langsung dari penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran dan persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator. Hal ini menunjukkan bahawa dengan adanya pelajar yang mempunyai keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga, sedar akan potensi diri, sikap pelajar yang memiliki kecekapan dalam memenuhi keperluannya

mengikut keadaan, keupayaannya mengerjakan tugas dan beriadah, keupayaan mengambil tanggungjawab, keupayaan penyesuaian bebas daripada distorsi keperluan, tiadanya fantasi berlebihan dan berwawasan luas sebagai manifestasi dimensi penilaian kendiri yang positif, menguasai persekitaran dan persepsi realiti maka akan muncul sikap stabil dalam bertindak, lebih kebergantungan pada potensi diri, mampu bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, mampu mengerjakan tugas bersama rekan dan mampu menemukan suasana yang selesa sebagai manifestasi dimensi autonomi dan sikap mengikut kumpulan sehingga akan mewujudkan individu yang mempunyai keseimbangan psikik, mampu memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, mampu memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan semestinya memberi kesan kepada minatnya beraktiviti sebagai manifestasi dimensi kesepaduan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

### **5.3.2 Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung: Path Analisis Mengikut IPTA**

Dalam kajian ini, persepsi realiti bagi IPTA1 dan IPTA4 dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti. Manakala menguasai persekitaran bagi IPTA4 sahaja yang dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti. Dapatan ini memperkuat pernyataan bahawa faktor persekitaran dapat mempengaruhi kesihatan mental pelajar. Faktor persekitaran ini adalah salah satu daripada tiga faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar yaitu ciri-ciri khusus individu, faktor persekitaran dan peristiwa dalam hidup (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008; Rice, 2001). Kesihatan juga wujud kerana adanya kesejahteraan sosial dari tiga faktor yang menjadi ciri dari kesihatan yakni faktor kesejahteraan fizikal, mental serta sosial (WHO, 2004). Jelas bahawa faktor persekitaran mengandungi aspek sosial, kerana menurut Langgulung (1983) dan Lim (2008) bahawa kesihatan mental merupakan penyesuaian sosial yang berbeza mengikut

tempat dan waktu yang dimiliki oleh pelajar dalam pelbagai tahap. Bahkan, ianya menunjukkan darjat atau sejauh manakah seseorang berjaya menyesuaikan diri secara dalaman di antara penggerak-penggerak dan pendorong-pendorongnya yang pelbagai, di samping menyesuaikan diri dengan alam sekitar disekelilingnya termasuk benda hidup atau bukan hidup. Persekutuan IPTA1 (UiTM) dan IPTA4 (UM) yang letaknya berada di Bandaraya merupakan faktor yang menunjukkan pentingnya peranan persepsi realiti dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Bahkan menguasai persekitaran bagi IPTA4 (UM) yang letaknya berada di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara, sangat memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar. Persekutuan di dalam Bandaraya yang pasti banyak memiliki tuntutan dan cabaran seperti bebanan hidup yang mendesak, cara dan gaya hidup yang makin mencabar, keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal, keperluan materialistik akan menyebabkan pelajar terpaksa ‘membesar lebih cepat daripada masanya’ (Katiman Rostam, 2006; Malaysian Psychiatric Association, 2008). Disamping itu, banyak faktor lain yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar, seperti tekanan yang mungkin boleh berlaku akibat masalah pertelingkahan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, kemudian juga masalah perkuliahan dan pelbagai aktiviti sosial (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008). Hal demikian yang mungkin dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya bagi pelajar untuk memiliki dimensi persepsi realiti dan menguasai persekitaran dalam rangka membentuk kesepaduan personaliti. Tambahan pula bahawa pendidikan di Malaysia merupakan satu aset yang sangat berharga bagi negara. Malaysia juga bergerak maju dalam bidang pendidikan yang sangat memerlukan modal insan di kalangan pelajar yang berkualiti dalam semua aspek termasuklah aspek kesihatan fizikal, mental dan juga sosial. Evans, Barer dan Marmor (1994) menyatakan kesihatan mempunyai impak yang sangat besar

terhadap kebahagiaan hidup dan kemahiran mengerjakan tugas yang secara langsung memberi kesan terhadap produktiviti perkuliahan pelajar.

Kesan tidak langsung juga terdapat pada persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi IPTA1 dan IPTA4. Manakala bagi IPTA2 dan IPTA3 kesan tidak langsung persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa bagi IPTA1 dan IPTA4 yang terletak di Bandaraya mendapati persepsi realiti memainkan peranan penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi sahaja. Dapatan kajian ini dijelaskan oleh Katiman Rostam (2006) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa Bandaraya dengan cara hidup yang lebih mencabar seperti kepadatan penduduk yang tinggi, kos sara hidup yang mahal. Hal ini kerana arus globalisasi yang menyebabkan kehidupan bandaraya dipenuhi dengan aspek materialistik (Kasim Mansur, Gusni Saat & Said Effendi, 2009) dan meluasnya individualisme, ketidakpedulian serta kuranganya kawalan sosial yang formal (Wirth, 1938). Oleh kerana itu, mungkin cabaran hidup yang berat tersebut membuat pelajar terbiasa lebih *survive* dalam menjalani kehidupan. Jadi bagi pelajar IPTA1 dan IPTA4 memiliki kestabilan diri dalam tindakannya dan lebih bergantung pada potensi diri sebagai manifestasi autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) telah memadai untuk pembentukan kesepaduan personaliti. Manakala bagi IPTA2 dan IPTA3 yang terletak di pinggir Bandaraya mendapati persepsi realiti memainkan peranan penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi pelajar IPTA2 dan IPTA3 yang terletak di pinggir Bandaraya selain autonomi ikut memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti, juga didapati sikap mengikut kumpulan ikut memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini juga

mungkin dikeranakan persekitaran IPTA2 dan IPTA3 yang terletak di pinggir Bandaraya kerana menurut Abdul Rahman Embong (2011) kehidupan di Bandar atau pinggir Bandaraya seperti IPTA2 dan IPTA3 terjadi proses pembandaran dan masih terus berlaku, sehingga kehidupan Bandar atau urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia. Akan tetapi kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Maka Abdul Rahman Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar. Dengan adanya pernyataan ini jelas bahawa bagi pelajar IPTA2 dan IPTA3 kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rekan, kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999) masih tetap diperlukan dan dilestarikan.

Kesan tidak langsung juga berlaku bagi menguasai persekitaran IPTA1 dan IPTA4 ke atas kesepadan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan. Dapatan kajian ini disokong oleh pernyataan Warren dan Carmichael (1930) yang menyatakan bahawa gabungan di antara psikologikal dan fizikal sebagai kesepadan personaliti dengan persekitarannya (Kamarulzaman, 2009). Kajian Baustad dan Tammy (1998) dan juga kajian Lessard (1998) mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar. Hal ini bermakna pelajar atau pelajar yang tidak mampu menjalankan tanggungjawab dan tidak cekap dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan yang merupakan manifestasi dimensi menguasai persekitaran akan memunculkan ketidakmampuan individu dalam penyeimbangan psikik, memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan

minat beraktiviti sebagai manifestasi dari dimensi kesepaduan personaliti yang pada akhirnya pelajar akan mudah mengalami stres (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998; Lim, 2008). Maka bagi pelajar IPTA1 dan IPTA4 yang terletak di Bandaraya mendapati menguasai persekitaran memainkan peranan yang sangat penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan.

Manakala untuk IPTA2 kesan tidak langsung bagi menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi. Dapatan ini menunjukkan bahawa lokasi IPTA2 yang agak dekat dengan Bandaraya walaupun berada di pinggir Bandaraya mendapati autonomi memainkan peranan yang penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Mungkin lokasi IPTA2 yang berada di Bandar dan lebih dekat dengan Bandaraya sekurang-kurangnya terkena pengaruh arus globalisasi yang dipenuhi dengan aspek materialistik (Kasim Mansur et al., 2009) dan juga pengaruh individualisme, ketidakpedulian serta kurangnya kawalan sosial yang formal (Wirth, 1938). Maka, pengaruh cabaran hidup yang berat dari Bandaraya tersebut menjadikan pelajar IPTA2 perlu *survive* dalam menjalani kehidupan. Jadi, bagi pelajar IPTA2 memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi yang dimilikinya sebagai manifestasi autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) adalah diperlukan di dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Sedangkan untuk IPTA3 kesan tidak langsung bagi menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatan ini pula menunjukkan bahawa lokasi IPTA3 yang berada di pinggir Bandaraya dan agak jauh dari Bandaraya berbanding IPTA2 memandang penting peranan autonomi dan sikap mengikut kumpulan di dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Dapatan ini juga selaras dengan kajian Abdul Rahman Embong (2011) yang menyatakan bahawa

masih tetap berlaku di Bandar sebuah hubungan dan organisasi sosial dalam kalangan masyarakat sebagai keperluan bagi kehidupan bersosial yang berasaskan nilai-nilai budaya dan keagamaan. Maka, dengan adanya pernyataan tersebut jelas bahawa bagi pelajar IPTA3 kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rekan, kemampuan menemukan suasana yang selesa sebagai manifestasi sikap mengikut kumpulan serta memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri sebagai manifestasi autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) adalah sangat diperlukan di dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Dalam kajian ini pula terdapat kesan tidak langsung penilaian kendiri yang positif bagi IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Hal ini menunjukkan bahawa dimensi penilaian kendiri yang positif lebih kepada aspek nilai yang menurut Horney (1950) dan Jamaludin Ramli (2014) sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia juga berkait rapat dengan perasaan seseorang terhadap kebolehan dirinya, perkara yang berlaku pada dirinya dan perkara yang akan berlaku padanya. Bahkan, proses tersebut menurut Engler (1991) mengakibatkan pengubahsuaian kendiri yang akan mewujudkan neurotik kepada seseorang. Maka dapatan kajian ini selaras dengan pernyataan Jamaludin Ramli (2014) dan Horney (1950) yang menghubungkaitkan penilaian kendiri yang positif dengan penilaian orang lain dan penilaian mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya yang terjadi melalui derianya di antara diri dan alam sekelilingnya sehingga mempengaruhi perasaan tentang kebolehannya yang meliputi keyakinan dan harga dirinya. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator memainkan peranan

yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Di samping itu, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati peralihan dari sekolah ke Universiti sebagai sebuah proses yang kompleks bagi kebanyakan pelajar, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu dan berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu. Selain daripada itu, Farnsworth (1957) berpendapat bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa. Tuntutan ini disebut dengan berdikari seperti pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Aspek berdikari pada diri pelajar yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Di sisi lain, kajian Baustad dan Tammy (1998) serta kajian Lessard (1998) yang mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar. Ianya merupakan tuntutan kepada diri pelajar di dalam perkuliahan untuk memiliki dimensi sikap mengikut kumpulan (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998). Kesemua aspek-aspek ini menunjukkan adanya hubungan dari penilaian kendiri yang positif yang dimanifestasikan dengan memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga dan kesedaran potensi diri sehingga akan memunculkan autonomi pada diri pelajar dengan manifestasi memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri serta memunculkan juga sikap mengikut kumpulan yang dimanifestasikan dengan kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan mengerjakan

tugasan bersama rekan dan kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999). Maka, pada akhirnya akan membentuk keseimbangan psikik, kemampuan memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, kemampuan memberikan tumpuan dalam pembelajaran serta memiliki minat untuk beraktiviti sebagai manifestasi daripada kesepaduan personaliti.

### **5.3.3 Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung: Path Analisis Mengikut Jantina**

Dalam kajian ini persepsi realiti dan menguasai persekitaran bagi pelajar perempuan dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Md Safian (2007) yang mendapati bahawa lelaki lebih baik daripada perempuan dalam aspek fungsi fizikal dan fungsi sosial. Sedangkan dari aspek kesihatan mental dan tahap produktiviti pula, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan. Oleh kerana itu, dapatan ini menunjukkan bahawa mungkin bagi pelajar perempuan tidak cekap di dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan, berupaya mengerjakan tugas dan beriadah, berupaya untuk mengambil tanggung jawab dan berupaya menyesuaikan diri sebagai manifestasi menguasai persekitaran kemudian bebas daripada distorsi keperluan, tiadanya fantasi berlebihan serta wawasan yang luas sebagai manifestasi persepsi realiti (Jagdis & Srivastava, 1999) adalah sangat mempengaruhi dan memainkan peranan penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Bahkan Marhani (2013) dan National Institute For Clinical Excellence (2003) menyatakan bahawa kebanyakan kecelaruan mental berlaku pada kadar yang sama antara wanita dan lelaki tetapi gejala kecelaruan mental adalah berbeza. Kecelaruan mental yang lebih melanda kaum wanita berbanding dengan lelaki dikeranakan wanita dilanda kemurungan dengan kadar dua kali ganda lebih daripada lelaki. Dan didapati satu

daripada empat wanita memerlukan rawatan untuk kemurungan berbanding dengan satu dalam sepuluh untuk lelaki atau menurut National Statistics (2003) 29% perempuan berbanding 17% lelaki. Marhani (2013) menjelaskan bahawa tingginya tahap kemurungan bagi wanita daripada lelaki disebabkan terdapatnya perbezaan dalam tiga aspek yakni, aspek psikologi yang mana lelaki lebih menerima tekanan untuk tidak menunjukkan perasaan sedangkan wanita lebih dilanda oleh masalah rendah diri dan mudah hilang kawalan, aspek sosial iaitu kurangnya sokongan untuk kaum wanita dan aspek biologi yang adapada kaum wanita yakni terjadinya perubahan hormon yang menambahkan risiko kemurungan. Selanjutnya, National Statistics Psychiatric Morbidity (2001) melaporkan bahawa wanita adalah dua kali lebih berkemungkinan untuk mengalami kebimbangan berbanding lelaki, bahkan kira-kira 60% yang mengalami penyakit fobia adalah wanita. Dan Lim (2008) dalam kajiannya melaporkan bahawa pelajar perempuan mengalami tekanan lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Hal ini menunjukkan bahawa tuntutan untuk memiliki aspek-aspek dari manifestasi persepsi realiti dan menguasai persekitaran didapati begitu lemah dalam kalangan pelajar perempuan. Sehingga, jelas dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi realiti dan menguasai persekitaran bagi pelajar perempuan memainkan peranan yang sangat penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Dalam kajian ini pula terdapat kesan tidak langsung persepsi realiti dan penilaian kendiri yang positif bagi pelajar perempuan dan pelajar lelaki ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatan ini selaras dengan pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Hal itu didasari aspek berdikari pada diri mereka yang

diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Di samping itu, Baustad dan Tammy (1998) dan Lessard (1998) menyatakan bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres. Hal ini bermakna pelajar yang tidak mempunyai keyakinan diri, penerimaan diri, kesedaran potensi diri sebagai manifestasi dimensi penilaian kendiri yang positif kemudian memiliki distorsi keperluan, fantasi yang berlebihan dan tidak memiliki wawasan yang luas sebagai manifestasi dimensi persepsi realiti maka akan memunculkan ketidakmampuan individu dalam penyeimbangan psikik, memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan minat beraktiviti sebagai manifestasi dari dimensi kesepadan personaliti yang akan mengakibatkan stres dalam kalangan pelajar (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998). Fisher (1994) dan kajian Bujuwoye (2002) juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar IPT (Institusi Pengajian Tinggi) bimbang kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di IPT dalam aspek akademik dan rutin harian kampus. Sementara tahap kebimbangan yang dilaporkan dalam kajian Fisher dan Hood (1987) menunjukkan tahap tertinggi yakni masalah akademik, sosial, keluarga, dan kesihatan. Selain daripada itu, pelajar juga lebih mengalami kebimbangan dalam aspek keluarga dan kesihatan. *Homesickness* (keinginan pulang) adalah masalah yang kerap dialami oleh para pelajar pada peringkat awal atau tahun pertama pengajian. Akan tetapi didapati juga sesetengah kalangan pelajar mengalami *homesickness* berterusan sepanjang kehidupan akademik sehingga dibimbangkan akan melakukan tingkahlaku devian. *Homesickness*, kebimbangan ini akan menimbulkan tekanan dan memberi kesan negatif seperti tinggal dalam bilik bersendirian, tidak hadir ke kuliah dan tidak berkeupayaan untuk melakukan suatu tugas dengan baik. Bahkan didapati juga mereka yang mengalami kebimbangan akan cenderung untuk mengatasi masalah dengan terlibat dalam penyalahgunaan bahan,

menggunakan makanan dan tembakau atau merokok (Wan Su, 2012; Wan Abdul Kader, 1994; Philips, 1977). Hasil kajian ini menjelaskan bahawa didapati hubungan dari persepsi realiti dan penilaian kendiri yang positif melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan ke kesepaduan personaliti dengan adanya pelajar yang bebas daripada distorsi keperluan, tidak memiliki fantasi berlebihan, berwawasan luas, mempunyai keyakinan diri dan sedar akan potensi diri sebagai manifestasi dimensi persepsi realiti dan penilaian kendiri yang positif maka akan memunculkan sikap stabil dalam bertindak, bergantung pada potensi diri, mampu bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, mampu mengerjakan tugas bersama rekan dan mampu menemukan suasana yang selesa sebagai manifestasi dimensi autonomi dan sikap mengikut kumpulan sehingga akan wujud individu yang mempunyai keseimbangan psikik, mampu memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, mampu memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan minat untuk beraktiviti sebagai manifestasi dimensi kesepaduan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan kesan tidak langsung bagi menguasai persekitaran pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa menguasai persekitaran bagi pelajar perempuan turut berperanan dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator. Hubungan yang positif ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Lim (2008) yang mendapati bahawa faktor persekitaran akademik salah satu di antara faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Di samping itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa adanya hubungan yang positif antara menguasai persekitaran dengan autonomi dan sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator menunjukkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan memainkan peranan

yang sangat penting bagi pelajar perempuan dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini mungkin tuntutan yang tidak terpenuhi bagi pelajar perempuan untuk tangguh di dalam menghadapi masalah seperti dalam kajian Baustad dan Tammy (1998) dan juga kajian Lessard (1998) yang mendapati stres dalam kalangan pelajar disebabkan oleh beban kerja akademik ataupun pengaruh arus globalisasi yang materialistik (Kasim Mansur et al., 2009) yang akan memunculkan individualisme, ketidakpedulian serta kurangnya kawalan sosial formal (Wirth, 1938) sehingga didapati bahawa pelajar perempuan mengalami tekanan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki (Lim, 2008). Oleh kerana itu, sangat diperlukan bagi pelajar perempuan untuk memiliki kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, mengerjakan tugas bersama rekan, menemukan suasana yang selesa dan juga memiliki kestabilan dalam bertindak serta kebergantungan terhadap potensi yang dimiliki diri sendiri sebagai manifestasi dimensi sikap mengikut kumpulan dan autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Manakala kesan tidak langsung menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dapat dikesan dalam hasil kajian ini. Hal ini pula menerangkan bahawa menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki turut berperanan dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator. Hubungan yang positif ini juga menunjukkan bahawa pentingnya menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan kerana Lim (2008) mendapati dalam kajiannya bahawa faktor persekitaran akademik adalah salah satu faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa adanya hubungan yang positif antara menguasai persekitaran dengan sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator dalam

pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini menunjukkan bahawa sikap mengikut kumpulan memainkan peranan yang sangat penting bagi pelajar lelaki dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Mungkin hal ini disebabkan seperti laporan Lim (2008) dalam kajiannya yang mendapati bahawa pelajar lelaki mengalami tekanan yang lebih rendah berbanding pelajar perempuan. Di samping itu, dari aspek psikologi didapati bahawa lelaki lebih menerima tekanan untuk tidak menunjukkan perasaan berbanding perempuan yang lebih dilanda oleh masalah rendah diri dan mudah hilang kawalan, sedangkan aspek sosial didapati kurangnya sokongan untuk kaum perempuan dan terakhir aspek biologi menyebabkan perubahan hormon yang menambahkan risiko kemurungan pada kaum perempuan (Marhani, 2013). Dengan kelebihan-kelebihan tersebut pelajar lelaki cukup memiliki kemampuan di dalam pergaulan sama ada dengan rakan sebaya ataupun orang lain, mampu mengerjakan tugas bersama rekan dan mampu menemukan suasana yang selesa sebagai manifestasi dari dimensi sikap mengikut kumpulan dalam pembentukan kesepaduan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

Dalam kajian ini pula terdapat kesan tidak langsung penilaian kendiri yang positif bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatan ini selaras dengan kajian Md Safian (2007) yang mendapati bahawa aspek kesihatan mental dan tahap produktiviti tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan. Hal ini pula menunjukkan bahawa dimensi penilaian kendiri yang positif lebih kepada aspek nilai yang menurut Horney (1950) dan Jamaludin Ramli (2014) sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia juga berkait rapat dengan perasaan seseorang terhadap kebolehan dirinya, perkara yang berlaku pada dirinya dan perkara yang akan berlaku

padanya. Bahkan, proses tersebut menurut Engler (1991) mengakibatkan pengubahsuaian kendiri yang akan mewujudkan neurotik kepada seseorang. Maka dapatan kajian ini selaras dengan pernyataan Jamaludin Ramli (2014) dan Horney (1950) yang menghubungkaitkan penilaian kendiri yang positif dengan penilaian orang lain dan penilaianya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya yang terjadi melalui derianya di antara diri dan alam sekelilingnya sehingga mempengaruhi perasaan tentang kebolehannya yang meliputi keyakinan dan harga dirinya. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Selain daripada itu, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati peralihan dari sekolah ke IPTA sebagai sebuah proses yang kompleks bagi kebanyakan pelajar, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu dan berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu. Selain daripada itu, Farnsworth (1957) berpendapat bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa. Tuntutan ini disebut dengan berdikari seperti pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Aspek berdikari pada diri pelajar yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Di sisi lain, kajian Baustad dan Tammy (1998) serta kajian Lessard (1998) yang mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar.

Ianya merupakan tuntutan kepada diri pelajar di alam perkuliahan untuk memiliki dimensi sikap mengikut kumpulan (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998). Kesemua aspek-aspek ini menunjukkan adanya hubungan dari penilaian kendiri yang positif yang dimanifestasikan dengan memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga dan kesedaran potensi diri sehingga akan memunculkan autonomi pada diri pelajar dengan manifestasi memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri serta memunculkan juga sikap mengikut kumpulan yang dimanifestasikan dengan kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan mengerjakan tugas bersama rekan dan kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999). Maka, pada akhirnya akan membentuk keseimbangan psikik, kemampuan memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, kemampuan memberikan tumpuan dalam pembelajaran serta memiliki minat untuk beraktiviti sebagai manifestasi daripada kesepadan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

#### **5.3.4 Kesan Langsung Dan Kesan Tidak Langsung: Path Analisis Jantina Mengikut IPTA**

Dalam kajian ini persepsi realiti bagi pelajar perempuan IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA4 dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepadan personaliti. Manakala menguasai persekitaran bagi pelajar perempuan IPTA4 sahaja yang dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepadan personaliti. Dapatkan ini memperkuat pernyataan bahawa faktor persekitaran dapat mempengaruhi kesihatan mental pelajar. Kerana persekitaran merupakan salah satu daripada tiga faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar yakni ciri-ciri khusus individu, faktor persekitaran dan peristiwa dalam hidup (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008). Selain daripada itu, menurut WHO (2004) bahawa kesihatan wujud kerana

adanya kesejahteraan sosial dari tiga faktor yang menjadi ciri dari kesihatan yakni faktor kesejahteraan fizikal, mental dan sosial. Jelas bahawa faktor persekitaran mengandungi aspek sosial, kerana menurut Langgulung (1983) dan Lim (2008) bahawa kesihatan mental merupakan penyesuaian sosial yang berbeza mengikut tempat dan waktu yang dimiliki oleh pelajar dalam pelbagai tahap. Bahkan, ianya menunjukkan darjat atau sejauh manakah seseorang berjaya menyesuaikan diri secara dalaman di antara penggerak-penggerak dan pendorong-pendorongnya yang pelbagai, di samping menyesuaikan diri dengan alam sekitar disekelilingnya termasuk benda hidup atau bukan hidup. Persekutaran bagi pelajar perempuan IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA4 yang letak IPTA keduanya berada di Bandaraya merupakan faktor yang menunjukkan pentingnya peranan persepsi realiti dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Bahkan menguasai persekitaran bagi pelajar perempuan IPTA4 yang letak IPTA-nya berada di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara menunjukkan bahawa dimensi menguasai persekitaran sangat memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar. Hal ini kerana persekitaran di dalam Bandaraya yang memiliki banyak tuntutan dan cabaran seperti bebanan hidup yang mendesak, cara dan gaya hidup yang makin mencabar, keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal, keperluan materialistik akan menyebabkan pelajar terpaksa ‘membesar lebih cepat daripada masanya’ (Katiman Rostam, 2006; Malaysian Psychiatric Association, 2008), termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar, seperti tekanan yang diakibatkan masalah pertelingkahan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, kemudian juga masalah perkuliahan dan pelbagai aktiviti sosial (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008). Hal demikian yang mungkin dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa penting bagi pelajar untuk memiliki dimensi persepsi realiti dan menguasai persekitaran dalam rangka membentuk

kesepaduan personaliti. Tambahan pula bahawa pendidikan di Malaysia merupakan satu aset yang sangat berharga bagi Negara. Kerana Malaysia juga bergerak maju dalam bidang pendidikan yang sangat memerlukan modal insan dalam kalangan pelajar yang berkualiti disemua aspek termasuklah aspek kesihatan fizikal, mental dan juga sosial. Oleh kerana itu, menurut Evans et al. (1994) kesihatan mempunyai impak yang sangat besar terhadap kebahagiaan hidup dan kemahiran mengerjakan tugas yang secara langsung memberi kesan terhadap produktiviti perkuliahan pelajar, khasnya pelajar perempuan IPTA1 dan IPTA4 dalam hasil kajian ini.

Kesan tidak langsung juga terdapat pada persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA3 dan pelajar lelaki IPTA4. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa antara pelajar perempuan IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA3 memiliki kesamaan dengan pelajar lelaki IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA4 pada kesan tidak langsung persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan dari segi jantina dan lokasi IPTA masing-masing pelajar tetapi terdapat kesamaan di dalam pentingnya peranan autonomi dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Dapatan ini selaras dengan salah satu dapatan kajian oleh Md Safian (2007) yang mendapati bahawa aspek kesihatan mental dan tahap produktiviti tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan. Selain daripada itu, Marhani (2013) dan National Institute For Clinical Excellence (2003) juga menyatakan bahawa kebanyakan kecelaruan mental berlaku pada kadar yang sama antara perempuan dan lelaki. Di sisi lain, pendapat Farnsworth (1957) bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa, sama ada pelajar lelaki maupun perempuan. Tuntutan yang

direalisasikan dengan kemampuan berdikari yang berhubungkait dengan autonomi oleh kalangan pelajar dianggap bahawa dirinya telah memiliki autonomi dari orang tua mereka atau dikenal dengan *separation-individuation* (Newman & Newman, 2009; Jas Laile, 2002). Selanjutnya Newman dan Newman (2009) menyatakan bahawa aspek berdikari pada diri pelajar diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan. Kemudian Abdul Rahman Embong (2011) juga menyatakan bahawa kehidupan di Bandar terjadi proses pembandaran seperti halnya Bandaraya dan masih terus berlaku, sehingga kehidupan bandar atau urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia. Oleh kerana itu, adanya cara hidup yang mencabar seperti semakin padatnya penduduk, kos sara hidup yang mahal, adanya arus globalisasi dengan aspek materialistik dan meluasnya individualisme (Kasim Mansur et al., 2009; Katiman Rostam, 2006; Wirth, 1938) menjadikan pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA3 dan pelajar lelaki IPTA4 memiliki kestabilan diri dalam tindakannya dan lebih bergantung pada potensi diri sebagai manifestasi autonomi dalam pembentukan kesepadan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999) walaupun berbeza dari segi jantina dan lokasi IPTA.

Manakala kesan tidak langsung juga didapati pada persepsi realiti ke atas kesepadan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan bagi pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3. Ini menunjukkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan yang bertindak sebagai mediator turut berperanan dalam pembentukan kesepadan personaliti bagi pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3. Hal ini mungkin lebih disebabkan oleh lokasi IPTA2 dan IPTA3 yang terletak di Bandar walaupun didapati perbezaan jantina di antara kedua IPTA tersebut. Dapatkan kajian menerangkan bahawa persepsi realiti memainkan peranan penting di dalam

pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatkan ini menunjukkan bahawa bagi pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3 yang terletak di Bandar selain autonomi ikut memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti, juga didapati sikap mengikut kumpulan ikut memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini juga selaras dengan pernyataan Abdul Rahman Embong (2011) bahawa kehidupan di Bandar atau pinggir Bandaraya seperti IPTA2 dan IPTA3 terjadi proses pembandaran dan masih terus berlaku, sehingga kehidupan bandar atau urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia. Akan tetapi kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Maka, Abdul Rahman Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar. Oleh kerana itu, dengan adanya pernyataan ini jelas bahawa bagi pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3 kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rekan, kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999) masih tetap diperlukan dan dilestarikan.

Kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan bagi pelajar lelaki IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA1. Hal ini menerangkan bahawa menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA1 turut berperanan dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator. Hubungan yang positif ini juga menunjukkan bahawa pentingnya menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA1 dalam

pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan kerana Lim (2008) mendapati dalam kajiannya bahawa faktor persekitaran akademik adalah salah satu faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa adanya hubungan yang positif antara menguasai persekitaran dengan sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini menunjukkan bahawa sikap mengikut kumpulan memainkan peranan yang sangat penting bagi pelajar lelaki IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA1 dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Dapatan ini selaras dengan pernyataan Abdul Rahman Embong (2011) bahawa kehidupan di Bandar dan Bandaraya seperti lokasi IPTA1 terjadi proses pembandaran dan masih terus berlaku, sehingga urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia, akan tetapi kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Maka Abdul Rahman Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar dan Bandaraya. Bahkan, kajian Ainur Zaireen dan Jalaluddin (2010) di Bandaraya Shah Alam mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan konsep Bandar selamat yang amat bergantung kepada persekitaran fizikal, sehingga PBT telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan menerusi pelbagai kegiatan kemasyarakatan untuk mencegah perilaku jenayah di kawasan tempat tinggal mereka. Maka, jelas bahawa bagi pelajar lelaki IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA1 kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rekan, kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999) masih tetap diperlukan dan dilestarikan.

Kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada menguasai persekitaran ke atas kesepadan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan bagi pelajar perempuan IPTA3. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa menguasai persekitaran bagi pelajar perempuan IPTA3 ikut memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepadan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator. Hubungan yang positif ini juga selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Lim (2008) yang mendapati bahawa faktor persekitaran akademik adalah salah satu di antara faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Selain daripada itu, kajian Baustad dan Tammy (1998) dan kajian Lessard (1998) yang mendapati stres dalam kalangan pelajar disebabkan oleh beban kerja akademik dan pengaruh arus globalisasi atau proses pemberdayaan yang materialistik dan masih terus berlaku, sehingga urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2011; Kasim Mansur et al., 2009) yang memunculkan individualisme, ketidakpedulian serta kurangnya kawalan sosial formal (Wirth, 1938). Akan tetapi menurut Abdul Rahman Embong (2011) kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Maka, Abdul Rahman Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar, seperti halnya persekitaran IPTA3. Oleh kerana itu, hasil kajian ini mendapati bahawa sangat diperlukan bagi pelajar perempuan IPTA3 untuk memiliki kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, mengerjakan tugas bersama rekan, menemukan suasana yang selesa dan juga memiliki kestabilan dalam bertindak serta kebergantungan terhadap potensi yang dimiliki diri sendiri sebagai manifestasi dimensi

sikap mengikut kumpulan dan autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4. Dapatan ini menerangkan bahawa autonomi memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini mungkin disebabkan lokasi IPTA4 yang berada di Bandaraya dan juga menjadi Ibu Negara sehingga terdapat pengaruh arus globalisasi yang dipenuhi dengan aspek materialistik (Kasim Mansur et al., 2009) dan juga pengaruh individualisme, ketidakpedulian serta kuranganya kawalan sosial yang formal (Wirth, 1938). Maka, pengaruh cabaran hidup yang berat di Bandaraya yang juga Ibu Negara ini menjadikan pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 perlu *survive* dalam menjalani kehidupan. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi yang dimilikinya sebagai manifestasi autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) bagi pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 adalah diperlukan di dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Akhir sekali, kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada penilaian kendiri yang positif ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi pelajar lelaki IPTA3. Dapatan ini menunjukkan bahawa dimensi penilaian kendiri yang positif bagi pelajar lelaki IPTA3 turut berperanan dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi yang bertindak sebagai moderator. Tambahan pula, hal ini juga menerangkan bahawa autonomi ikut memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti bagi pelajar lelaki IPTA3. Hasil kajian ini unik kerana berbeza

dengan kesemua dapatan penilaian kendiri yang positif dari aspek peranan mediator dalam pembentukan kesepaduan personaliti bagi jantina mengikut IPTA di bawah ini.

Kesan tidak langsung bagi penilaian kendiri yang positif ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan didapati pada pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA2, pelajar lelaki IPTA3, pelajar perempuan IPTA3, pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dimensi penilaian kendiri yang positif lebih kepada aspek nilai yang menurut Horney (1950) dan Jamaludin Ramli (2014) sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia juga berkait rapat dengan perasaan seseorang terhadap kebolehan dirinya, perkara yang berlaku pada dirinya dan perkara yang akan berlaku padanya. Bahkan, proses tersebut menurut Engler (1991) mengakibatkan pengubahsuaian kendiri yang akan mewujudkan neurotik kepada seseorang. Maka dapatan kajian ini selaras dengan pernyataan Jamaludin Ramli (2014) dan Horney (1950) yang menghubungkaitkan penilaian kendiri yang positif dengan penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya yang terjadi melalui derianya di antara diri dan alam sekelilingnya sehingga mempengaruhi perasaan tentang kebolehannya yang meliputi keyakinan dan harga dirinya. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Selain daripada itu, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati peralihan dari sekolah ke IPTA sebagai sebuah proses yang kompleks bagi kebanyakan pelajar, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu

dan berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu. Selain daripada itu, Farnsworth (1957) berpendapat bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa. Tuntutan ini disebut dengan berdikari seperti pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Aspek berdikari pada diri pelajar yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Di sisi lain, kajian Baustad dan Tammy (1998) serta kajian Lessard (1998) yang mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar. Ianya merupakan tuntutan kepada diri pelajar di alam perkuliahan untuk memiliki dimensi sikap mengikut kumpulan (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998). Kesemua aspek-aspek ini menunjukkan adanya hubungan dari penilaian kendiri yang positif yang dimanifestasikan dengan memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga dan kesedaran potensi diri sehingga akan memunculkan autonomi pada diri pelajar dengan manifestasi memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri serta memunculkan juga sikap mengikut kumpulan yang dimanifestasikan dengan kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan mengerjakan tugas bersama rekan dan kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999). Maka, pada akhirnya akan membentuk keseimbangan psikik, kemampuan memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, kemampuan memberikan tumpuan dalam pembelajaran serta memiliki minat untuk beraktiviti sebagai manifestasi daripada kesepadan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

### **5.3.5 Moderator: IPTA**

Dalam kajian ini didapati bahawa IPTA adalah moderator bagi menjelaskan kesepadan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Dapatkan ini memperkuuh pernyataan bahawa faktor persekitaran, dalam hal ini persekitaran IPTA dapat mempengaruhi kesihatan mental pelajar yang dalam kajian ini dimanifestasikan oleh kesepadan personaliti. Persekutaran adalah salah satu daripada tiga faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar yakni ciri-ciri khusus individu, faktor persekitaran dan peristiwa dalam hidup (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008). Di samping itu, WHO (2004) menyatakan bahawa kesihatan diwujudkan oleh faktor kesejahteraan sosial yang merupakan salah satu di antara tiga faktor yang menjadi ciri dari kesihatan yakni faktor kesejahteraan fizikal, mental dan sosial. Maka, dalam hal ini jelas bahawa faktor persekitaran mengandungi aspek sosial, begitu pula IPTA dan persekitarannya. Langgulung (1983) dan Lim (2008) berpendapat bahawa kesihatan mental merupakan penyesuaian sosial yang berbeza mengikut tempat dan waktu yang dimiliki oleh pelajar dalam pelbagai tahap. Bahkan, ianya menunjukkan darjat atau sejauh manakah seseorang berjaya menyesuaikan diri secara dalaman di antara penggerak-penggerak dan pendorong-pendorongnya yang pelbagai, di samping menyesuaikan diri dengan alam sekitar disekelilingnya termasuk benda hidup atau bukan hidup. Oleh kerana itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa persekitaran bagi pelajar yang letak IPTA-nya berada di Bandaraya didapati berbeza pada dimensi-dimensi penting yang berperanan dalam pembentukan kesepadan personaliti berbanding pelajar yang letak IPTA-nya berada di Bandar. Bahkan, dimensi menguasai persekitaran bagi pelajar yang letak IPTA-nya berada di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara menunjukkan sangat memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepadan personaliti berbanding pelajar IPTA lain dalam kajian ini. Hal ini mungkin dikeranakan persekitaran di dalam Bandaraya yang memiliki

banyak tuntutan dan cabaran seperti bebanan hidup yang mendesak, cara dan gaya hidup yang makin mencabar, keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal, keperluan materialistik akan menyebabkan pelajar terpaksa ‘membesar lebih cepat daripada masanya’ (Katiman Rostam, 2006; Malaysian Psychiatric Association, 2008), termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar, seperti tekanan yang diakibatkan masalah pertelingkahan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, kemudian juga masalah perkuliahan dan pelbagai aktiviti sosial (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008).

Selanjutnya, Lim (2008) dalam kajiannya mendapati bahawa faktor persekitaran akademik adalah salah satu faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Bahkan, lebih khas lagi kajian Baustad dan Tammy (1998) serta kajian Lessard (1998) mendapati bahawa stres dalam kalangan pelajar disebabkan oleh beban kerja akademik. Di samping itu, stres dalam kalangan pelajar mungkin juga seperti pernyataan Abdul Rahman Embong (2011) dan Kasim Mansur et al. (2009) disebabkan pengaruh persekitaran IPTA sama ada di Bandar ataupun Bandaraya dengan adanya arus globalisasi atau proses pembandaran yang materialistik, sehingga urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat, khasnya masyarakat Malaysia. Hal ini menurut Wirth (1938) akan memunculkan sikap dan mentaliti individualisme, ketidakpedulian terhadap sesama dan kurangnya kawalan sosial formal.

Akan tetapi, lebih lanjut Abdul Rahman Embong (2011) mendapati dalam kajiannya bahawa kewujudan hubungan sosial baru yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Oleh kerana itu, Abdul

Rahman Embong (2011) menyatakan bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar. Di Malaysia, hal ini dibuktikan oleh kajian Ainur Zaireen dan Jalaluddin (2010) di Bandaraya Shah Alam sebagai persekitaran dari salah satu IPTA dalam kajian ini yang mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan konsep Bandar selamat yang amat bergantung kepada persekitaran fizikal, sehingga PBT telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan menerusi pelbagai kegiatan kemasyarakatan untuk mencegah perilaku jenayah di kawasan tempat tinggal mereka. Maka, hal ini menunjukkan bahawa kesan negatif atau positif dari persekitaran terhadap individu dan kelompok, khasnya persekitaran IPTA terjadi sama ada persekitaran mempengaruhi individu dan kelompok ataupun sebaliknya.

### **5.3.6 Model *Trimming* Mengikut IPTA bagi Tujuan Parsimony**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kesan tidak langsung penilaian kendiri yang positif bagi keseluruhan IPTA (IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4) ke atas kesepadan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Hal ini menunjukkan bahawa dimensi penilaian kendiri yang positif lebih kepada aspek nilai yang menurut Horney (1950) dan Jamaludin Ramli (2014) sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia juga berkait rapat dengan perasaan seseorang terhadap kebolehan dirinya, perkara yang berlaku pada dirinya dan perkara yang akan berlaku padanya. Bahkan, proses tersebut menurut Engler (1991) mengakibatkan pengubahsuaian kendiri yang akan mewujudkan neurotik kepada seseorang. Maka dapatan kajian ini selaras dengan pernyataan Jamaludin Ramli (2014) dan Horney (1950) yang menghubungkaitkan penilaian kendiri yang positif dengan penilaian orang

lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya yang terjadi melalui derianya di antara diri dan alam sekelilingnya sehingga mempengaruhi perasaan tentang kebolehannya yang meliputi keyakinan dan harga dirinya. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Di samping itu, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati peralihan dari sekolah ke IPTA sebagai sebuah proses yang kompleks bagi kebanyakan pelajar, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu dan berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu. Selain daripada itu, Farnsworth (1957) berpendapat bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa. Tuntutan ini disebut dengan berdikari seperti pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Aspek berdikari pada diri pelajar yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Di sisi lain, kajian Baustad dan Tammy (1998) serta kajian Lessard (1998) yang mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar. Ianya merupakan tuntutan kepada diri pelajar di alam perkuliahan untuk memiliki dimensi sikap mengikut kumpulan (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998). Kesemua aspek-aspek ini menunjukkan adanya hubungan dari penilaian kendiri yang positif yang dimanifestasikan dengan memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri,

perasaan berharga dan kesedaran potensi diri sehingga akan memunculkan autonomi pada diri pelajar dengan manifestasi memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri serta memunculkan juga sikap mengikut kumpulan yang dimanifestasikan dengan kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan mengerjakan tugas bersama rekan dan kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999). Maka, pada akhirnya akan membentuk keseimbangan psikik, kemampuan memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, kemampuan memberikan tumpuan dalam pembelajaran serta memiliki minat untuk beraktiviti sebagai manifestasi daripada kesepaduan personaliti.

Dalam kajian ini pula menunjukkan bahawa persepsi realiti bagi IPTA1 dan IPTA4 dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti. Manakala menguasai persekitaran bagi IPTA4 sahaja yang dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti. Dapatkan ini memperkuat pernyataan bahawa faktor persekitaran dapat mempengaruhi kesihatan mental pelajar. Faktor persekitaran ini adalah salah satu daripada tiga faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar yaitu ciri-ciri khusus individu, faktor persekitaran dan peristiwa dalam hidup (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008; Rice, 2001). Kesihatan juga wujud kerana adanya kesejahteraan sosial dari tiga faktor yang menjadi ciri dari kesihatan yakni faktor kesejahteraan fizikal, mental serta sosial (WHO, 2004). Jelas bahawa faktor persekitaran mengandungi aspek sosial, kerana menurut Langgulung (1983) dan Lim (2008) bahawa kesihatan mental merupakan penyesuaian sosial yang berbeza mengikut tempat dan waktu yang dimiliki oleh pelajar dalam pelbagai tahap. Bahkan, ianya menunjukkan darjat atau sejauh manakah seseorang berjaya menyesuaikan diri secara dalaman di antara penggerak-penggerak dan pendorong-pendorongnya yang pelbagai, di samping menyesuaikan diri dengan alam sekitar

disekelilingnya termasuk benda hidup atau bukan hidup. Persekutaran IPTA1 (UiTM) dan IPTA4 (UM) yang letaknya berada di Bandaraya merupakan faktor yang menunjukkan pentingnya peranan persepsi realiti dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Bahkan menguasai persekitaran bagi IPTA4 (UM) yang letaknya berada di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara, sangat memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar. Persekutaran di dalam Bandaraya yang pasti banyak memiliki tuntutan dan cabaran seperti beban hidup yang mendesak, cara dan gaya hidup yang makin mencabar, keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal, keperluan materialistik akan menyebabkan pelajar terpaksa ‘membesar lebih cepat daripada masanya’ (Katiman Rostam, 2006; Malaysian Psychiatric Association, 2008). Disamping itu, banyak faktor lain yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar, seperti tekanan yang mungkin boleh berlaku akibat masalah pertelingkahan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, kemudian juga masalah perkuliahan dan pelbagai aktiviti sosial (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008). Hal demikian yang mungkin dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya bagi pelajar untuk memiliki dimensi persepsi realiti dan menguasai persekitaran dalam rangka membentuk kesepaduan personaliti. Tambahan pula bahawa pendidikan di Malaysia merupakan satu aset yang sangat berharga bagi negara. Malaysia juga bergerak maju dalam bidang pendidikan yang sangat memerlukan modal insan di kalangan pelajar yang berkualiti dalam semua aspek termasuklah aspek kesihatan fizikal, mental dan juga sosial. Evans, Barer dan Marmor (1994) menyatakan kesihatan mempunyai impak yang sangat besar terhadap kebahagiaan hidup dan kemahiran mengerjakan tugas yang secara langsung memberi kesan terhadap produktiviti perkuliahan pelajar.

Kesan tidak langsung juga terdapat pada persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi IPTA1 dan IPTA4. Manakala bagi IPTA2 dan IPTA3 kesan tidak langsung persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa bagi IPTA1 dan IPTA4 yang terletak di Bandaraya mendapati persepsi realiti memainkan peranan penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi sahaja. Dapatan kajian ini dijelaskan oleh Katiman Rostam (2006) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa Bandaraya dengan cara hidup yang lebih mencabar seperti kepadatan penduduk yang tinggi, kos sara hidup yang mahal. Hal ini kerana arus globalisasi yang menyebabkan kehidupan Bandaraya dipenuhi dengan aspek materialistik (Kasim Mansur, Gusni Saat & Said Effendi, 2009) dan meluasnya individualisme, ketidakpedulian serta kuranganya kawalan sosial yang formal (Wirth, 1938). Oleh kerana itu, mungkin cabaran hidup yang berat tersebut membuat pelajar terbiasa lebih *survive* dalam menjalani kehidupan. Jadi bagi pelajar IPTA1 dan IPTA4 memiliki kestabilan diri dalam tindakannya dan lebih bergantung pada potensi diri sebagai manifestasi autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) telah memadai untuk pembentukan kesepaduan personaliti. Manakala bagi IPTA2 dan IPTA3 yang terletak di pinggir Bandaraya mendapati persepsi realiti memainkan peranan penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi pelajar IPTA2 dan IPTA3 yang terletak di pinggir Bandaraya selain autonomi ikut memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti, juga didapati sikap mengikut kumpulan ikut memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini juga mungkin dikeranakan persekitaran IPTA2 dan IPTA3 yang terletak di pinggir Bandaraya kerana menurut Abdul Rahman Embong (2011) kehidupan di Bandar atau pinggir Bandaraya seperti IPTA2 dan IPTA3 terjadi proses pembandaran dan masih

terus berlaku, sehingga kehidupan Bandar atau urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia. Akan tetapi kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Maka Abdul Rahman Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar. Dengan adanya pernyataan ini jelas bahawa bagi pelajar IPTA2 dan IPTA3 kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rekan, kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999) masih tetap diperlukan dan dilestarikan.

Kesan tidak langsung juga berlaku bagi menguasai persekitaran IPTA1 dan IPTA4 ke atas kesepadan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan. Dapatan kajian ini disokong oleh pernyataan Warren dan Carmichael (1930) yang menyatakan bahawa gabungan di antara psikologikal dan fizikal sebagai kesepadan personaliti dengan persekitarannya (Kamarulzaman, 2009). Kajian Baustad dan Tammy (1998) dan juga kajian Lessard (1998) mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar. Hal ini bermakna pelajar atau pelajar yang tidak mampu menjalankan tanggungjawab dan tidak cekap dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan yang merupakan manifestasi dimensi menguasai persekitaran akan memunculkan ketidakmampuan individu dalam penyeimbangan psikik, memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan minat beraktiviti sebagai manifestasi dari dimensi kesepadan personaliti yang pada akhirnya pelajar akan mudah mengalami stres (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998; Lim, 2008). Maka bagi pelajar IPTA1 dan IPTA4 yang terletak di

Bandaraya mendapati menguasai persekitaran memainkan peranan yang sangat penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan.

Manakala untuk IPTA2 kesan tidak langsung bagi menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi. Dapatkan ini menunjukkan bahawa lokasi IPTA2 yang agak dekat dengan Bandaraya walaupun berada di pinggir Bandaraya mendapati autonomi memainkan peranan yang penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Mungkin lokasi IPTA2 yang agak dekat dengan Bandaraya walaupun berada di pinggir Bandaraya sekurang-kurangnya terkena pengaruh arus globalisasi yang dipenuhi dengan aspek materialistik (Kasim Mansur et al., 2009) dan juga pengaruh individualisme, ketidakpedulian serta kurangnya kawalan sosial yang formal (Wirth, 1938). Maka, pengaruh cabaran hidup yang berat dari Bandaraya tersebut menjadikan pelajar IPTA2 perlu *survive* dalam menjalani kehidupan. Jadi, bagi pelajar IPTA2 memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi yang dimilikinya sebagai manifestasi autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) adalah diperlukan di dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Sedangkan untuk IPTA3 kesan tidak langsung bagi menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatkan ini pula menunjukkan bahawa lokasi IPTA3 yang berada di pinggir Bandaraya dan agak jauh dari Bandaraya berbanding IPTA2 memandang penting peranan autonomi dan sikap mengikut kumpulan di dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Dapatkan ini juga selaras dengan Abdul Rahman Embong (2011) yang menyatakan bahawa masih tetap berlaku di Bandar sebuah hubungan dan organisasi sosial dalam kalangan masyarakat sebagai keperluan bagi kehidupan bersosial yang berasaskan nilai-nilai budaya dan keagamaan. Maka, dengan adanya pernyataan tersebut jelas bahawa bagi

pelajar IPTA3 kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rekan, kemampuan menemukan suasana yang selesa sebagai manifestasi sikap mengikut kumpulan serta memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri sebagai manifestasi autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) adalah sangat diperlukan di dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

### **5.3.7 Moderator: Jantina**

Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa jantina adalah bukan moderator dalam menjelaskan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Dapatan ini selaras dengan kajian Md Safian (2007) yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan dari aspek kesihatan mental dan tahap produktiviti yang dalam kajian ini dimanifestasikan oleh kesepaduan personaliti. Selanjutnya, Marhani (2013) dan National Institute For Clinical Excellence (2003) juga menyatakan bahawa kebanyakan kecelaruan mental berlaku pada kadar yang sama antara perempuan dan lelaki. Pendapat yang lebih khas dinyatakan oleh Farnsworth (1957) bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa, sama ada pelajar lelaki ataupun perempuan. Tuntutan yang direalisasikan dengan kemampuan berdikari yang berhubungkait dengan autonomi oleh kalangan pelajar dianggap bahawa dirinya telah memiliki autonomi dari orang tua mereka atau dikenal dengan *separation-individuation* (Newman & Newman, 2009; Jas Laile, 2002). Newman dan Newman (2009) lebih lanjut menjelaskan tentang aspek berdikari pada diri pelajar adalah diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan. Di samping itu, kajian Baustad dan Tammy (1998) serta kajian Lessard

(1998) mendapati bahawa kebanyakan kalangan pelajar IPT (Institut Pengajian Tinggi), sama ada lelaki maupun perempuan menganggap beban kerja akademik sebagai penyebab stres dalam diri mereka.

Seterusnya, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati bahawa bagi kebanyakan pelajar sama ada lelaki ataupun perempuan menganggap peralihan dari sekolah ke IPT (Institut Pengajian Tinggi) sebagai sebuah proses yang kompleks, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu yang berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Wondimu dan Marjon (2006) serta Nasim, Robert, Harrell dan Young (2005) yang menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari aspek konsep kendiri akademik yang dapat memainkan peranan dalam mempertingkatkan pencapaian akademik serta merupakan satu-satunya peramal bukan kognitif yang memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar kolej. Selain daripada itu, kajian Yap (2000) dan Heng (2000) serta Tian (2006) begitu juga kajian Ruzina (2005) menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari aspek status sosioekonomi yang juga dapat memainkan peranan dalam mempertingkatkan pencapaian akademik. Selain daripada itu, kajian Harter (1999) menyatakan tentang autonomi bahawa rata-rata lelaki dan perempuan memiliki tingkat kesulitan yang sama dalam mengeluarkan pendapat ketika mereka berada di tingkat sekolah menengah pertama dan sekolah menengah atas.

### **5.3.8 Model *Trimming* Mengikut IPTA dan Jantina bagi Tujuan Parsimony**

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa persepsi realiti dan menguasai persekitaran bagi pelajar perempuan IPTA4 sahaja dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti. Dapatan ini memperkuat pernyataan bahawa faktor persekitaran dapat mempengaruhi kesihatan mental pelajar. Kerana persekitaran merupakan salah satu daripada tiga faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar yakni ciri-ciri khusus individu, faktor persekitaran dan peristiwa dalam hidup (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008). Selain daripada itu, menurut WHO (2004) bahawa kesihatan wujud kerana adanya kesejahteraan sosial dari tiga faktor yang menjadi ciri dari kesihatan yakni faktor kesejahteraan fizikal, mental dan sosial. Jelas bahawa faktor persekitaran mengandungi aspek sosial, kerana menurut Langgulung (1983) dan Lim (2008) bahawa kesihatan mental merupakan penyesuaian sosial yang berbeza mengikut tempat dan waktu yang dimiliki oleh pelajar dalam pelbagai tahap. Bahkan, ianya menunjukkan darjat atau sejauh manakah seseorang berjaya menyesuaikan diri secara dalaman di antara penggerak-penggerak dan pendorong-pendorongnya yang pelbagai, di samping menyesuaikan diri dengan alam sekitar disekelilingnya termasuk benda hidup atau bukan hidup. Persekutaran bagi pelajar perempuan IPTA4 yang letak IPTA-nya berada di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara menunjukkan bahawa dimensi persepsi realiti dan menguasai persekitaran sangat memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar. Hal ini kerana persekitaran di dalam Bandaraya yang memiliki banyak tuntutan dan cabaran seperti bebanan hidup yang mendesak, cara dan gaya hidup yang makin mencabar, keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal, keperluan materialistik akan menyebabkan pelajar terpaksa ‘membesar lebih cepat daripada masanya’ (Katiman Rostam, 2006; Malaysian Psychiatric Association, 2008),

termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar, seperti tekanan yang diakibatkan masalah pertelingkahan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, kemudian juga masalah perkuliahan dan pelbagai aktiviti sosial (Malaysian Psychiatric Association, 2008; Lim, 2008). Hal demikian yang mungkin dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa penting bagi pelajar untuk memiliki dimensi persepsi realiti dan menguasai persekitaran dalam rangka membentuk kesepaduan personaliti. Tambahan pula bahawa pendidikan di Malaysia merupakan satu aset yang sangat berharga bagi Negara. Kerana Malaysia juga bergerak maju dalam bidang pendidikan yang sangat memerlukan modal insan dalam kalangan pelajar yang berkualiti disemua aspek termasuklah aspek kesihatan fizikal, mental dan juga sosial. Oleh kerana itu, menurut Evans et al. (1994) kesihatan mempunyai impak yang sangat besar terhadap kebahagiaan hidup dan kemahiran mengerjakan tugas yang secara langsung memberi kesan terhadap produktiviti perkuliahan pelajar, khasnya pelajar perempuan IPTA4 dalam kajian ini.

Kesan tidak langsung juga terdapat pada persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA3 dan pelajar lelaki IPTA4. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa antara pelajar perempuan IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA3 memiliki kesamaan dengan pelajar lelaki IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA4 pada kesan tidak langsung persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan dari segi jantina dan lokasi IPTA masing-masing pelajar tetapi terdapat kesamaan di dalam pentingnya peranan autonomi dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Dapatkan ini selaras dengan salah satu dapatan kajian oleh Md Safian (2007) yang mendapati bahawa aspek kesihatan mental dan tahap produktiviti tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan. Selain

daripada itu, Marhani (2013) dan National Institute For Clinical Excellence (2003) juga menyatakan bahawa kebanyakan kecelaruan mental berlaku pada kadar yang sama antara perempuan dan lelaki. Di sisi lain, pendapat Farnsworth (1957) bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa, sama ada pelajar lelaki maupun perempuan. Tuntutan yang direalisasikan dengan kemampuan berdikari yang berhubungkait dengan autonomi oleh kalangan pelajar dianggap bahawa dirinya telah memiliki autonomi dari orang tua mereka atau dikenal dengan *separation-individuation* (Newman & Newman, 2009; Jas Laile, 2002). Selanjutnya Newman dan Newman (2009) menyatakan bahawa aspek berdikari pada diri pelajar diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan. Kemudian Abdul Rahman Embong (2011) juga menyatakan bahawa kehidupan di Bandar terjadi proses pembandaran seperti halnya Bandaraya dan masih terus berlaku, sehingga kehidupan bandar atau urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia. Oleh kerana itu, adanya cara hidup yang mencabar seperti semakin padatnya penduduk, kos sara hidup yang mahal, adanya arus globalisasi dengan aspek materialistik dan meluasnya individualisme (Kasim Mansur et al., 2009; Katiman Rostam, 2006; Wirth, 1938) menjadikan pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA3 dan pelajar lelaki IPTA4 memiliki kestabilan diri dalam tindakannya dan lebih bergantung pada potensi diri sebagai manifestasi autonomi dalam pembentukan kesepadan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999) walaupun berbeza dari segi jantina dan lokasi IPTA.

Manakala kesan tidak langsung juga didapati pada persepsi realiti ke atas kesepadan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan bagi pelajar

perempuan IPTA1, pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3. Ini menunjukkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan yang bertindak sebagai mediator turut berperanan dalam pembentukan kesepaduan personaliti bagi pelajar perempuan IPTA1, pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3. Hal ini mungkin lebih disebabkan oleh lokasi IPTA1, IPTA2 dan IPTA3 yang sama-sama terletak di Bandar dan Bandaraya walaupun didapati perbezaan jantina di antara kedua IPTA tersebut. Dapatan kajian menerangkan bahawa persepsi realiti memainkan peranan penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi pelajar perempuan IPTA1, pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3 yang terletak di Bandar dan Bandaraya selain autonomi ikut memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti, juga didapati sikap mengikut kumpulan ikut memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini juga selaras dengan pernyataan Abdul Rahman Embong (2011) bahawa kehidupan di Bandar ataupun Bandaraya seperti IPTA1, IPTA2 dan IPTA3 terjadi proses pembedaran dan masih terus berlaku, sehingga kehidupan bandar atau urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia. Akan tetapi kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Maka, Abdul Rahman Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar, bahkan Bandaraya. Oleh kerana itu, dengan adanya pernyataan ini jelas bahawa bagi pelajar perempuan IPTA1, pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3 kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rekan, kemampuan

menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999) masih tetap diperlukan dan dilestarikan.

Kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan bagi pelajar lelaki IPTA1. Hal ini menerangkan bahawa menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki IPTA1 turut berperanan dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator. Hubungan yang positif ini juga menunjukkan bahawa pentingnya menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki IPTA1 dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan kerana Lim (2008) mendapati dalam kajiannya bahawa faktor persekitaran akademik adalah salah satu faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa adanya hubungan yang positif antara menguasai persekitaran dengan sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini menunjukkan bahawa sikap mengikut kumpulan memainkan peranan yang sangat penting bagi pelajar lelaki IPTA1 dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Dapatkan ini selaras dengan pernyataan Abdul Rahman Embong (2011) bahawa kehidupan di Bandar dan Bandaraya seperti lokasi IPTA1 terjadi proses pembandaran dan masih terus berlaku, sehingga urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia, akan tetapi kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Maka Abdul Rahman Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar dan Bandaraya. Bahkan, kajian Ainur Zaireen dan Jalaluddin (2010) di

Bandaraya Shah Alam mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan konsep Bandar selamat yang amat bergantung kepada persekitaran fizikal, sehingga PBT telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan menerusi pelbagai kegiatan kemasyarakatan untuk mencegah perilaku jenayah di kawasan tempat tinggal mereka. Maka, jelas bahawa bagi pelajar lelaki IPTA1 kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rekan, kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999) masih tetap diperlukan dan dilestarikan.

Kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan bagi pelajar perempuan IPTA3. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa menguasai persekitaran bagi pelajar perempuan IPTA3 ikut memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan yang betindak sebagai mediator. Hubungan yang positif ini juga selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Lim (2008) yang mendapati bahawa faktor persekitaran akademik adalah salah satu di antara faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Selain daripada itu, kajian Baustad dan Tammy (1998) dan kajian Lessard (1998) yang mendapati stres dalam kalangan pelajar disebabkan oleh beban kerja akademik dan pengaruh arus globalisasi atau proses pembandaran yang materialistik dan masih terus berlaku, sehingga urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2011; Kasim Mansur et al., 2009) yang memunculkan individualisme, ketidakpedulian serta kurangnya kawalan sosial formal (Wirth, 1938). Akan tetapi menurut Abdul Rahman Embong (2011) kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Maka, Abdul Rahman

Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar, seperti halnya persekitaran IPTA3. Oleh kerana itu, hasil kajian ini mendapati bahawa sangat diperlukan bagi pelajar perempuan IPTA3 untuk memiliki kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, mengerjakan tugas bersama rekan, menemukan suasana yang selesa dan juga memiliki kestabilan dalam bertindak serta kebergantungan terhadap potensi yang dimiliki diri sendiri sebagai manifestasi dimensi sikap mengikut kumpulan dan autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4. Dapatan ini menerangkan bahawa autonomi memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini mungkin disebabkan lokasi IPTA4 yang berada di Bandaraya dan juga menjadi Ibu Negara sehingga terdapat pengaruh arus globalisasi yang dipenuhi dengan aspek materialistik (Kasim Mansur et al., 2009) dan juga pengaruh individualisme, ketidakpedulian serta kuranganya kawalan sosial yang formal (Wirth, 1938). Maka, pengaruh cabaran hidup yang berat di Bandaraya yang juga Ibu Negara ini menjadikan pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 perlu *survive* dalam menjalani kehidupan. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi yang dimilikinya sebagai manifestasi autonomi (Jagdis & Srivastava, 1999) bagi pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 adalah diperlukan di dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Akhir sekali, kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada penilaian kendiri yang positif ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi pelajar lelaki IPTA1. Dapatan ini menunjukkan bahawa dimensi penilaian kendiri yang positif bagi pelajar lelaki IPTA1 turut berperanan dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi yang bertindak sebagai moderator. Tambahan pula, hal ini juga menerangkan bahawa autonomi ikut memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti bagi pelajar lelaki IPTA1. Hasil kajian ini unik kerana berbeza dengan kesemua dapatan penilaian kendiri yang positif dari aspek peranan mediator dalam pembentukan kesepaduan personaliti bagi jantina mengikut IPTA di bawah ini.

Kesan tidak langsung bagi penilaian kendiri yang positif ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan didapati pada pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA2, pelajar lelaki IPTA3, pelajar perempuan IPTA3, pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dimensi penilaian kendiri yang positif lebih kepada aspek nilai yang menurut Horney (1950) dan Jamaludin Ramli (2014) sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia juga berkait rapat dengan perasaan seseorang terhadap kebolehan dirinya, perkara yang berlaku pada dirinya dan perkara yang akan berlaku padanya. Bahkan, proses tersebut menurut Engler (1991) mengakibatkan pengubahsuaian kendiri yang akan mewujudkan neurotik kepada seseorang. Maka dapatan kajian ini selaras dengan pernyataan Jamaludin Ramli (2014) dan Horney (1950) yang menghubungkaitkan penilaian kendiri yang positif dengan penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya yang terjadi melalui derianya di antara diri dan alam sekelilingnya sehingga mempengaruhi perasaan tentang kebolehannya yang meliputi keyakinan dan harga

dirinya. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Selain daripada itu, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati peralihan dari sekolah ke IPTA sebagai sebuah proses yang kompleks bagi kebanyakan pelajar, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu dan berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu. Selain daripada itu, Farnsworth (1957) berpendapat bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa. Tuntutan ini disebut dengan berdikari seperti pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Aspek berdikari pada diri pelajar yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Di sisi lain, kajian Baustad dan Tammy (1998) serta kajian Lessard (1998) yang mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar. Ianya merupakan tuntutan kepada diri pelajar di alam perkuliahan untuk memiliki dimensi sikap mengikut kumpulan (Fisher, 1994; Baustad & Tammy, 1998; Lessard, 1998). Kesemua aspek-aspek ini menunjukkan adanya hubungan dari penilaian kendiri yang positif yang dimanifestasikan dengan memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga dan kesedaran potensi diri sehingga akan memunculkan autonomi pada diri pelajar dengan manifestasi memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri serta

memunculkan juga sikap mengikut kumpulan yang dimanifestasikan dengan kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan mengerjakan tugas bersama rekan dan kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999). Maka, pada akhirnya akan membentuk keseimbangan psikik, kemampuan memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, kemampuan memberikan tumpuan dalam pembelajaran serta memiliki minat untuk beraktiviti sebagai manifestasi daripada kesepaduan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

#### **5.4 Implikasi Kajian**

Kajian yang dijalankan ini telah memberi sumbangan kepada pelbagai pihak dengan mengkaji aspek kesihatan mental dalam kalangan pelajar. Model kesihatan mental yang dibina telah menunjukkan bahawa penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan autonomi dapat menghasilkan kesan ke atas kesepaduan personaliti.

##### Pihak IPTA

Merujuk kepada pernyataan Meichati (1983) bahawa Institusi Pengajian Tinggi sememangnya mempunyai tugas berat dikeranakan tidak hanya mengembangkan intelektual pelajar sebagai calon tenaga ahli, tetapi yang lebih penting adalah menyiapkan pelajar dengan personaliti yang seimbang, sehingga dapat memenuhi tuntutan ilmiah, fizikal dan mental yang sihat serta tanggung jawab sosial. Maka dari aspek kesihatan mental, dapatan kajian ini telah memberi maklumat kepada pihak IPTA terutamanya pihak pentadbiran dan para pensyarah untuk mendalami pemahaman mereka berkenaan dengan dimensi-dimensi yang dapat mempengaruhi kesepaduan pesonaliti. Secara amnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi realiti dan

menguasai persekitaran menjadi penentu kepada kesepaduan personaliti. Oleh kerana itu, seorang pensyarah boleh berusaha memberi pemahaman sekaligus membentuk persepsi realiti dan menguasai persekitaran dalam diri pelajar, terutamanya pelajar yang lemah dari aspek tersebut di lingkungan IPTA sebagai institusi pengajaran dan pendidikan. Para pensyarah harus mempertingkatkan juga, bagi pelajar yang telah stabil dari aspek persepsi realiti dan menguasai persekitaran supaya mereka boleh mencapai kesepaduan personaliti yang lebih baik.

Para pensyarah harus memberi kesedaran dan didikan kepada pelajar untuk memiliki persepsi yang bebas daripada distorsi keperluan yakni pelajar harus memiliki persepsi yang tepat tentang realiti, kemudian pelajar juga digalakkan untuk tidak berfantasi secara berlebihan dan sepatutnya memiliki wawasan yang luas sebagai manifestasi dimensi persepsi realiti seperti yang dikonseptualkan oleh Jahoda (1958) serta Jagdis dan Srivastava (1999).

Selain daripada itu, pensyarah juga perlu menyedarkan pelajar tentang pentingnya memiliki kecekapan dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan, keupayaan untuk mengerjakan tugas dan beriadah, keupayaan untuk mengambil tanggungjawab dan keupayaan untuk penyesuaian sebagai manifestasi dari dimensi menguasai persekitaran seperti yang dicadangkan oleh Jahoda (1958), Fromm (1963) serta Jagdis dan Srivastava (1999).

Pensyarah dan pihak pentadbir seharusnya memahami bahawa walaupun kesepaduan personaliti dan dimensi-dimensi yang mempengaruhinya tiada berkenaan dengan perkuliahan tetapi ia tidak harus dipandang remeh. Ini kerana kesepaduan personaliti sebagai manifestasi utama dari kasihan mental, banyak melibatkan

kehidupan harian pelajar yang di antaranya memupuk perasaan, fikiran dan tingkah laku yang positif dalam diri; mampu berinteraksi secara sihat dengan orang lain, kumpulan dan persekitarannya; kemudian mampu mengendalikan tanggungjawab, masalah dan tekanan yang timbul dari kehidupan harian (Puan Amina, 2009).

Dapatan kajian ini juga menanam kesedaran dalam golongan pentadbir dan pendidik supaya tidak mengabaikan impak-impak yang mungkin wujud oleh jantina dan IPTA dalam usaha merancang program untuk mempertingkatkan kesepaduan personaliti pelajar. Kedua-dua moderator jantina dan IPTA dapat memainkan peranan dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar. Laporan kajian Baustad dan Tammy (1998) dan Lessard (1998) menyatakan bahawa penyebab tekanan pada pelajar adalah terjadinya ketidak seimbangan antara psikologikal dan fizikal dengan persekitarannya.

#### Pihak Kerajaan

Dapatan kajian telah menjelaskan hubungan antara penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan autonomi dengan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA sekitar Lembah Klang.

Hasil kajian ini dapat menyumbang maklumat kepada pihak Kementerian Pendidikan (Jabatan Pengajian Tinggi) untuk membuat kebijakan yang dapat membantu dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar serta dengan menekankan dimensi-dimensi yang mempengaruhinya. Maka, dengan demikian diharapkan akan terwujudnya hasrat pembangunan dan pengekalan modal insan bertaraf dunia yang berkelayakan tinggi, kreatif, inovatif dan berkemahiran sebagai salah satu teras strategik Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Untuk mewujudkan modal insan yang diimpikan pada

masa depan, maka diperlukan pelajar yang berkualiti dari segi ilmu pengetahuan serta mempunyai perkembangan aspek-aspek personaliti yang cemerlang supaya dapat menghadapi cabaran, pengaruh dan persaingan sehingga tidak melenyapkan jati diri bangsa dan negara akibat daripada hanyut arus globalisasi.

### Pihak Pelajar

Hasil kajian ini menyampaikan input tentang kesepaduan personaliti yang dapat mempengaruhi pelajar dalam proses perkuliahan di IPTA. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA dari dimensi kesepaduan personaliti dan dimensi-dimensi yang mempengaruhinya adalah rendah. Oleh kerana itu penting bagi pelajar untuk mengetahui bahawa secara am dimensi persepsi realiti mempengaruhi kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi, manakala menguasai persekitaran mempengaruhi kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan penilaian kendiri yang positif mempengaruhi kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi. Sehingga perlu adanya usaha dan latihan di dalam membentuk ketiga dimensi tersebut dengan melatih diri dengan manifestasi ketiga-tiga dimensi seperti bebas daripada distorsi keperluan, ketiadaan fantasi berlebihan, wawasan yang luas, memiliki kecekapan dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan, berupaya untuk mengerjakan tugas dan beriadah, berupaya mengambil tanggung jawab, berupaya menyesuaikan diri, memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga dan kesedaran akan potensi diri.

Dengan demikian hasil kajian juga memberikan maklumat bahawa pelajar perlu sedar kepentingan dari mediator yakni dimensi sikap mengikut kumpulan dan autonomi yang turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

## **5.5 Limitasi Dan Cadangan Untuk Kajian Lanjutan**

Beberapa limitasi kajian telah dikesan dalam kajian ini. Bahagian ini akan membincangkan aspek limitasi dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengkaji di masa depan.

Data-data kajian ini telah dikutip dengan sampel menjawab soal selidik dan bukan *interview*. Maka data-data yang didapati banyak bergantung kepada persepsi sampel tentang dimensi-dimensi yang disoal dalam soal selidik serta pemahaman sampel terhadap soalan yang ditanya. Sampel juga tidak berpeluang untuk menyuarakan pendapatnya kerana terpaksa memilih jawaban yang telah disediakan oleh pengakaji. Ketepatan jawaban yang diberi oleh sampel juga bergantung kepada keikhlasan, kejujuran dan emosi serta keadaan persekitaran semasa dia menjawab soal selidik, walaupun prosedur pentadbiran dan pengumpulan data telah dirancang oleh penyelidik supaya dapat meminimumkan kelemahan yang mana sesetengah sampel menganggap soalan dalam instrumen sebagai petunjuk kepada kebolehan mereka dan dengan itu cuba menjawab soalan-soalan dalam cara untuk meningkatkan persepsi mereka atau orang lain ke atas diri mereka.

Kesepaduan personaliti dan dimensi-dimensi yang mempengaruhinya sebagai sebuah kesatuan dimensi dalam membentuk kesihatan mental dalam kalangan pelajar dalam kajian ini menunjukkan tahap yang rendah, bahkan sangat rendah. Hal ini mungkin disebabkan beberapa hal, diantaranya bahawa nisbah lelaki 1 berbanding 3 dari perempuan dalam kajian ini. Kemudian didapati ramai pelajar tahun pertama dalam kalangan sampel. Oleh kerana itu, dari segi emosi masih labil, dan mungkin masih dalam masa transisi untuk sosialisasi dan adaptasi di alam persekitaran IPTA yang berbeza dari persekitaran persekolahan dan rumah. Maka ada kemungkinan, jika pelajar

pada tahun dua dan seterusnya akan memiliki tahap kesihatan mental yang lebih baik berbanding tahun pertama kerana telah memiliki kestabilan emosi dan telah bersosialisasi dengan persekitaran IPTA. Maka, penyelidik tidak menafikan bahawa pelajar sarjana muda dalam kajian ini dari segi akademik adalah cemerlang, akan tetapi dari segi emosi didapati masih labil dan belum mencapai tahap kesihatan mental yang tinggi.

Diperlukan kajian lanjutan yang mengambil kira ras dan agama sampel dengan jumlah yang mencukupi, serta melibatkan pelajar luar Fakulti Pendidikan yang dalam kajian ini tidak dapat dipenuhi. Hal ini mungkin akan memberikan kepelbagaiannya respon sampel terhadap kategori respon dalam instrumen kajian ini.

Perlu juga untuk mengambil kira sampel pelajar di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sebagai sampel kajian. Bahkan, mungkin nantinya akan membolehkan perbandingan kesihatan mental di antara sampel pelajar IPTS dan IPTA.

Selain daripada itu, lokasi IPTA perlu diambil kira untuk membuat perbandingan di antara sampel pelajar IPTA pelbagai Negeri.

## **5.6 Kesimpulan**

Tujuan dari kajian yang telah dijalankan ini adalah untuk menemukan faktor-faktor yang dapat meramal kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan di empat buah IPTA sekitar Lembah Klang yang membabitkan sampel sebanyak 1715 pelajar. Ini adalah kerana terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembentukan kesepaduan personaliti. Pelajar yang memiliki kesepaduan personaliti yang positif akan yakin pada dirinya serta dapat mengharungi kehidupan sebagai pelajar

dengan lebih bermakna lagi. Oleh kerana itu, sebuah model *a priori* yang mengintegrasikan penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan autonomi dan kesepaduan personaliti dibentuk dengan tujuan untuk melihat hubungan semua dimensi tersebut. Pendekatan path analisis telah diguna pakai dalam menganalisis data dan seterusnya menjawab soalan-soalan kajian.

Hasil kajian mendapati bahawa model pengukuran CFA bagi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan, autonomi dan kesepaduan personaliti *fit* dengan data kajian. Ini menjelaskan bahawa semua indikator yang digunakan merupakan peramal yang signifikan bagi dimensi penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan, autonomi dan kesepaduan personaliti.

Disamping itu, pendekatan CFA yang diguna pakai bagi menguji model *a priori* kesepaduan personaliti juga didapati *fit* dengan data kajian. Ini menunjukkan wujudnya hubungan antara penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan, autonomi dan kesepaduan personaliti. Hasil analisis menunjukkan bahawa penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan autonomi merupakan peramal yang baik bagi pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar.

Bagi menguatkan lagi pembentukan model *a priori* kesepaduan personaliti pendekatan pengesahan silang (*cross validation*) model *a priori* kesepaduan personaliti dilakukan dan membabitkan IPTA3 sebanyak 394 pelajar. Keputusan analisis *model fit summary* melaporkan model dapat *fit* dengan data yang dikaji. Ini membuktikan bahawa

penilaian kendiri yang positif, persepsi realiti, menguasai persekitaran, sikap mengikut kumpulan dan autonomi merupakan peramal yang penting bagi pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar.

Sebagai rumusannya, bagi keseluruhan IPTA hasil kajian mendapati hubungan kesan langsung positif persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti dan menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti. Dapatkan juga menunjukkan bahawa hubungan positif yang lebih tinggi bagi persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti. Ini menggambarkan bahawa persepsi realiti memainkan peranan yang lebih penting berbanding dengan menguasai persekitaran ke atas pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Hal demikian, disebabkan pelajar yang memiliki persepsi realiti akan memiliki persepsi yang bebas daripada distorsi keperluan, tidak akan berfantasi secara berlebihan dan berwawasan yang luas. Tambahan pula, jika pensyarah dan pihak pentadbir IPTA turut memainkan peranan penting untuk pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar.

Manakala dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan kesan tidak langsung yang positif bagi persepsi realiti, menguasai persekitaran dan penilaian kendiri yang positif ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Kesan tidak langsung yang tertinggi terdapat pada penilaian kendiri yang positif ke atas kesepaduan personaliti, diikuti dengan persepsi realiti dan menguasai persekitaran sebagai mediator. Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa penilaian kendiri yang positif dapat memberi kesan yang lebih berat ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan persepsi realiti dan menguasai persekitaran. Maka sebagai mediator, peranan sikap mengikut kumpulan dan autonomi

turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif.

Seterusnya, bagi sampel mengikut IPTA dapatkan kajian menunjukkan wujudnya hubungan kesan langsung positif bagi persepsi realiti IPTA1 dan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti. Dapatkan juga menunjukkan bahawa hubungan positif yang lebih tinggi bagi persepsi realiti IPTA1, diikuti IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan menguasai persekitaran IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti. Ini menggambarkan bahawa persepsi realiti memainkan peranan yang lebih penting berbanding dengan menguasai persekitaran ke atas pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan.

Dapatkan kajian juga mendapati wujudnya hubungan kesan langsung positif bagi menguasai persekitaran IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti. Ini bermakna bahawa menguasai persekitaran memainkan peranan yang penting bagi pembentukan kesepaduan personaliti pelajar. Hal demikian mungkin disebabkan oleh persekitaran IPTA4 yakni letak IPTA yang berada ditengah-tengah Bandaraya sehingga bagi pelajar IPTA4 dimensi menguasai persekitaran sangat mempengaruhi secara langsung dan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Dapatkan kajian seterusnya menunjukkan wujudnya hubungan kesan tidak langsung positif bagi persepsi realiti IPTA1 dan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi. Manakala bagi persepsi realiti IPTA2 dan IPTA3 terdapat hubungan kesan tidak langsung positif ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Ini menunjukkan bahawa autonomi bagi IPTA1 dan IPTA4 sebagai mediator turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan

kesepaduan personaliti pelajar. Sedangkan IPTA2 dan IPTA3 menunjukkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Adanya perbezaan di antara IPTA1 dan IPTA4 dengan IPTA2 dan IPTA3 dalam hubungan kesan tidak langsung positif sebagai mediator mungkin juga disebabkan oleh persekitaran yang mana IPTA1 dan IPTA4 dengan IPTA2 adalah berada di bandar sedangkan IPTA2 dan IPTA3 berada di luar bandar.

Bagi sampel mengikut IPTA dapatan kajian juga mendapati wujudnya hubungan kesan tidak langsung positif bagi penilaian kendiri yang positif IPTA1, IPTA2, IPTA3 dan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator. Kesan tidak langsung yang tertinggi terdapat pada IPTA4, diikuti IPTA2, IPTA3 dan IPTA1. Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa penilaian kendiri yang positif memainkan peranan yang sangat penting melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator bagi pembentukan kesepaduan personaliti kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif bagi keseluruhan IPTA dalam kajian ini.

Bagi sampel mengikut jantina dapatan kajian menunjukkan wujudnya hubungan kesan langsung positif bagi persepsi realiti pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti. Bagi menguasai persekitaran pelajar perempuan juga menunjukkan wujudnya hubungan kesan langsung positif ke atas kesepaduan personaliti. Dapatkan juga menunjukkan bahawa hubungan positif yang lebih tinggi bagi persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti. Ini menggambarkan bahawa persepsi realiti memainkan peranan

yang lebih penting berbanding dengan menguasai persekitaran ke atas pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar perempuan sarjana muda pendidikan.

Dapatan kajian juga mendapati wujudnya hubungan kesan tidak langsung positif bagi persepsi realiti pelajar lelaki dan pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator. Kesan tidak langsung yang tertinggi terdapat pada persepsi realiti pelajar lelaki ke atas kesepaduan personaliti berbanding persepsi realiti pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa persepsi realiti pelajar lelaki dapat memberi kesan yang lebih berat ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan persepsi realiti pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti. Maka sebagai mediator, peranan sikap mengikut kumpulan dan autonomi turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif.

Sementara dapatan kajian mendapati wujudnya hubungan kesan tidak langsung positif bagi menguasai persekitaran pelajar lelaki ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan sebagai mediator. Ini menunjukkan bahawa sikap mengikut kumpulan bagi pelajar lelaki turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti sebagai mediator. Manakala kesan tidak langsung positif bagi menguasai persekitaran pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti adalah melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator. Ini menunjukkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan bagi pelajar perempuan turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti sebagai mediator. Menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan

dalam kajian ini didapati memberi kesan yang sama beratnya ke atas kesepaduan personaliti.

Selanjutnya, dapatkan kajian menunjukkan wujudnya hubungan kesan tidak langsung yang positif bagi penilaian kendiri yang positif pelajar lelaki dan pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Kesan tidak langsung yang tertinggi terdapat pada penilaian kendiri yang positif pelajar lelaki ke atas kesepaduan personaliti berbanding penilaian kendiri yang positif pelajar perempuan melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa penilaian kendiri yang positif pelajar lelaki dapat memberi kesan yang lebih berat ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan penilaian kendiri yang positif pelajar perempuan ke atas kesepaduan personaliti. Maka sebagai mediator, peranan sikap mengikut kumpulan dan autonomi turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar lelaki dan pelajar perempuan kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif.

Akhir sekali, bagi sampel jantina mengikut IPTA dapatkan kajian menunjukkan wujudnya hubungan kesan langsung positif bagi persepsi realiti pelajar perempuan IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti. Bagi menguasai persekitaran pelajar perempuan IPTA4 sahaja yang menunjukkan wujudnya hubungan kesan langsung positif ke atas kesepaduan personaliti. Dapatkan juga menunjukkan bahawa hubungan positif yang lebih tinggi bagi persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti. Ini menggambarkan bahawa persepsi realiti memainkan peranan yang lebih penting berbanding dengan menguasai persekitaran ke atas pembentukan kesepaduan

personaliti, setidak-tidaknya dalam kalangan pelajar perempuan IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA4 sarjana muda pendidikan dalam kajian ini. Terdapatnya hubungan kesan langsung positif bagi persepsi realiti pelajar perempuan IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA4 mungkin disebabkan persekitaran IPTA keduanya yang sama-sama berada di bandar, bahkan wujudnya hubungan kesan langsung positif bagi menguasai persekitaran yang hanya terdapat pada pelajar perempuan IPTA4 adalah sangat mungkin disebabkan pengaruh persekitaran IPTA yang tepat berada di tengah-tengah bandar.

Selanjutnya, dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan kesan tidak langsung yang positif bagi persepsi realiti pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA3 dan pelajar lelaki IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Maka sebagai mediator, peranan autonomi turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA3 dan pelajar lelaki IPTA4 kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif. Didapati juga kesan tidak langsung yang positif bagi persepsi realiti pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3 ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Maka sebagai mediator, peranan sikap mengikut kumpulan dan autonomi turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar perempuan IPTA2 dan pelajar lelaki IPTA3 kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif. Kesan tidak langsung yang tertinggi terdapat pada persepsi realiti pelajar lelaki IPTA3, diikuti persepsi realiti pelajar lelaki IPTA4, persepsi realiti pelajar lelaki IPTA2, persepsi realiti pelajar perempuan IPTA2, persepsi realiti pelajar perempuan IPTA3 dan persepsi realiti pelajar perempuan IPTA1 ke atas kesepaduan personaliti. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa persepsi realiti pelajar lelaki IPTA3 dapat memberi kesan yang

lebih berat ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan persepsi realiti pelajar lelaki IPTA4, persepsi realiti pelajar lelaki IPTA2, persepsi realiti pelajar perempuan IPTA2, persepsi realiti pelajar perempuan IPTA3 dan persepsi realiti pelajar perempuan IPTA1 ke atas kesepaduan personaliti.

Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan kesan tidak langsung yang positif bagi menguasai persekitaran pelajar lelaki IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA1 ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan yang berfungsi sebagai mediator. Maka sebagai mediator, peranan sikap mengikut kumpulan turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar lelaki IPTA1 dan pelajar perempuan IPTA1 kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif. Didapati juga kesan tidak langsung yang positif bagi menguasai persekitaran pelajar perempuan IPTA3 ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Maka sebagai mediator, peranan sikap mengikut kumpulan dan autonomi turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar perempuan IPTA3 kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif. Dan Didapati juga kesan tidak langsung yang positif bagi menguasai persekitaran pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Maka sebagai mediator, autonomi turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif. Kesan tidak langsung yang tertinggi terdapat pada menguasai persekitaran pelajar perempuan IPTA3 berbanding menguasai persekitaran pelajar lelaki IPTA1, menguasai persekitaran pelajar perempuan IPTA1, menguasai persekitaran pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti. Dapatan ini jelas menunjukkan

bahawa menguasai persekitaran pelajar perempuan IPTA3 dapat memberi kesan yang lebih berat ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan menguasai persekitaran pelajar lelaki IPTA1, menguasai persekitaran pelajar perempuan IPTA1, menguasai persekitaran pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti.

Dan dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan kesan tidak langsung yang positif bagi penilaian kendiri yang positif pelajar lelaki IPTA1 ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Maka sebagai mediator, peranan autonomi turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar lelaki IPTA1 kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif. Didapati juga kesan tidak langsung yang positif bagi penilaian kendiri yang positif pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA2, pelajar lelaki IPTA3, pelajar perempuan IPTA3, pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Maka sebagai mediator, peranan sikap mengikut kumpulan dan autonomi turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA2, pelajar lelaki IPTA3, pelajar perempuan IPTA3, pelajar lelaki IPTA4 dan pelajar perempuan IPTA4 kerana mempunyai kesan tidak langsung yang positif. Kesan tidak langsung yang tertinggi terdapat pada penilaian kendiri yang positif pelajar lelaki IPTA4 berbanding dengan penilaian kendiri yang positif pelajar lelaki IPTA1, pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA2, pelajar lelaki IPTA3, pelajar perempuan IPTA3 dan pelajar perempuan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi yang berfungsi sebagai mediator. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa penilaian kendiri

yang positif pelajar lelaki IPTA4 dapat memberi kesan yang lebih berat ke atas kesepaduan personaliti berbanding dengan penilaian kendiri yang positif pelajar lelaki IPTA1, pelajar perempuan IPTA1, pelajar lelaki IPTA2, pelajar perempuan IPTA2, pelajar lelaki IPTA3, pelajar perempuan IPTA3 dan pelajar perempuan IPTA4 ke atas kesepaduan personaliti.

Golongan pelajar merupakan aset yang sangat berharga kepada pembangunan serta kemajuan sesebuah negara. Pelajar merupakan individu yang berperanan sebagai bakal pemimpin dan akan membawa negaranya ke depan supaya dapat bersaing dengan arus globalisasi yang mencirikan inovasi. Oleh kerana itu, pembentukan kesepaduan personaliti yang positif dalam diri pelajar adalah sangat penting. Hal ini kerana kesepaduan personaliti yang positif akan menyebabkan pelajar memiliki keseimbangan psikik, mampu memahami dan berkongsi perasaan terhadap orang lain, mampu memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan akan berminat untuk beraktiviti. Maka akhirnya, dengan hasil kajian ini akan dapat menyumbang ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai kesepaduan personaliti seperti yang dihasratkan sebagai golongan masyarakat yang akan menjadi modal insan yang diimpikan pada masa depan dengan memiliki kualiti dari segi ilmu pengetahuan serta mempunyai perkembangan aspek-aspek personaliti yang cemerlang supaya dapat menghadapi cabaran, pengaruh dan persaingan sehingga tidak melenyapkan jati diri bangsa dan negara akibat daripada hanyut arus globalisasi (Jabatan Perdana Menteri, 2010).

## Daftar Pustaka

- Ab. Alim Abd Rahim (2004): Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum. Selangor: Penerbit Oxford Sdn. Bhd.
- Ab. Alim Abdul Rahim. (1994). Pengantar psikologi bilazim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Embong. (2011).Pembandaran dan Kehidupan Bandar di Semenanjung Malaysia (Urbanisation and Urban Life in Peninsular Malaysia). *Akademika 81(2)2011: 23-39.*
- Adler, A. (1935). The fundamental view of individual psychology. *International journal of individual psychology*, 1, 1-8.
- Ainur Zaireen Zainudin & Jalaluddin Abdul Malek. (2010). Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Penduduk Kajian Kes: Bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi*, 53 (Sains Sosial), Sept. 2010: 13–34: IPTA Teknologi Malaysia.
- Albright, J. J. (2007). Confirmatory factor analysis using AMOS, LISREL and Mplus. Diperolehi pada Jun 2009. Daripada: laman web Stat/Math Center, Indiana University <http://www.indiana.edu/~ststmath/stat/all/cfa/index.html>
- Arikunto, Suharsimi. (2005). Manajemen Penelitian, edisi Revisi. Jakarta : Rineka Cipta.
- Archer, J., & Cooper, S. (1998). *Counseling and mental health services on campus: A handbook of contemporary practices and challenges*.San Francisco: Jossey Bass.
- Ary, D., Jacobs, L. C. & Razavieh, A. (2002). Introduction to research in education (6<sup>th</sup>Ed.). Belmont, CA: Wadsworth Thompson Learning.
- Ardilla, Fauziya & Herdiana, Ike. Self-Acceptance in Woman Inmates /Penerimaan Diripada Narapidana Wanita. *Jurnal Psikologi Kepribadian dan Sosial*. Fakultas Psikologi Universitas Airlangga (UNAIR) Surabaya. Vol. 2 - No. 1 / 2013-02.
- Azizi Yahaya (2014a). Pembentukan personaliti remaja. Diperoleh pada Februari 2014. Daripada: [http://eprints.utm.my/6034/1/aziziyah\\_personaliti.pdf](http://eprints.utm.my/6034/1/aziziyah_personaliti.pdf)
- Azizi Yahaya (2014b). Punca berlakunya masalah gejala gangsterisme di kalangan remaja di beberapa buah sekolah menengah di empat buah Negeri. Diperoleh pada Mac 2014. Daripada: <http://eprints.utm.my/1483/1/FAKTOR-jurnal1.pdf>
- Azizi Yahaya & Tan Soo Yin. (2007). Kesihatan Mental. Johor: IPTA Teknologi Malaysia.
- Bamberg, Michael & Abell, Steven. (2006). Relocating the nexus of psychopathology and treatment: Thoughts on the contribution of Erich Fromm to contemporary

psychotherapy. J. Contemp Psychother: Springer Scince+Business Media, Inc. 36: 175-182.

Baustad, D. & Tammy, J. (1998). Junior High School Interventions for Students Stress and Workload. Guidance & Counseling, Vol. 14, No. 1, pp23-27.

Bandalos, D. L. & Finney, S. J. (2001). Item Parceling Issues In Structural Equation Modeling. In G. A. Marcoulides & R. E. Schumacker (Eds.), New Developments And Techniques In Structural Equation Modeling (pp. 269-296). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Association, Inc.

Bee, Helen L. (1995). The Developing Child. (7<sup>th</sup> ed.). New York: Harper Collins.

Bee, Helen L. & Boyd, Denise. (2009). The Developing Child (12th ed.). Boston, MA: Pearson.

Boeree, C. George. (2006). Personality Theories. Diperoleh pada 2013. Daripada: <http://www.ship.edu/%7Ecgboeree/perscontents.html>

Bojuwoye, O. (2002). Stressful experiences of first year students of selected IPTAes in South Africa. Counselling Psychology Quarterly, Volume 15, Number 3, 1 September 2002 , pp. 277-290(14).

Bohrnstedt, G. (1983). Measurement in P. H. Rossi, J. D. Wright and A. B. Anderson (ed.). Handbook Of Survey Research. New York: Academic Press.

Brislin R.W. (1970) Back-translation for cross-cultural research. Journal of Cross-Cultural Psychology 1, 185–216.

Brislin, R.W. (1980). Translation and content analysis of oral and written material. In H.C. Triandis and J.W. Berry (Eds.), Handbook of cross-cultural psychology (pp. 389-444). Boston: Allyn and Bacon.

Browne, M.W. and R. Cudeck (1993), “Alternative ways of assessing model fit,” in Testing Structural Equation Models, ed. K.A. Bollen and Long. S., Newbury Park CA: Sage, 136-162.

Bryman, A. (1988). Quantity, Quality In Social Research. London: Unwind Hyman.

Burns, R.B. (1994). Introduction to research methods in education. Cheshire, England: Longman.

Byrne, B. M. (2001). Structural Equation Modeling With Amos. NJ: Lawrence Erlbaum Association, Inc.

Byrne, B. M. (2010). Structural Equation Modeling With Amos (2nd ed.). NJ: Lawrence Erlbaum Association, Inc.

Carl Rogers (1987). dalam Kasturi Bai. (2013). Self-Esteem di kalangan Penagih Alkohol. Diperoleh pada 2013. Daripada:

<http://www.myhealth.gov.my/index.php/en/self-estreem-di-kalangan-penagih-alkohol>

- Carver, Charles S. & Scheier, Michael F. (2008). Perspectives on personality. (6<sup>th</sup> ed.) Boston: Pearson Eucation, Inc.
- Chou, C. P. & Bentler, P. M. (1995). Estimates and tests in structural equation modeling: concepts, issues and applications. Sage Publication, Thousand Oaks.
- Chammillard, A. T. & Sward, R. E. (2005). Learning styles across the curriculum. Annual Joint Conference Integrating Technology into Computer Science Education, 241-245.
- Christophel, Janice., Hardy, Chnita., Johnson, David P., Kramer, Krista., Neal, Kathryn., Williams, Susan. (1997). Analysis of Personality Types and Attitudes Toward Information Technology. Diperoleh pada 2012. Daripada:  
